

Bil. 83

**Khamis
14 Disember 2000**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga 2000

(Halaman 15)

Rang Undang-undang Pembangunan Sumber
Manusia Berhad 2000

(Halaman 36)

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera
(Pindaan) 2000

(Halaman 73)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 65)

Usul Menteri Kewangan

(Halaman 65)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan

(Halaman 73)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A.(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)

- Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N.
(Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala
Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J.,
K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak,
P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N.
(Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M.,
(Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah
Alam)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)

- Yang Berhormat Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King. (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S.
(Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S,
K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa
Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr.
Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S.,
S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk
Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin
Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad,
P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin
Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 14 Disember 2000
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak ceramah-ceramah terbuka yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu yang sepanjang ceramah tersebut banyak kritikan dan fitnah dilemparkan kepada kerajaan dan mendapat permit kelulusan daripada pihak polis dan juga tuan punya rumah berkenaan. Jika tidak ada permit dan kelulusan, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terbabit.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak 2,814 ceramah terbuka telah diluluskan. Bagi ceramah-ceramah yang tidak mempunyai permit, tindakan diambil ialah dengan mengarahkan supaya ceramah tersebut dihentikan dan orang ramai dinasihatkan supaya bersurai. Sekian.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa kebelakangan ini macam-macam ceramah telah diadakan oleh pihak parti pembangkang yang boleh dikatakan yang tidak mendapat sebarang permit atau kebenaran daripada pihak polis sama ada menggunakan rumah-rumah tertentu atau kawasan lapang yang mengganggu orang ramai dan lalu lintas, memfitnah kerajaan dan pemimpin mengikut sesuka hati penceramah. Kemudian diadakan ceramah atau tazkirah dalam masjid dan surau. Begitu pula dengan perhimpunan haram dan tunjuk perasaan ikut sesuka hati seolah-olah tidak ada undang-undang dan peraturan di negara ini. Sekarang ada intifadah menentang Israel pula, dan ada juga yang dikeluarkan dari penjara pun disambut dan diadakan perhimpunan mengganggu lalu lintas dan boleh menakutkan orang ramai seolah-olah bermaksud tidak menerima keputusan dan hukuman mahkamah.

Saya ingin mengingatkan kepada kerajaan kalau dibiarkan dan tidak ada apa-apa tindakan dibuat maka dikhuatiri akan menjadikan hura-hara dan menjejaskan ekonomi dan perpaduan rakyat, maka pada ketika itu rakyat akan menuduh kerajaan yang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, beri ucapan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini soalan. Sebelum apa-apa pun mesti ada mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu panjang.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mulai sekarang tindakan dan pengharapan tunjuk perasaan dan perhimpunan orang ramai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:...mesti dilaksanakan serta merta. Adakah kerajaan bersetuju cadangan itu? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya percaya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat pada pagi ini cukup bernas dan cukup baik, sebab selama ini kerajaan memang memegang kepada sikap terbuka di mana terdapat juga – memang kerajaan tahu ada juga ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu memang tidak mempunyai permit langsung. Kerajaan selama ini masih berpegang kepada sikap terbuka dan kita sabar, kita tak mahu ambil tindakan yang akan menyusahkan rakyat jelata walaupun sekumpulan orang yang terlibat.

Walau bagaimanapun, mungkin sudah sampai satu masa kita harus menilai semula sama ada ceramah-ceramah yang diadakan oleh setengah-setengah pihak adalah sihat untuk kebaikan rakyat jelata dan jika tidak mempunyai permit apa tindakan harus kita lakukan. Kemungkinan tindakan lebih keras harus dilakukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan permit ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkaitan. Kerana banyak permit ceramah yang diminta oleh khususnya parti pembangkang tidak dibenarkan oleh polis. Saya mahu tahu adakah satu dasar kerajaan untuk tidak membenarkan permit diberi kepada parti pembangkang untuk membuat ceramah.

Yang kedua, mengenai fitnah ini saya ingin tahu yang dimaksud dengan fitnah yang disebut oleh pihak kerajaan ini bolehkah dibezakan di antara kenyataan yang benar dengan fitnah ini, sebab setakat ini kita tidak dengar dakwaan di mahkamah atau tuduhan secara rasmi yang mengatakan ceramah-ceramah yang diberi oleh parti pembangkang ini merupakan fitnah, dan berapakah kes yang didakwa oleh kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim:yang berkaitan dengan fitnah ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, soalan yang pertama memang tidak benar sama sekali, iaitu kerajaan tidak memberi kelulusan kepada pihak pembangkang untuk mengadakan ceramah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 2,814 ceramah yang telah diluluskan dan untuk rekod dalam Dewan yang mulia ini, kebanyakan melebihi 70% dari 2,814 ceramah yang dianjurkan adalah dari pihak pembangkang. Apakah kata Yang Berhormat.

Yang kedua, memang tidak ada dasar. Kerajaan tidak membeza-bezakan sama ada siapa menganjurkan ceramah sama ada pembangkang ataupun parti komponen Barisan Nasional, asalkan syarat-syarat yang dikenakan yang terikat kepada permit itu dipatuhi. Yang paling penting ialah macam soal keamanan, soal keselamatan sama ada keamanan dapat dikawal dengan baik, sama ada ceramah-ceramah ini akan membuat gangguan kepada jiran-jiran atau orang yang duduk berhampiran di kampung-kampung itu, dan sama ada ianya akan memudaratkan keselamatan pada umumnya. Ini adalah syarat-syaratnya. Kerajaan harus memberi pertimbangan kepada keadaan-keadaan seumpama ini dahulu. Kita tak mahu keluarkan permit untuk ceramah yang dianjurkan oleh BNkah ataupun PAS atau KeADILangkah, selepas itu membawa masalah begitu banyak, masalah yang timbul keburukan lebih banyak daripada kebbaikannya.

Mengenai soal fitnah, tohmahan, ini adalah satu perkara yang terbukti. Walaupun masih tidak mengambil sebarang tindakan terhadap penganjur ataupun tuan rumah yang membenarkan ceramah diadakan. Kerajaan memang tahu, tetapi saya katakan tadi kerajaan memang mempunyai sikap terbuka, tak payahlah kita oleh kerana sedikit masalah kita hendak ambil tindakan walaupun telah menjadi satu kenyataan, fitnah-fitnah, tohmahan-tohmahan yang dilempar tanpa berasas.

Seperti saya katakan tadi juga mungkin sudah sampai satu masa kerajaan harus menilai sama ada penceramah-penceramah, tuan-tuan rumah yang membenarkan

ceramah diadakan jika mereka bertindak secara melulu tanpa berasas, sama ada ini akan membawa masalah yang lebih besar kepada negara. Ini satu masalah kita harus kita memberi pertimbangan. Ini adalah untuk makluman dari pihak pembangkang. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kerajaan akan menggubal dasar supaya agensi-agensi seperti FELCRA, FELDA dan sebagainya boleh membuka mini estet secara komersial di tanah pusaka Bumiputera Sarawak (NCR) kerana terdapat lebih 1.5 juta tanah pusaka (NCR) yang terbiar lantaran dapat mengurangkan import bahan makanan serta menaikkan taraf hidup masyarakat luar bandar Sarawak yang miskin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pembangunan tanah Rancangan FELDA di Sarawak bermula pada tahun 1986. Sehingga kini seluas 8,191 hektar di Sempadi telah dimajukan dengan tanah sawit. FELDA tidak bercadang untuk membangunkan Tanah Pusaka Bumiputera Sarawak (NCR) kerana ianya terkeluar daripada dasar FELDA yang memajukan tanah rancangan baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mengikut sumber yang diterima daripada FELCRA Sdn. Bhd. telah memajukan 78 ladang (estate) secara komersial melibatkan keluasan 15,117 hektar dengan tanaman komoditi kelapa sawit di mana 16.7% atau 2,518 hektar daripada keluasan tersebut merupakan Tanah Pusaka Bumiputera Sarawak (NCR). Pengurusan FELCRA Berhad bersedia untuk bersama membangunkan Tanah Pusaka Bumiputera Sarawak seperti mana yang disarankan oleh kerajaan negeri tertakluk kepada persetujuan bersama kedua-dua belah pihak. Sehingga ini usaha-usaha tersebut telah memberi manfaat kepada seramai 1,808 orang peserta FELCRA Berhad.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada untuk memajukan kelapa sawit bagi FELCRA dan FELDA di Sarawak, adakah FELCRA dan FELDA untuk menceburi diri untuk memajukan tanaman lain seperti buah-buahan, padi dan penternakan memandangkan negara kita masih banyak mengimport barang makanan dan daging-daging dari luar negara. Sekian, terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Untuk jawapan Yang Berhormat tadi, saya hanya akan dapat memberi penerangan tentang FELDA sahajalah, tetapi FELCRA di bawah pembangunan luar bandar. Jadi, FELDA di Sarawak selain daripada kelapa sawit kita juga menanam teh, koko dan tanaman-tanaman lain sebagai samping komoditi untuk peneroka-penerokanya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pengurusan FELDA ini adalah kurang kos efektif. Kerana saya diberitahu kos untuk menguruskan umpamanya penjagaan 'kepala sawit' [*Ketawa*] kelapa sawit, ia jauh lebih mahal per ekar kalau berbanding dengan small holder, perbezaan kosnya lebih kurang RM25 satu hektar. Maka ini menyebabkan the running of FELDA kurang berfaedah kepada mereka yang mengambil bahagian. Maka adakah kementerian sedar dan apakah tindakan yang akan diambil. Adakah siasatan akan dibuat bagaimana kos efektifnya, kerana mereka yang mengambil kontrak bersubahat dengan manager supaya apa kerja yang perlu dibuat tiap-tiap bulan hanya dibuat satu kali dalam empat bulan. Ini makluman yang saya dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Pihak kementerian boleh buat siasatan, adakah pihak kementerian sudi membuat siasatan supaya memperbaiki prestasi FELDA. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Yang Berhormat adalah terkeluar daripada tajuk sedikitlah sebab ini kita sedang bincang tentang NCR. Tetapi saya ingin mempertahankan tuduhan Yang Berhormat itu kurang tepatlah kerana kelapa sawit ini...

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Apa? Tidak. Kita sudah buat siasatan terperinci semua sekali. Bukan kita duduk diam sahaja. Kementerian kita berusaha untuk memajukan lagi taraf hidup ekonomi peneroka dan rancangan-rancangan yang di bawah kawalan kita. Untuk makluman Yang Berhormat, kelapa sawit adalah merupakan satu komoditi yang sangat menguntungkan. Kerana kejatuhan harga sahajalah yang menyebabkan banyak rintihan yang dibawa oleh peneroka-peneroka. Sebenarnya kelapa sawit adalah satu komoditi yang menguntungkan. Terima kasih.

3 **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk merealisasikan Konvensyen ILO 87 yang ada hubung kait dengan kebebasan untuk berserikat dan hak-hak berkesatuan dalam industri elektronik.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat meratifikasi Konvensyen ILO 87 pada masa ini disebabkan terdapat beberapa provinsi di bawahnya tidak kondusif kepada perkembangan ekonomi yang berterusan. Konvensyen ini mendukung prinsip kebebasan untuk berkesatuan yang tidak mempunyai sebarang batasan dari segi keahlian dalam kesatuan di mana pekerja-pekerja boleh menganggotai kesatuan sekerja pilihan masing-masing iaitu tidak mengikuti industri jenis pekerja dan jenis perdagangan (trade) seperti yang terkandung di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Di samping itu, kesatuan-kesatuan sekerja yang ditubuhkan juga tidak perlu berdaftar dengan pihak berkuasa sebelum mula menjalankan fungsi masing-masing. Pihak berkuasa juga tidak dibenarkan campur tangan dalam hal ehwal kesatuan sekerja sekiranya terdapat yang menyeleweng dari tujuan asal ianya ditubuhkan. Kementerian ini berpendapat bahawa Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah membantu dalam pertubuhan kesatuan-kesatuan sekerja yang sihat dalam negara ini dan telah menyambung kepada wujudnya perhubungan perusahaan yang harmoni yang menjadi asas bagi perkembangan ekonomi yang dihayatkan.

Akta ini dikemaskinikan dari masa ke semasa dengan mengambil kira perkembangan di dalam bidang perburuhan yang berlaku dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja di industri elektronik juga diberi hak untuk berkesatuan di mana mereka boleh menubuh dan menganggotai kesatuan sekerja dalaman (inhouse union) dan bergabung dengan badan berunding seperti MTUC.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Industri elektronik menggunakan banyak pekerja. Untuk mempertahankan *competitive edge electronic industry*, dengan izin, di Malaysia, maka kita tidak merealisasikan Konvensyen ILO 87 sedemikian. Persoalannya, adakah rasional ini betul, kalau dilihat dari segi elektronik industri ini juga akan mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan menggunakan robot dalam industri ini nanti pada satu ketika. Adakah menggunakan syarat supaya gaji ini tidak naik terlampau dan mengurangkan *competitive edge* industri ini di Malaysia ataupun macam mana. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan sebenarnya pekerja-pekerja di industri elektronik, mereka berhak untuk ber-

kesatuan secara in-house union dan ini telah membantu mereka dari segi menjaga hak selain dari itu juga di setiap kilang elektronik, mereka juga mempunyai cara-cara seperti kolektif agreement dan sebagainya yang boleh menjaga hak-hak kebajikan pekerja selain dari segi gaji dan sebagainya.

Memang sama ada mereka mempunyai in-house union atau tidak, ini tidak kurang menjaga hak mereka dari segi mempertingkatkan teknologi. Sebaliknya dari segi pengalaman Malaysia, jumlah bilangan pekerja di industri elektronik semakin bertambah, semakin kita menggunakan robotic dan sebagainya, ertinya dengan proses modenisasi, proses mempertingkatkan teknologi, pasaran yang diperolehi oleh industri elektronik Malaysia telah bertambah dan ini telah membawa banyak manfaat selain dari mempertingkatkan teknologi, itu juga membawa pulangan yang lebih dari segi pekerjaan dan sebagainya dan bagi pekerja itu membolehkan mereka menguasai teknologi yang tinggi dan memperolehi gaji yang lebih lumayan.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyatakan tadi bahawa sememangnya pekerja-pekerja di bawah industri elektronik ini boleh berkesatuan dan mereka telah diberi peluang untuk menjadi kesatuan dalaman industri elektronik ini. Tetapi masih ada lagi pemimpin-pemimpin kesatuan yang memberi gambaran yang buruk terhadap kerajaan bahawa kerajaan tidak memberi peluang langsung kepada pekerja-pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja dalam industri elektronik ini. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah kesatuan sekerja yang telah ditubuhkan di bawah industri elektronik ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan yang merosakkan imej kerajaan dan negara di mesyuarat buruh antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Bentong tentang gambaran yang lebih benar. Sebenarnya, masa ini kerajaan telah meluluskan lapan kesatuan sekerja dalaman (in-house union) untuk sektor elektronik yang meliputi beribu-ribu orang pekerja. Selain dari itu juga, seperti yang saya telah terangkan di setiap kilang elektronik juga ada mekanisme seperti perbincangan untuk perjanjian bersama (collective agreement) yang perlu dibincang dalam masa yang ditetapkan yakni sekali tiga tahun atau dua tahun dan ini akan membolehkan kebajikan pihak pekerja itu diambil kira dan dijaga dan diberi perlindungan.

Saya harap juga pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja seperti MTUC bolehlah bekerjasama dengan kerajaan supaya satu gambaran yang lebih tepat dapat disuarakan khususnya di forum-forum antarabangsa supaya kita bolehlah bersama-sama mempertingkatkan imej negara kita di forum-forum tersebut.

4. **Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah keadaan perpustakaan sekolah-sekolah rendah dan menengah khususnya di luar bandar dan bentuk rancangan yang diatur oleh kementerian untuk memperbaiki keadaan perpustakaan tersebut yang amat menyedihkan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari terakhirkah Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya Yang Berhormat sendiri tahulah hari ini yang terakhir.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab sebelah sana riuh sangat ini. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Merry Christmas kepada mereka yang beragama Kristian kerana beberapa hari lagi kita akan menyambut Krismas dan saya ucap Mubarak Aidilfitri kepada kaum Muslim dan Muslimat sekalian dan Selamat Tahun Baru ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada jawapan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, dan 2004 insya-Allah kerusi barisan pembangkang akan berkurangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan jawapan untuk soalan yang dibangkitkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat hari ini terakhir, tadi mereka riuh sangat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan perpustakaan sekolah atau pusat sumber sekolah adalah berbeza antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain khususnya di luar bandar dan dari segi fizikal, kemudahan peralatan dan koleksi bahan. Walau bagaimanapun, semua sekolah mempunyai ruang untuk pusat sumber dan mempunyai koleksi asas bahan bacaan atau rujukan dan bahan dalam bentuk audio.

Keluasan ruang adalah bergantung kepada saiz sekolah dan juga enrolment pelajar. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk menjadikan semua pusat sumber sekolah sebagai pusat sumber elektronik. Ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Kementerian Pendidikan juga menyediakan pelan induk untuk pembangunan infrastruktur pusat sumber sekolah. Ia melibatkan keperluan bilik atau ruang, peralatan komputer, keperluan bilik audio, visual, koleksi bahan cetak dan bukan cetak serta sistem pengurusan yang berkesan.

Untuk makluman tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, kita juga mempunyai beberapa rancangan yang diatur bagi memastikan pusat sumber berfungsi sebagaimana yang sepatutnya.

Perkara yang telah diberi penekanan adalah seperti:-

- (i) infrastruktur;
- (ii) koleksi bahan bacaan;
- (iii) pengurusan;
- (iv) program membaca peringkat kebangsaan.

Dalam masa yang sama juga kita telah mengaturkan beberapa rancangan:

- (i) Seperti persidangan pusat sumber sekolah, di mana setiap sekolah akan diwakili;
- (ii) Kita juga mulai tahun 2000 ini kita telah mengadakan anugerah pusat sumber sekolah cemerlang dan juga kita beri penghargaan kepada guru-guru pusat sumber yang telah mencurahkan bakti mereka kepada pusat sumber;
- (iii) Setiap tahun bahagian teknologi pendidikan memilih beberapa sekolah luar bandar untuk projek khidmat bantu.
- (iii) Pada tahun ini pihak kami telah memilih Pulau Tuba di Pulau Langkawi.
- (iv) Melalui Pusat Sumber Pendidikan negeri, pengurusan pusat sumber diadakan setiap tahun untuk guru-guru pusat sumber sekolah.
- (v) Untuk koleksi bahan bacaan, bahagian ini menilai bahan-bahan bercetak untuk koleksi pusat.

- (vi) Kita juga menggalakkan pusat sumber sekolah menggunakan sistem pengautomasian bagi membantu melicinkan tugas-tugas pengurusan pusat sumber.
- (vii) Kita telah melaksanakan program bacaan nilam bagi menggalakkan minat membaca di kalangan pelajar.

Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan yang bercadang untuk mewujudkan pusat sumber sekolah secara elektronik. Selama ini pun kita lihat Kementerian Pendidikan telah berjaya melahirkan sumber tenaga manusia yang boleh mengeluarkan produktiviti yang tinggi kepada negara tetapi ada kekurangannya, di mana kita lihat ada di antara anak watan kita yang mendapat pendidikan yang tinggi tetapi kasih kepada negara dan bangga jati dirinya berkurangan, tidak sebagaimana yang kita harapkan. Ada yang tidak bangga kepada negara sendiri.

Jadi, Yang Berhormat saya ingin bertanya, apakah usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak kementerian supaya anak didik di sekolah-sekolah ini diberi gambaran yang jelas kepada kejayaan negara, kepada sejarah negara dan juga kebudayaan dalam negara kita supaya apabila mereka lahir nanti menjadi manusia ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalnya Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:...yang bukan sahaja berpendidikan tetapi ada jati diri dan kebanggaan kepada negara. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Inilah kita hendak, soalan-soalan macam ini [*Disorak*]. Kalau saya, sudah saya beri soalan ini soalan A markahnya. Sebab, Yang Berhormat ingin tahu apakah usaha-usaha yang telah kita jalankan dalam pendidikan anak-anak muda kita terutama sekali mereka yang masih kita kata di mana peringkat yang boleh kita asuh yang mempunyai potensi bagi memenuhi keperluan negara. Tetapi malangnya, usaha-usaha ini telah dihancurkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan boleh saya katakan di sini adalah di kalangan mereka yang begitu terlibat dalam politik partisan.

Sebab itu, kita lihat kadangkala sesetengah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Arau bertanya apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian. [*Tepuk*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, ini saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu apa dia benda Yang Berhormat ingin tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya akan jawab itu, ini saya hendak jawablah. Saya dapati bahawa kadangkala kita dalam usaha untuk membaiki anak-anak yang mempunyai potensi ini, tetapi mereka telah diganggu gugat oleh politik partisan yang mana mengheret anak-anak muda ini untuk tidak lagi rasa nikmat terima kasih kepada pihak yang memberi.

Jadi, saya berharap ingin saya dapat kerjasama daripada pihak terutama sekali parti pembangkang, PAS khususnya dan apa lagi satu parti itu, Allah dua anak bulan ini.....ADIL, lupa Tuan Yang di-Pertua, fasal dia sedikit sahaja di sini, parti ADIL supaya jangan sangat kita kata menekankan politik partisan di kalangan anak-anak muda supaya membenci pihak kerajaan. Kita rasa harus kita ambil peranan ini semua pihak tidak kira pembangkang, mahupun Barisan Nasional, kita sama-sama ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini tindakan kementerian?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ini tindakan kementerian, supaya dalam kita punya jadual, kita terus memberi asuhan supaya anak-anak ini mencintai negara melalui pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampaknya soalan A, jawapan D. *[Ketawa]* Saya rasa sekolah-sekolah menengah di luar bandar ini telah lama dibangunkan. Tetapi keadaan perpustakaan terutama di tempat saya, di kawasan saya Padang Terap, saya masuk melawat sekolah-sekolah melihat perpustakaan, buku-buku dah berkulat dah. Janji-janji yang seperti ini baru hendak buat sekarangkah? Baru hendak buat, pada hal sekolah itu telah dibangun lama. Jadi, kalau kita lihat dalam keadaan janji-janji yang telah diberikan oleh Dato' Supar *[Ketawa]* Setiausaha Parlimen, ringkasannya, minta maaf,

Seorang Ahli: Celupar...

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Bukan celupar, Supar, *[Ketawa]* Setiausaha Parlimen, janji yang diberikan itu sungguh manis, tetapi saya hendak pastikan bolehkah Dato' memberi satu kepastian bilakah sebenarnya program-program ini akan dijalankan supaya keadaan sekolah itu tidak menderita sampai sekarang, dari segi librarylah. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Nerang.

Seorang Ahli: Padang Terap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Padang Terap, maaf, jangan marah bulan puasa ini, saya tahu apa yang kita panggil, ibu ataupun pusat pentadbiran Padang Terap ialah Kuala Nerang, sebab itu saya nampak Kuala Nerang.

Sebenarnya, Yang Berhormat, kita sedaya upaya kita telah melaksanakan projek macam saya telah sebutkan dalam jawapan pertama tadi. Cuma ada kemungkinan, ini kemungkinan ya, di mana kita keluasan program ini begitu luas sekali sehingga sekolah luar-luar bandar ini kita telah lengkapkan dengan bilik bacaan dan saya telah membuat lawatan banyak sekolah cuma Padang Terap lagi belum saya buat lawatan, insya-Allah selepas hari raya ini saya akan turun ke Padang Terap untuk memeriksa sendiri keadaan sekolah-sekolah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, telah saya katakan tadi, pihak kementerian dari semasa ke semasa kita ingin mempertingkatkan pusat sumber ataupun bilik bacaan sekolah-sekolah tadi. Saya memberi penekanan di sini supaya sekolah-sekolah rendah terutama sekali kita harus pertingkatkan dan lengkapkan dengan bilik-bilik bacaan ini supaya kita hendak mendidik dan membina budaya membaca di kalangan anak-anak muda kita.

Seperkara lagi, saya juga ingin memberitahu kepada Yang Berhormat, kita terutama sekali di sebelah negeri Kedah, kita telah wujudkan pusat-pusat bacaan daerah dan kadangkala pusat-pusat ini tidak dapat sambutan daripada pihak pembangkang khususnya, malah tuduhan telah dibuat demi tuduhan misalnya kita telah wujudkan Pusat Bacaan Rakyat (PUBARA), itu telah ditohmah oleh pihak PAS, katanya kita hendak tanam padi atas bumbung adalah salah, itu tohmahan, bila kita hendak buat sesuatu yang baik, sepatutnya pihak PAS beri sokongan kepada kita, ini adalah satu perkara yang baik, ini tidak, tohmahan terus menerus dilempar.

Sekali lagi saya ingin tegaskan di sini

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ha, Seputeh dia tak tahan, bila kita bercakap macam ini, dia tak tahan dengar. Baik, saya terus, ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, pihak kementerian dan juga pihak Jabatan Pendidikan Negeri akan terus berusaha mempertingkatkan dan sekiranya ini dianggap sebagai cadangan, kita akan ambil ini sebagai satu cabaran yang hebat bagi kita untuk tahun 2001. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 5, saya minta jawab dengan betul, jangan ikut contoh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Bosan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

5. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah bantuan dan sumbangan yang telah diberikan oleh kementerian bagi membantu keluarga malang yang terlibat dengan kebakaran yang membabitkan kehilangan nyawa serta harta benda beberapa keluarga di Kota Bharu pada bulan September lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, memang kita semua jawab jawapan yang benar. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menguruskan beberapa bentuk bantuan kepada mangsa kebakaran pada 17 September 2000 di Kampung Jelutong daerah Kota, Kota Bharu, Kelantan. Bantuan dan sumbangan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan adalah seperti bantuan segera berupa barang makanan, menguruskan bantuan pemulihan untuk membina semula rumah dan membeli lain-lain keperluan asas seperti pakaian harian, pakaian dan buku sekolah dan makanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan bersama Hospital Besar Kota Bharu juga memantau segala bantuan dan sumbangan orang ramai dari pelbagai pihak. Sehingga 27 September 2000 sumbangan derma yang telah terkumpul adalah sebanyak RM37,266. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberi dan kita tahu bahawa kebakaran tersebut telah melibatkan lima jiwa ataupun kematian dan yang saya hendak menarik perhatian kepada kementerian ialah kebakaran di tempat-tempat lain yang kita tahu mereka ini tidak mempunyai perlindungan insurans kalau dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar-bandar terutamanya.

Yang saya ingin perjelaskan di sini ialah rungutan daripada mangsa-mangsa kebakaran yang mana kalau mereka lihat bahawa bantuan yang diberi oleh pihak kementerian kalau dibandingkan dengan kerugian sebenar yang mereka alami adalah tidak memadai dan tidak berpatutan. Jadi, adakah pihak kementerian ingin membuat kajian ataupun cadangan supaya pemberian ini iaitu bantuan ini standard di mana mengikut kerugian sebenar yang dialami oleh mereka yang terlibat. Itu sahaja.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, biasanya setiap rumah selepas kebakaran akan memberi satu senarai yang panjang, termasuk barang-barang mewah dan lain-lain. Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dapat membantu orang-orang yang miskin untuk mendapatkan barang-barang makanan, barang-barang pakaian, barang-barang sekolah. Jumlah sumbangan kita adalah sebanyak maksimumnya adalah RM5,000.

Jadi perkara ini saya juga ada minta supaya kementerian saya perlu mengkaji semula kerana apabila hendak membina semula sebuah rumah itu kerap kali menghadapi masalah. Kerajaan negeri juga sentiasa membantu dalam hal ini apabila terlibat orang-orang miskin seperti semalam juga ada kebakaran di Kampung Pandan di mana 6 buah rumah terlibat di mana pegawai-pegawai kementerian saya walaupun semasa hendak buka puasa, mereka hadir untuk mendaftar semua yang terlibat memberi makanan dan juga mengambil tindakan untuk memberi perkhidmatan serta merta supaya mereka ada tempat perlindungan. Cadangan-cadangan Yang Berhormat itu pun kita akan mengkaji, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran. Baru-baru ini Bentong juga mengalami satu kebakaran besar di Kampung Perting di mana lebih kurang 88 buah rumah telah pun terbakar dan melibatkan lebih kurang 123 keluarga. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan kerana telah menghulurkan bantuan cepat dengan RM500. Apa yang saya hendak tanya ialah bantuan kebajikan yang bermakna kita memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa kebakaran, memberi tempat perlindungan di sekolah sekarang dan di mana had masanya diberikan lebih kurang dua minggu sahaja. Adakah ini satu dasar atau adakah ini satu boleh dirunding semula agar apabila kita memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa kebakaran sementara menunggu kerajaan negeri membina rumah panjang untuk tempat-tempat perlindungan yang lain, kita boleh mengadakan tempat khas. Kementerian Kebajikan boleh memikirkan tempat khas untuk mereka berlindung sementara. Adakah kementerian mempunyai cadangan lain, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, ini kita tidak ada satu rancangan khas di mana kita sebut sesuatu kumpulan boleh tinggal hanya dua minggu di sesuatu tempat. Jika sekolah ini masih cuti, tidak ada masalah. Apabila sekolah mula sekali lagi, susah untuk orang tinggal lebih daripada masa yang ditentukan itu. Biasanya mereka mencari tempat di rumah keluarga, saudara mara atau kawan-kawan pada masa itu dan juga ada tempat di mana ada macam kekosongan flat macam di Kuala Lumpur. Di mana ada kekosongan flat, mereka ditempatkan di flat-flat ini sehingga kita dapat membina semula kawasan-kawasan yang telah terbakar itu. Bagi menjawab Yang Berhormat Dato', kita akan kaji berkaitan dengan masalah ini. Memang jika mereka hendak tinggal di situ, tidak dapat pergi ke mana-mana, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus memberi bantuan atau mencari tempat supaya mereka boleh ditempatkan jika mereka tidak ada saudara mara.

6. **Tuan Mohamed Sayuti bin Said** minta Perdana Menteri menyatakan tentang Geran Peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah disalurkan melalui semua kementerian telah dilaksanakan dan apakah usaha kerajaan ini telah mencapai tahap memajukan golongan yang dimaksudkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi jawapan. Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan pelaksanaan projek, semua program PPRT yang telah diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1995. Di antara program yang telah dilaksanakan termasuk perubahan sikap, makanan tambahan, pemulihan rumah, penempatan semula, projek ekonomi dan taman asuhan kanak-kanak. Sehubungan dengan ini, peruntukan sebanyak RM704.6 juta telah diberikan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh bagi melaksanakan pelbagai projek PPRT. Adalah dijangka pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM678 juta atau 96% daripada

peruntukan yang disediakan akan dibelanjakan. Jumlah terkumpul mereka yang telah mendapat faedah daripada program-program ini ialah sebanyak 584,000 orang.

Mengikut banci pendapatan isi rumah bilangan keluarga termiskin telah berkurangan daripada 106,262 keluarga pada tahun 1990 kepada 58,198 keluarga pada tahun 1997.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa kementerian menyediakan taska dan juga rumah-rumah untuk program PPRT. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian untuk tahun hadapan sama ada kementerian bercadang untuk menggantikan rumah-rumah kayu PPRT ini dengan rumah-rumah yang berbentuk konkrit yang lebih baik dan tidak hanya semata-mata dengan 'hole block' dengan izin. Juga banyak lagi taska yang dibuka oleh kementerian tetapi ketinggalan kerana tidak cukup lengkap dengan segala kemudahan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, jadi untuk tahun Rancangan Malaysia Kelapan memang telah disarankan bahawa membuat rumah di bawah program pemulihan rumah menggunakan batu bata dan diminta Pusat Giat Mara yang membantu supaya menjimatkan sedikit sebanyak kos. Mengenai dari segi taska yang perlu diperlengkapkan insya-Allah kami akan mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan. Syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan yang begitu prihatin dalam membantu golongan rakyat yang sangat memerlukan bantuan iaitu kepada PPRT. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut bahawa penukaran daripada bahan kayu kepada batu ini, kerana ini adalah tahan lama daripada kayu. Apatah lagi kayu sekarang ini adalah harganya naik.

Satu, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan setiap peruntukan yang diperuntukkan bagi golongan ini benar-benar mencapai tujuan selaras dengan dasar kerajaan yang prihatin terhadap golongan ini terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada menukarkan bahan kayu kepada bahan batu telah juga diperuntukkan bahawa rumah-rumah miskin akan dibekalkan dengan percuma bekalan elektrik dan bekalan air sekali. Sebab itu adalah basic amenity. Jadi mengenai daripada peruntukan mencapai tujuan atau tidak, memang dijalankan pemantauan. Jadi daripada kementerian kami ada beberapa pemantauan dan di mana sekarang ini kita akan mengemaskinikan daftar mereka yang menerima bantuan PPRT. Sebab senarai yang digunakan adalah merupakan tahun 1995, di mana didapati bahawa ramai daripada mereka yang menerima dalam tahun 1995 sepatutnya sudah terkeluar daripada senarai itu.

Jadi dari segi kementerian sekarang ini, kementerian sedang menjalankan daftar mengemaskinikan penerima-penerima PPRT supaya ianya selaras dengan kehendak kerajaan. Selain daripada itu kementerian juga mengamalkan pendaftaran terbuka. Bermakna pada bila-bila masa wakil-wakil rakyat mendapat tahu ada lagi yang tercicir yang tidak termasuk dalam senarai akan pergi ke pejabat daerah atau melalui KEMAS untuk memasukkan nama-nama mereka supaya didaftarkan. Jadi ini dibuatkan terbuka bermakna tidak ada tempoh masa. Jadi insya-Allah Yang Berhormat dari segi penyelarasan keseluruhan bermakna selain daripada Kementerian Pem-

bangunan Luar Bandar, kementerian-kementerian lain pemantauannya dijalankan oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri.

7. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk membantu penganut-penganut bukan Islam mendirikan tempat sembahyang, memandangkan terdapat banyak permohonan untuk pembinaan tempat sembahyang bukan Islam tidak diluluskan oleh pihak berkenaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian tidak menyediakan bantuan secara langsung untuk mendirikan tempat sembahyang kepada penganut bukan Islam. Walau bagaimanapun kerajaan telah memutuskan supaya keperluan kemudahan sosial termasuk tapak ibadat disediakan oleh pemaju perumahan berasaskan kepada garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah pun mengguna pakai nisbah yang seragam dalam menentukan keperluan tempat ibadat Islam dan bukan Islam.

Penguatkuasaan keperluan-keperluan ini adalah terletak di bawah kuasa pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa perancangan tempatan berkaitan. Walau bagaimanapun kementerian telah pun mengadakan sesi-sesi penerangan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dan lain-lain pihak termasuk juga tokoh-tokoh agama bukan Islam berkaitan dengan untuk memastikan pelaksanaan garis panduan yang saya sebutkan tadi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengikut perlembagaan negara kita rakyat memang bebas menganut agama mereka masing-masing dan buat masa yang sama kita menghormati agama yang lain. Saya berasa bangga di bawah pentadbiran Barisan Nasional semangat ini memang kita kekalkan sampai hari ini dan negara kita memang aman maju, damai dan makmur. Soalan tambahan saya ialah mungkin kerajaan menguruskan permohonan pembinaan rumah ibadat belum lagi mencapai keperluan penganut-penganut yang tertentu. Maka timbullah rumah-rumah ibadat itu dibina kurang teratur dan tersusun. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada mengadakan garis panduan lama ini, saya difahamkan ada satu garis panduan baru yang dicadangkan oleh kementerian untuk menentukan tempat pembinaan rumah ibadat itu mengikut keperluan dan tempat masing-masing.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada garis panduan baru ini benar ataupun bila akan dilaksanakan. Sementara ini saya juga ingin meminta kementerian supaya ada kemungkinan bercadang kepada kerajaan segala bentuk bantuan dari segi peruntukan dapat juga disalurkan kepada rumah ibadat yang berdaftar ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang benar ada satu garis panduan baru yang saya sebut tadi sudah ditentukan oleh pihak kerajaan dan juga direstui oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Ini bermakna semua negeri telah menghantar wakil-wakil tersebut dan satu persetujuan telah didapati supaya garis panduan untuk tapak ibadat bukan Islam ini disetujui dan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga dalam garis panduan baru ini salah satu syarat atau salah satu tajuk yang disebut dalam garis panduan itu adalah nisbah untuk tapak ini dibandingkan dengan jumlah penganut-penganut bukan Islam yang berada di dalam sesuatu kawasan. Sebagai satu contoh telah ditetapkan satu tapak perlu disediakan bagi 5,000 penduduk di dalam

sesuatu kawasan di mana kawasan itu disebut sebagai tempat atau kawasan campuran di mana tidak ada sesuatu agama yang bukan Islam itu dikirakan sebagai majoriti. Tetapi kalau di dalam sesuatu kawasan di mana agama itu sudah ditentukan sebagai majoriti penganutnya, ini bermakna nisbah itu sudah dikurangkan, satu tapak bagi 2,600 penduduk dalam agama tersebut.

Oleh sebab itu maka ini adalah satu cara yang tidak mengelirukan mana-mana pihak kalau adalah mana-mana pihak yang hendak meminta tapak itu untuk mendirikan tempat sembahyang mereka. Mereka bolehlah berbincang dengan pihak negeri kerana tapak itu disebutkan sebagai tanah kerajaan negeri. Dengan cara ini bermakna penganut-penganut bukan Islam itu yang sekarang menghadapi masalah boleh berbincang dengan pihak negeri untuk mendapatkan satu persetujuan dengan pihak negeri supaya mereka masing-masing boleh mendapatkan tapak. Saya memang bersetuju adalah kawasan di mana tapak tidak cukup yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang tadi. Ini saya rasa adalah satu masalah yang bukan senang kita hendak mengatasi kerana kita tahu agama-agama yang bukan Islam ini adalah berbagai. Kalau setiap agama tersebut meminta disediakan satu tapak ini pun susah juga kita hendak memenuhi kehendak-kehendak mereka.

Oleh sebab itu maka kita perlulah menentukan siapa yang mana-mana agama yang bukan Islam itu menjadi majoriti penduduk-penduduk tetap kawasan itu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Klang.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Soalan tambahan. Terima kasihlah kepada kementerian Yang Berhormat kerana telah meluluskan garis panduan yang baru ini. Sudah lama penganut-penganut bukan Islam menunggu sesuatu tindakan seperti ini diambil supaya masalah yang dihadapi oleh mereka dapat diselesaikan. Masalah sekarang hanya bagaimanakah kementerian Yang Berhormat dapat memastikan garis panduan itu diambil kira dan dilaksanakan oleh kerajaan tempatan termasuk kerajaan tempatan di negeri Terengganu dan negeri Kelantan. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang supaya menubuhkan sesuatu jawatankuasa pemantauan khas untuk menerima maklumbalas dan aduan berkenaan dengan pelaksanaan garis panduan itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, kehendak kementerian saya ialah apabila satu garis panduan sudah diadakan dan juga diiktiraf dan diberi persetujuan daripada semua negeri, kita pun berharap kepada semua negeri mengguna pakai garis panduan yang disetujui oleh MNKT itu iaitu Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Mengenai cadangan untuk mengadakan jawatankuasa pemantauan, saya rasa itu tidak perlu sebab pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa diberi tugas buat masa sekarang untuk menyelaraskan pelaksanaan garis panduan tersebut.

8. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah yang menyebabkan kedudukan Malaysia telah jatuh daripada tempat ke 32 kepada 36 dalam *Transparency International Corruption Perceptions Index (CPI)* bagi tahun 2000 dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan kedudukan CPI Malaysia tidak akan merosot lagi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, *Corruption Perceptions Index (CPI)* yang dikeluarkan oleh *Transparency International* yang berpusat di Berlin, German, merupakan persepsi badan tersebut terhadap permasalahan rasuah dalam sesebuah negara. Berdasarkan indeks tersebut kedudukan Malaysia ialah di tangga ke 36 daripada 90 buah negara bagi tahun 2000. Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan-kedudukan negara di rantau ini adalah seperti berikut, Singapura di

kedudukan ke 6; Malaysia di tangga ke 36; Thailand di tangga ke 60; Filipina tangga ke 69; Vietnam di tangga ke 76 dan Indonesia di tangga ke 85.

Indeks-indeks tersebut bukanlah petunjuk sebenar keadaan rasuah di negara ini. Ia hanya persepsi badan berkenaan. Sebagai satu perbandingan, Malaysia pernah berada di kedudukan ke 29 berdasarkan CPI tahun 1997 tetapi meningkat kepada kedudukan ke 32 dalam tahun 1999, walaupun keadaan rasuah di negara ini telah menurun pada tahun 1999 [Disorak] [Disampuk] Ini pembangkang ini, saya belum habis baca lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Dewan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tahun - saya buat perbandingan, kita ada perangkaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak tegur Yang Berhormat, ini Dewan Parlimen. [Disampuk] Kalau pun tidak mahu dengar, diam boleh tidak. Yang Berhormat semua mesti mematuhi peraturan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ini salah satu punca persepsi rasuah kita tinggi sebab pembangkang mempunyai pandangan negatif terhadap apa yang kerajaan kita sedang buat.

Saya buat perbandingan, pada tahun 1997 dengan tahun 1999. Pada tahun 1997, maklumat yang diterima sebanyak RM10,087. Pada tahun 1999, maklumatnya berkurangan iaitu hanya kita terima RM7,829. Penurunannya sebanyak RM2,258, iaitu 22.4%.

Siasatan terbuka, apabila kita mendapat maklumat. Pada tahun 1997, siasatan terbuka telah dibuat sebanyak 493, sebaliknya pada tahun 1999, hanya 413 sahaja, iaitu penurunan 80 siasatan terbuka, sama sebanyak 16.2%.

Tangkapan. Setelah dibuat siasatan terbuka, kita buat tangkapan. Tangkapan yang kita buat pada tahun 1997 ialah sebanyak 334 tetapi pada tahun 1999, tangkapan yang kita buat berkurangan iaitu 283. Penurunannya ialah 51, bermakna 15.3%. Setelah kita tangkap, kita buat pula pertuduhan.

Pertuduhan yang kita terima pada tahun 1997 ialah sebanyak 249 tetapi pada tahun 1999, pertuduhan hanya dibuat sebanyak 158, penurunan 81. Lebih kurang 33.8%.

Laporan tatatertib. Pada tahun 1997, kita menerima laporan sebanyak 137 laporan tetapi pada tahun 1999 ianya berkurangan kepada 65.

Berdasarkan kepada perangkaan di atas jelas menunjukkan bahawa keadaan rasuah di Malaysia telah menurun. Sedangkan indeks yang dikeluarkan menunjukkan keadaan yang sebaliknya. Kerajaan tidak pernah gusar dengan indeks yang dikeluarkan ini kerana ianya dibuat berasaskan kepada persepsi badan berkenaan sahaja dan bukannya berasaskan kepada realiti dan keadaan sebenar rasuah di sesebuah negara termasuk negara ini.

Keadaan Malaysia dalam CPI merosot berbanding dengan kedudukan tangga 32 dalam tahun 1999 berpunca daripada tindakan tegas dan berkesan yang telah diambil oleh pihak kerajaan khususnya Badan Pencegah Rasuah dalam menangani jenayah rasuah di negara ini seperti yang selalu didedahkan dengan meluas oleh pihak media. Di samping itu juga, isu-isu rasuah yang dipolitikkan oleh sesetengah pihak turut menyumbang kepada kejatuhan tersebut. Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan usaha tegas membendung jenayah rasuah di negara ini. Dari masa ke semasa, pelbagai usaha dari segi perundangan, pentadbiran dan kempen-kempen diambil sebagai langkah strategi dan pelan tindakan jangka panjang untuk menangani jenayah tersebut dari terus berleluasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat selesailah masa kita untuk Soalan Jawab Lisan.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 9 hingga 20 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA TENAGA 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *[13 Disember 2000]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila sambung.

11.06 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sambung. Dalam bahagian atau Seksyen 5, *Membership of Commission*. Saya harap di bahagian (c), bahawa kerajaan akan memberi janji kepada Dewan ini. Di bahagian (c), hanya mereka dari sektor bukan kerajaan yang akan dilantik, khasnya mereka yang arif dan pakar dalam bidang ini dan mereka dari NGO atau badan bukan kerajaan.

Tuan Pengerusi, dengan izin, *Revocation of appointment and resignation*,

"9.(1) The Minister may, at any time, revoke the appointment of any member of the Commission without assigning any reason for the revocation".

Bahagian ini sama dengan bahagian 12(5), dengan izin,,

"12.(5) The Commission may revoke the appointment of any member of a committee without assigning any reason for the revocation"

Tuan Pengerusi, ini adalah satu *trend* yang membimbangkan kerana memberi kuasa muktamad kepada eksekutif. Ini merupakan satu *trend* di kebelakangan ini kepada banyak pemindaan undang-undang, di mana *minister* ataupun pihak eksekutif diberi kuasa yang *absolute*. Mereka tidak perlu memberi apa-apa sebab untuk membuat satu keputusan. Ini akan mengakibatkan penyalahgunaan kuasa ataupun rasuah, dengan izin, *absolute power corrupt absolutely*. Dan ini adalah merupakan satu sebab CPI ataupun Transparency International, Corruption Perceptions Index jatuh ke 36 daripada 32 untuk tahun ini. Walaupun Setiausaha Parlimen mengatakan ini hanya satu persepsi tetapi indeks ini dihormati di kalangan pasaran dunia dan ini akan memberi kesan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita ada jawatankuasa yang ...

Puan Chong Eng: Ada kaitan dengan jawatankuasa yang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham tetapi bukan peringkat dasar – jauh daripada tajuk.

Puan Chong Eng: Ini tidak jauhlah. Saya akan bawa dia dekat sikit. *[Ketawa]* Ini adalah penting kerana sekiranya ini berterusan maka persepsi

internasional tidak akan berubah dan ini akan menjejaskan alam atau suasana pelaburan di negara ini.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya beri penjelasan, boleh. Terima kasih. saya tadi tunggu juga soalan ini. Izinkan saya jawab sebab tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa menjejaskan pelaburan apabila persepsi ini tinggi. Saya hendak nyatakan di sini. Pelaburan asing yang diluluskan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk soal jawab. Sebenarnya tidak payah ...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya kena jawab sebab dia punya persoalan ini tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, tidak payah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Baiklah, saya hendak minta penjelasan. Boleh Yang Berhormat beritahu saya, Yang Berhormat kata pelaburan kita menurun, boleh Yang Berhormat beritahu saya, penurunan ini daripada berapa peratus. Adakah pelabur yang datang di negara kita dibandingkan tahun lepas dengan tahun ini makin bertambah atau semakin berkurang.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, yang di sana persepsi ini menjejaskan suasana pelaburan, ini tidak semestinya kita katakan berbanding dengan tahun yang lepas turun berapa peratus tetapi yang sepatutnya pelaburan yang sepatutnya datang, tidak datang. Tidak naik dengan sepatutnya. *[Tepuk]* Saya harap kita janganlah elak daripada masalahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya terpaksa meminta Yang Berhormat tidak menyentuh perkara yang jauh daripada

Puan Chong Eng: Tidak apa kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita di peringkat jawatankuasa, perkara ini Yang Berhormat boleh bangkitkan di peringkat dasar. Jadi,

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, tetapi saya memberi penjelasan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa yang kita cadangkan untuk peringkat jawatankuasa tidak lebih daripada 10 minit.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, rang undang-undang ini saya nampaknya ini satu rang undang-undang.....

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Sebab dia buat tuduhan tidak ada fakta ini.

Puan Chong Eng: Saya tidak beri jalanlah kerana sudah ditegur oleh Tuan Pengerusi. Masa yang diambil untuk membahaskan rang undang-undang ini hanya 30 minit sahaja. Saya rasa ini merupakan satu rang undang-undang yang penting dan sekiranya tidak ada orang daripada Barisan Nasional yang hendak membahaskan, apa salahnya kita mengambil sedikit masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semalam kita sudah buat keputusan dan saya yakin semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini pun pada dasarnya bersetuju kerana kesuntukan masa.

Puan Chong Eng: Saya rasa kita ada sedikit masa lagi maka perlulah kita memberi sedikit masa untuk membahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju tetapi masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Puan Chong Eng: Saya akan teruskan sekiranya tidak diganggu.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik dengan Seksyen 10(f) dan (g) kerana (f) ialah "*in the case of the Chairman, if he absents himself from three consecutive meetings of the Commission without leave of the Minister;*" maka jawatannya akan dikosongkan. Ini merupakan satu syarat yang baik. Ini memaksakan semua orang bekerja di dalam *Commission* ini.

Dan dalam seksyen 11(1),

"11(1) No person shall be appointed as a member of the Commission unless before such appointment such person makes a statutory declaration whether he has any interest, financial or otherwise, in any undertaking involving energy supply activities"

Saya merasa ini adalah satu syarat yang baik supaya sesiapa yang di dalam *Commission* ini lebih *accountable* dan dalam perkara ini maka Rompin perlu memilih sama ada dia hendak menjadi pengerusi TNB ataupun pengerusi PAC [Tepuk]

Di Bahagian III, *Functions and Powers of Commission*. Saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian, 14(1)(a) bahawa fungsi *commission* ini ialah, dengan izin, "*(a) to advise the Minister on all matters concerning the national policy objectives from energy supply activities*" Saya ingin mendapat penjelasan, adakah Menteri dia ambil atau mendengar semua nasihat ataupun *advice* yang diberi. Sekiranya setelah diberi nasihat tetapi Menteri boleh dengan tidak ada sebab-sebabnya boleh menolak *advice* ini maka fungsi *Commission* ini tidak bermakna.

Saya juga ingin bertanya mengapa *for energy supply activities* dengan golongan 14(1)(a), *mentality* selalu *supply*, adakah kita telah kaji apakah keperluan tenaga kerana tenaga ini adalah beberapa jenis, ia ada tenaga elektrik, tenaga gas, tenaga kayu, ia juga boleh memberi tenaga juga *bio-mess*. Mengapa selalunya *supply* sahaja daripada persepsi *supply* dan bukan persepsi *the end user*. Kerana tidak semestinya penambahan *supply* ini bermakna ini adalah satu tanda pembangunan ekonomi. Kerana penambahan *supply* ini juga boleh disebabkan atau diakibatkan oleh pembaziran tenaga seperti apabila lampu tidak digunakan dan tidak dipadamkan, itu pembaziran tenaga. Seperti di Dewan ini, pada suatu hari *air-condition* nya begitu sejuk, kita pun tidak tahan di dalam Dewan ini. Ini pembaziran. [Disampuk] Ini adalah pembaziran.

Maka penambahan *supply* tidak bermaksudnya, itu tanda pembangunan. Ini adalah sama dengan Menteri Pengangkutan mengatakan, kesesakan lalu lintas itu menunjukkan pembangunan. Itu tidak betul. Tanda pembangunan ialah kita mampu menguruskan lalu lintas dengan baik.

Dan juga di dalam maksud yang sama, penambahan pembekalan tenaga, tidak bermaksud itu adalah tanda pembangunan tetapi tanda pembangunan ialah kita mampu memberi bekalan tenaga kepada semua penduduk khususnya kita mampu memberi bekalan elektrik kepada semua sekolah baik di bandar atau di luar bandar ataupun di pedalaman. Pada masa sekarang di negara ini masih terdapat 400 buah sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Saya rasa sekolah-sekolah ini, tenaga yang mereka

perluan ialah elektrik dan bukan gas, bukan kayu dan lain-lain kerana komputer tidak boleh dijalankan dengan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semasa bil ini dibangkitkan dalam peringkat dasar, adakah Yang Berhormat meminta peluang untuk membentangkan pandangan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, itu tidak bermakna bahawa ini tidak boleh dibangkitkan kerana ini mengenai *supply* dan *efficiency* menggunakan tenaga, mengapa tidak boleh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, ahli ini berucap mengenai dasar, jadi elok ditegur juga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang saya hendak tegur. Yang Berhormat sekarang kita di peringkat, kita perlu mengikut prosedur.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa saya bercakap mengenai *clause* yang tertentu dalam sesi-sesi yang tertentu. Dan, perkara ini tidak pernah pun ditimbulkan di Dewan ini oleh sesiapa pun. Maka saya tidak berpendapat bahawa ini tidak boleh disebutkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah lebih elok, masa peringkat dasar Yang Berhormat mengemukakan perkara ini.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini bukan semestinya dasar. Ini berkenaan dengan *energy supply activities* dan juga saya boleh juga dikaitkan dengan 14(j) mengenai *to promote research* dan juga 14(g) *to promote efficiency*. Ini adalah berkenaan penggunaan tenaga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi saya sudah terangkan, masa yang dihadkan untuk Yang Berhormat dan saya cadangkan 10 minit, sudah pun cukup.

Puan Chong Eng: Bilakah masa ini dihadkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya telah cadangkan 10 minit.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya menghormati Tuan Pengerusi mengadakan kuasa untuk membuat sesuatu keputusan tetapi saya rasa keputusan itu perlu dibuat mengikut keadaan dan juga penghormatan kepada Dewan ini untuk berucap, untuk mengetengahkan sesuatu *opinion* dan rang undang-undang ini pada dasar hanya dua orang yang berucap dan mereka hanya ucap dalam 20 minit. Dan sekarang saya adalah seorang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu soalan saya, mengapa pada peringkat itu sepatutnya kalau Yang Berhormat hendak bantu kita, Yang Berhormat boleh kemukakan di dalam peringkat dasar.

Puan Chong Eng: Apa bezanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapa, Yang Berhormat boleh teruskan...

Puan Chong Eng: Ini dibetulkan...[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang ikut peringkat...

Puan Chong Eng: Saya harap yang di sana, tidak perlu...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, minta dia baca balik antara jawatankuasa dengan ucapan dasar. Dia tidak baca Perlembagaan dan peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang saya hendak minta Yang Berhormat mengikut apa yang sepatutnya kita bahas dalam peringkat jawatankuasa. Dan di samping itu menjimatkan masa. Bolehkah Yang Berhormat teruskan.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya memang mengikut apa yang...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hei!...pergi sekolah lagilah. Jangan *waste the time of the Dewan*.

Puan Chong Eng: Siapa dia, siapa dia...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Pergi sekolah lah!

Puan Chong Eng: Saya punya *floor*. Siapa dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *Give to me holding the floor. You don't know anything about the rule.*

Puan Chong Eng: *You know, you know....*

Seorang Ahli: *You sit down.* Kalau tak suka, keluar.

Puan Chong Eng: Ini saya mengikut fasal-fasal.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Puan Chong Eng: Interpretasi fasal. Mengapa tidak boleh?

Seorang Ahli: Ya. Mengapa tidak boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: Biarlah Tuan Pengerusi yang menjalankan kerja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jadi mintalah selesaikan dalam 5 minit lagilah.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini adalah satu keputusan yang tidak patut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peluang juga perlu diberikan kepada ahli yang lain.

Puan Chong Eng: Kepada siapa? Tidak ada orang bangun daripada semalam lagi. Ini sambungan daripada semalam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh pastikan tidak ada orang bangun lagi?

Puan Chong Eng: Ya, daripada semalam tidak ada orang bangun. Kalau mengikut apa yang dikatakan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan, teruskan. Jangan buang masa.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, Fasal 14. Saya berpendapat bahawa Fasal 14, (d) dan (e). (e) ialah

"(e) to regulate all matters relating to the electricity supply industry and to protect any person from dangers arising from the generation, production, transmission, distribution, supply and use of electricity as provided under the electricity supply laws:"

Saya ingin membandingkan ia dengan (l); iaitu dikatakan, dengan izin

“(l) *to encourage and promote self-regulation in the electricity supply industry and the supply of gas through pipelines;*”

Saya berpendapat bahawa kedua-dua dasar ini bertentangan diantara satu dengan lain, kerana *regulation* dengan *self-regulation* ini tidak sama, sama sekali. Bagaimana Kementerian untuk *reconcile* dan pada masa yang sama hendak *regulate*. dan dia harap mereka yang terlibat ini boleh *self-regulate*.

Dan Fasal 14(g). Saya menyambut baik (g) dan (h),

“(h) *to promote efficiency economy and safety in the generation, production, transmission, distribution supply and use of the electricity and in the supply of gas through pipelines and the use of gas supplied through pipelines;*”

Ini mengemukakan satu syarat yang baik yang dikatakan di sini efisiensi ini bukan sahaja dalam efisiensi dalam membekalkan tenaga tetapi efisiensi untuk menggunakan tenaga yang berlainan jenis. *Efficiency use of the energy* dan bukan sahaja menambahkan *supply*. Dan saya juga menyambut baik Fasal 14(h):

“(h) *to promote and safeguard competition and fair efficient market conduct or, in the absence of the competitive market, to prevent the misuse of monopoly...;*”

Ini adalah cara yang baik untuk menggalakkan persaingan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau dengan cara ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat akan mengambil masa lagi satu jam untuk menyelesaikan dari fasal ke fasal.

Puan Chong Eng: Tidak. Tuan Pengerusi yang saya rasa tujuan Committee Stage ini, jawatankuasa ini ialah untuk meneliti fasal demi fasal. Dan sama ada berapa lama masa dia akan mengambil, itu adalah soalan kedua. Saya rasa saya tidak akan mengambil masa satu jam....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *It doesn't make sense*

Puan Chong Eng: Saya tidak akan memberi jalan...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, berapa minit yang diberi untuk seorang bercakap. Semalam Tuan Pengerusi kata 20 minit, sekarang sudah 25 minit..

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, Tuan Pengerusi kena tegas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sungguh pun semalam semasa Peringkat Jawatankuasa, masa untuk berucap tidak dihadkan, saya dimaklumkan lah...

Puan Chong Eng: Ya, tidak dihadkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi pada peringkat dasar kita memang hadkan 20 minit. Jadi pada lazimnya Peringkat Jawatankuasa tidak akan lebih daripada Peringkat Dasar. Dan masa untuk Yang Berhormat memang sudah lebih daripada 20 minit. Jadi tolonglah, beri kerjasama Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya rasa yang lebih penting bagi Dewan ini ialah membahaskan rang undang-undang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju Yang Berhormat. Kalau ini benda yang baik ...

Puan Chong Eng: ...dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:...yang disambut baik, Yang Berhormat pergi sebut satu-satu fasal, akan ambil masa lama.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya janji tidak lama. Akan habis dalam 20 minit lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang ada masalahnya ialah Yang Berhormat timbulkan dan saya fikir Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Puan Chong Eng: Tidak, Tuan Pengerusi, semalam apabila membahaskan dasar itu pun tiada had masa..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada..

Puan Chong Eng: Tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada...

Puan Chong Eng: Masa tidak terhad

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:.. Ada.

Puan Chong Eng: Tidak ada. Masa tidak dihad..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:.. Jadi, jadi...sekarang saya hadkan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa kita boleh hadkan masa, itu adalah kuasa Tuan Pengerusi tetapi apa-apa keputusan itu perlu mengadakan satu alasan yang baik....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang bukan di pasarliah, beli barang, tawar harga. Jadi jika bersetuju, sila Yang Berhormat patuhi keputusan saya sahaja. Saya benarkan Yang Berhormat berucap lagi lima minit. Sila habiskan dalam lima minit.

Puan Chong Eng: Lima minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.

Puan Chong Eng: Haa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan selepas ini Timbalan Menteri diminta jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak boleh, saya pun hendak cakap juga..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sendiri kata, tidak ada orang hendak berucap lagi...

Beberapa Ahli Pembangkang: Itu semalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 38(1), perbahasan atas apa-apa usul. Tuan Pengerusi, sebenarnya perbahasan untuk Peringkat Jawatankuasa, bacaan kali yang kedua memang mengambil masa yang panjang. Sebab amalan di dalam Dewan ini memang tidak berapa betul. Mungkin 10, 50 tahun akan datang kita akan ambil lebih masa untuk Peringkat Jawatankuasa kerana ini lebih penting daripada dasar. Satu-persatu misalnya di dalam rang undang-undang ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: ...suruhanjaya untuk itu meningkatkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini cadangan boleh dibuat pada masa akan datang. Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Saya pun hendak berucap [*Mikrofon dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam lima minit Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: [Ketawa] Saya rasa tidak eloklah kalau kita menghadkan masa semua...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan.

Puan Chong Eng: Saya akan menghormati kuasa Pengerusi, tetapi saya rasa kita perlu menghormati kewibawaan Dewan ini. Saya hendak teruskan ke Fasal 14 [*Disampuk*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, peraturan..

Puan Chong Eng: Golongan, golongan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tebrau tidak payahlah, saya sudah bangun.

Puan Chong Eng: Tidak perlulah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh hendak baca ini?

Puan Chong Eng: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hadkan dalam lima minit Yang Berhormat cuba habiskan.

Puan Chong Eng: 14(j) ini,

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, Tidak bagi jalan, hendak buat macam mana?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini Yang Berhormat, saya bacalah. Tidak faham....

Puan Chong Eng: 14(j) ini mengatakan [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan. Okay Yang Berhormat ada peraturan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat tengok ya 55.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: 55.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha.55.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: 55(1) dan 55(2). "55(1) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang sebelum bacaan kali yang kedua, boleh membincangkan butiran-butiran Rang Undang-undang tersebut dan juga baik buruk dasar-dasarnya". Kemudian yang kedua, "55(2) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua, tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja". Kecil bukannya umum. Ini dia baca dasar dan ucapan yang sebelum bawa Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kita sudah bangkitkan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Apalah, bacalah perlembagaan.

Puan Chong Eng: Eh!

Seorang Ahli: Baca Butiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baca.

Puan Chong Eng: Pertamanya fasal 14(j) *to promote research*. Apakah kita akan cakup dengan *research* sekiranya kita tidak boleh katakan ini *research* mesti termasuk juga *solar energy* kerana di luar bandar mungkin *solar energy* ini lebih kos efektif pada masa jangka panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan ya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bila kita bincangkan walaupun dihadkan kepada spesifik, yang khusus, tetapi dasar ke atas perkara yang khusus dibenarkan di dalam tiap-tiap mesyuarat. Jadi baca dengan baik-baik.

Seorang Ahli: Ya, ya.

Puan Chong Eng: Saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong ini berpengalaman. Memang dia tahu apa yang boleh dikatakan [*Disampuk*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, ini bukan cerita pengalaman.

Puan Chong Eng: Berbanding dengan Yang Berhormat bagi Tebrau itu. [*Disampuk*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini baca peraturan. Saya biasa perkara ini. Tidak pernah berlaku. Dekat sini sahaja.

Puan Chong Eng: Hormatkanlah Dewan ini. Saya tidak beri jalan. [*Sorak*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Puan Chong Eng: Saya hendak mengatakan bahawa rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang penting dan saya kesal bahawa masa disingkatkan dan hanya dua orang ahli daripada pihak pembangkang yang mengambil bahagian dalam Dasar dan saya seorang mengambil bahagian dalam Jawatankuasa. Tidak ada seorang pun daripada Barisan Nasional dan mereka tidak mahu berucap itu dan adalah kebebasan mereka tetapi tidak sepatutnya halang ahli yang lain untuk berucap. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau. 10 minit ha, 10 minit.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

11.30 pagi

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hairan apabila pihak *backbencher* kerajaan begitu sensitif sekali walaupun sedia maklum apa peranan...Ini dalam bentuk di bawah peraturan 55 di mana soal kita melihat Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan boleh membincangkan kebaikan dan keburukan dan soal interpretasi dan ini yang kita ingin lakukan.

Tuan Pengerusi, saya ingin terus ke fasal 5, soal Keanggotaan Suruhanjaya dan di dalam perkara ini di mana disentuh di sini anggota keseluruhan suruhanjaya ini adalah tidak kurang dari lima dan kalau di bawah 51(c) di mana boleh melantik sampai kepada empat orang, maka boleh menjadi tujuh orang anggota Suruhanjaya ini.

Dalam soal ini, saya berharap pihak kerajaan dalam soal pelantikan nanti, mengambil kira supaya latar belakang mereka yang dilantik itu adalah mereka yang mahir dalam sektor ini, namun demikian tidak ada kepentingan di dalam sektor juga. Pakar-pakar profesional dan mereka yang banyak pengalaman dalam sektor ini bukan sekadar orang yang dilantik begitu sahaja tanpa mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan. Dalam soal ini Tuan Pengerusi, saya harap bahawa daripada tujuh orang ini, masukkanlah ahli daripada Sabah dan Sarawak. Mereka yang ada pengalaman dalam sektor ini dan boleh mengambil bahagian dan memberi buah fikiran dan pandangan secara profesional dalam soal menasihati menteri seperti mana yang ditentukan dalam tanggungjawab suruhanjaya ini.

Saya tekankan ini di dalam soal tenaga ini, misalnya Bakun itu boleh diteruskan di Sarawak kerana tidak lah salah, tidak kurang satu daripada ahlinya di sana dan kita berharap satu daripada Sabah juga akan dimasukkan supaya menjadi satu Suruhanjaya yang begitu nasional daripada segi isu kandungannya Tuan Pengerusi. Kita menegur dalam hal-hal ini sebab kita harap apabila akta yang dilaksanakan nanti supaya tidak mahu rakyat mengatakan bahawa orang-orang Ahli Parlimen tidak menyetujui perkara ini. Maka inilah sangat penting walaupun di peringkat Jawatan-kuasa.

Tuan Pengerusi, saya terus di bawah Fasal 14 yang ada kaitan dengan fungsi dan kuasa suruhanjaya. Di bawah fasal 14.(1)(h) di mana menekankan di sana dan saya ingin membangkitkan ini supaya soal interpretasi ini jelas dan apabila pihak kementerian melaksanakannya nanti, ambil perhatian kepada pandangan-pandangan yang telah pun dikemukakan di Dewan yang mulia ini, mengatakan di sini bahawa menggalakkan dan melindungi persaingan dan pengendalian pasaran yang adil dan cekap atau dalam ketiadaan pasaran persaingan, mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran berkenaan dengan penjanaan pengeluaran penghantaran, pengagihan dan pembekalan elektrik dan pembekalan gas melalui talian paip.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, dalam soal mencegah monopoli, kita berharap bahawa dalam soal pelaksanaan akta ini nanti, kerajaan mengambil pandangan, pengalaman kita di dalam sektor telekomunikasi di mana walaupun di dalam akta tersebut juga dan peraturan-peraturan perintah yang ada, di mana kerajaan cukup *fussy* mengelakkan monopoli dan memberi perkhidmatan yang berkesan dan efisien kepada pengguna, tetapi sekadar meliberalisasikan sektor itu kepada misalnya lapan konsesi dalam sektor telekomunikasi, sebenarnya itu semata-mata juga belum lagi membantu meningkatkan para pelanggan dalam sektor telekomunikasi. Kita berharap pengalaman ini akan dapat diambil kira oleh pihak kerajaan kerana kalau saya kata konsesi mengelakkan monopoli, lima konsesi misalnya diberi ataupun lapan, pemegang konsesi sekadar di kalangan lapan orang ini mesti boleh menentukan haluan sektor tersebut.

Maka dalam soal memecahkan monopoli ataupun mencegah penyalahgunaan monopoli, pihak kerajaan berfikirlah secara dalam bahawa sekadar menambah pemegang konsesi tidak semestinya akan mencegah penyalahgunaan monopoli. Perlu tindakan-tindakan yang lebih tepat dan lebih kreatif digunakan supaya ada campur tangan kerajaan. Jadi, pihak suruhanjaya apabila ditubuhkan nanti, mengambil perkara ini dan supaya pengalaman dalam sektor telekomunikasi tidak boleh mendapat pengalaman untuk memastikan sektor ini terus terurus dan memanfaatkan pihak rakyat kita.

Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi. Dalam soal misalnya di dalam Fasal 14 yang berkenaan ini iaitu, 14.(2), 14.(1)(o) menjalankan segala aktiviti yang didapati oleh suruhanjaya dikehendaki berfaedah atau mudah bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah undang-undang perbekalan tenaga. Memang *clause* ini, fasal ini begitu luas sekali. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah interpretasi menjalankan segala aktiviti didapati oleh Suruhanjaya adalah dikehendaki dan berfaedah ini. Adakah itu melibatkan juga pelaburan Suruhanjaya sendiri dalam sektor ini. Ertinya mengendalikan *business-business* tertentu dan bukan sekadar memegang, mengatur, mengawal selia, menjaga perlesenan, soal perlesenan tetapi memberi lesen juga untuk melabur dalam sektor sendiri.

Ini sangat penting supaya kita sedia maklum kita tidak akan wujud dalam suatu Suruhanjaya yang *partially* dengan izin, menjalankan tanggungjawab regularisasi, *regulating* dan *at the same time* dengan izin, menjalankan pelaburan juga dalam sektor tersebut. *There will be a conflict of interest*. Tetapi nanti kemudian dikatakan dibenarkan oleh akta. Jadi, saya rasa sangat penting ini Tuan Pengerusi supaya dijelaskan di Dewan yang mulia ini oleh pihak kementerian dan yang terakhir ialah ada kaitan dengan soal Kumpulan Wang Kewangan di bawah bahagian Fasal

24.(2) khususnya di bawah perkara (a) dari ini disentuh oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong pada masa perbahasan berkaitan dengan kementerian ini sebenarnya.

Saya pun telah membangkitkan ini di mana satu suruhanjaya yang ditubuhkan lebih awal lagi di bawah kementerian yang sama iaitu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di mana di dalam Belanjawan 2001, amat sukar bagi kami mencari vot-vot tertentu yang membolehkan kita meneliti prestasi suruhanjaya tersebut. Walhal di bawah fasal ini, Fasal 24.(1)(a) ialah Kumpulan Wangnya ialah apa-apa wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi Maksud Undang-undang Pembekalan Tenaga dari masa ke semasa. Tetapi bila...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Soalannya di sini nanti Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya..

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Soalannya di sini nanti Tuan Pengerusi kepada pihak kementerian adalah kita inginkan supaya di dalam membentangkan peruntukan-peruntukan tahunan pada masa-masa akan datang hendaklah dijelaskan Kepala-kepala tertentu bagi suruhanjaya ini. Begitu juga dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya pihak rakyat dan pihak pemimpin di sini yang mewakili rakyat boleh mengesan dan meneliti prestasi tanggungjawab dan kerja mereka.

Jadi, saya berharap dalam tahun hadapan, di mana dalam belanjawan nanti, bagi kementerian ini ada Kepala-kepala tertentu khusus sebagai suruhanjaya supaya dia boleh dengan izin *dicriticize* oleh pihak kita dari segi tanggungjawab dan penggunaan wang keseluruhan. Tuan Pengerusi, yang terakhir saya ingin....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua kali akhir Yang Berhormat [Ketawa]

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini terakhir, terakhir.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yakin betulah Yang Berhormat ya.

Seorang Ahli: Yang terakhir.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang terakhir Tuan Pengerusi ialah soal transisi. Pada masa ia di bawah kementerian sekarang dan diserahkan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut terhadap pihak suruhanjaya dan seperti mana yang saya sentuhkan di dalam Dewan yang mulia ini, di bawah kementerian yang sama, pengalihan tanggungjawab kementerian kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dalam satu tahun penyerahan itu kucar kacir kerana para pelanggan tidak tahu dan pejabat ditutup di sini sana di peringkat negeri dan pengalihan itu mengambil masa yang begitu lama sekali. Jadi, kita berharap bahawa dalam soal kali ini, tidak masih seperti kes Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya cukup jelas bagi pelanggan-pelanggan dan peraturan-peraturan dan seterusnya perintah-perintah yang berkaitan dengan pentadbirannya diketahui secara umum supaya dengan izin, *the transition period* itu tidak begitu lama dan mengakibatkan kucar kacir di dalam soal sektor ini.

Dalam konteks itu juga Tuan Pengerusi saya tambah, saya berharap apabila pelesenan dan seterusnya diserahkan kepada suruhanjaya ini bahawa tidak semestinya melibatkan peningkatan lesen-lesen tertentu. Misalnya lesen-lesen generator yang diperoleh mengikut undang-undang berasas kepada beberapa kuasa diperlukan pelesenan dan tiba-tiba nanti apabila suruhanjaya ini apabila dia sudah berfungsi semua lesen tertentu meningkat khususnya yang bertujuan bukan secara *economic* semata-mata tetapi digunakan secara sosial juga oleh para penjana ataupun pemegang lesen tersebut untuk penjana kuasa elektrik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong. Selepas ini Timbalan Menteri menjawablah.

11.42 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memang ada ahli yang tidak begitu faham mengenai fungsi jawatankuasa kita ini. Walau bagaimanapun saya menasihatkan supaya kita membaca tatatertib mesyuarat dengan mendalam.

Tuan Pengerusi, Fasal 5 mengenai suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri seorang pengerusi, dua orang anggota yang mewakili kerajaan dan kurang tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain. Tuan Pengerusi, suruhanjaya seumpama ini memang penting untuk mengawal selia bekalan tenaga di negara ini yang diperlukan untuk menjadikan negara ini sebagai negara yang maju pada tahun 2020. Maklumlah kita mempunyai kapasiti hanya 12,000 megawatt sekarang dan ini memang tidak cukup untuk menampung keperluan dan terwujud masalah yang lain. Dan di dalam pelantikan anggota-anggota untuk suruhanjaya ini kita perlulah tambah lagi untuk memastikan tidak ada orang yang mempunyai kepentingan walaupun saya nampak ada enam itu, kelulusan untuk memegang catuan lain, pengerusi tidak boleh semasa memegang jawatan itu memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain sama ada yang dibayar saraan atau tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri. Ini memang tidak mencukupi. Kita mesti memastikan sesiapa yang menganggotainya tidak ada kepentingan sendiri, tidak ada pengaruh politik semata-mata politik parti, saya telah sebut. Sebab kalau kita tengok Yang Berhormat bagi Rompin dilantik...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Yang itu sudah sebut banyak kali.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kena mengena dengan dia.

Seorang Ahli: Contoh!

Dr. Tan Seng Giaw: Satu contoh. Yang Berhormat bagi Rompin hari ini tidak hadir..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kadang-kadang Kepong pun tidak hadir juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Walhal suruhanjaya itu yang begitu penting walaupun Yang Berhormat bagi Rompin itu daripada Pahang. Kalau tidak betul itu tidak betul juga Tuan Pengerusi. Tidak hadir, dengan perkara yang begitu penting untuk mengawal selia, mengawasi bekalan elektrik dan tenaga yang lain di negara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab kalau kita tidak ada anggota yang benar-benar boleh mewakili semuanya, kita tidak menghadapi masalah. Misalnya Tuan Pengerusi, pada berapa tahun yang lepas ada berlaku satu ...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri minta penjelasan mungkin.

Dr. Tan Seng Giaw: Berminat dengan perbahasan. Baik jugalah tetapi Perlis tidak memerlukan tenaga yang banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi bagilah Yang Berhormat. Jangan komen lagi. Hendak bagi, bagi. Tidak bagi, tidak bagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita sebenarnya masa suntuk dan Yang Berhormat tadi menyentuh

mengenai anggota suruhanjaya. Kalau kita lihat muka surat 10 di sini, Fasal 11.(2) disebut, "(2) Jika seorang anggota suruhanjaya memperoleh apa-apa kepentingan daripada segi kewangan atau selainnya dalam apa-apa usaha yang melibatkan aktiviti pembekalan tenaga dia hendaklah, dalam masa satu bulan selepas pemerolehan itu, memberi notis secara bertulis kepada Menteri dan Menteri boleh, selepas menimbangkan perkara itu, jika difikirkannya patut, mengisytiharkan bahawa orang itu telah mengosongkan jawatannya". Sudah ada dalam ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, saya ada baca juga Yang Berhormat ya. Terima kasihlah kerana peka kepada perkara ini juga tetapi ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri. Kalau Menteri kata boleh, dia boleh. Itu yang penting. Kalau dia boleh jawab apa-apa pun untuk mempunyai kepentingan sendiri tetapi kalau Menteri kata Yang Berhormat bagi Arau boleh menjawat jawatan itu, dia boleh. Tadi saya sebutkan di sini kita mestilah ada satu fasal yang memastikan, yang menentukan tidak bolehlah membenarkan orang seumpama ini ...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Kepong terhadap Fasal 18.(1) dengan izin, *Without prejudice to the other provision of this Act, the chairman shall also be the Chief Executive Officer of the Commission*. TNB pada masa akan datang akan di bawah Suruhanjaya ini juga. Tetapi TNB dia ada CEO dan pengerusi, mengapa TNB perlu dua jawatan ini tetapi suruhanjaya tidak perlu. Apakah sebabnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pihak kementerian mestilah meneliti hal ini. Mungkin bidang kuasa tidak begitu jelas kerana kita pun sama-sama hendak menyempurnakan suruhanjaya. Mungkin pada satu, dua tahun akan datang mesti dihantar balik untuk dipindahkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biasalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Biasalah. Kita cadangkan sekarang supaya pihak berkuasa mengambil perhatian. Bagi saya tidak cukup mengenai keanggotaan suruhanjaya kita mesti teliti dan masukkan satu fasal lagi lain kali untuk memastikan orang yang menjadi anggota itu benar-benar pakar, benar-benar tidak memihak sesiapa terutamanya pihak politik parti.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana masa dahulu saya sebutkan tadi mengenai gangguan ataupun tergendala bekalan elektrik yang besar-besaran. Bulan September yang hitam sama sekali kerana kegagalan bekalan elektrik di Paka, Terengganu, bukan di Pahang tidak? Di Paka. Mungkin lain kali kita boleh adakan IPP di Pahang juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Kepong tidak ada tempat.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi saya telah baca rang undang-undang ini dan saya tidak nampak di mana tempat ada diletakkan *appeal proceeding* iaitu kalau ada *supplier* yang tidak bersetuju dengan keputusan suruhanjaya ini bagaimana mereka boleh merayu di dalam. saya nampak tidak ada bahagian yang mengatakan di mana ada rayuan yang boleh diadakan. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong nampak di mana mana syarat ini telah ditetapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak pada masa ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak nampak minta Menteri lah menjawab ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi Menteri tidak datang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah. Itu serupalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Serupa? Kita perlu tahulah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam peraturan ada itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bawah peraturan mana pula?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian itu termasuklah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ...

Dr. Tan Seng Giaw: Ada juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada, walaupun Kepong lama saya pun lama juga. Jadi tahulah sedikit sebanyak. Teruskan Kepong. Kita sama lama Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Sama lamalah. Kalau lama itu baiklah kita pun boleh membincangkan mengenai bulan yang gelap sekali pada bulan September yang gelap, gelap-gelita beberapa tahun yang lepas kerana kegagalan bekalan elektrik di Stesen IPP di Paka, Terengganu. Dan waktu itu sebenarnya Tuan Pengerusi kerana mungkin kerana kita tidak ada suruhanjaya atau mungkin kementerian tidak mempunyai kepakaran yang cukup atau pengawalseliaan yang tidak cukup. Kerana yang pertama itu alat yang digunakan oleh IPP dengan Tenaga Nasional tidak seragam. Misalnya *time delay switch* dia mesti ada *time delay switch* apabila ada *time delay switch* yang boleh kontrol tenaga, karan. *Switch* ini ada berapa saat. Satu, dua saat, tiga saat, empat lima saat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soallah Yang Berhormat Menteri ...

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana kita mesti ada anggota yang faham hal ini kerana sebelum ini tidak begitu faham hingga timbullah masalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soal Menteri, adakah bersiap untuk itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekejap lagi saya akan itu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu sudah panjang. Itu dasar terlalu panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan. Tunggu sekejap saya tidak terangkan lagilah kerana tidak ada seragam alat-alat yang digunakan. Mestilah diseragamkan dengan standard yang sama untuk bekalan yang licin dan sebagainya. Dan waktu itu ada penyelarasan di antara kementerian dengan TNB, dengan IPP pun tidak cukup baik. Apabila waktu itu ada kerja yang dibuat oleh pihak Tenaga Nasional, tidak diberitahu dengan tepat kepada IPP di Paka kemudian mereka tidak tahu ada sebahagian bekalan itu ditutup. alat-alatnya standard tidak seragam maka berlakulah gangguan yang besar-besaran yang merugikan berpuluh juta ringgit di negara ini. Satu bulan September gelap-gelita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kenapa Kepong berpusing cakap ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa pasal berpusing pula. Tidak berpusinglah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini berpusing rata dunia.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan macam mana tidak faham pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Fungsi dan suruhanjaya Fasal 14.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, apa hendak cerita sekarang ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau sudah habis, duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak habis lagi. Banyaklah itu. Di dalam fungsi dan kuasa suruhanjaya Fasal 14 itu. Satu suruhanjaya hendaklah mempunyai segala fungsi yang dipertanggungjawabkan ke atasnya di bawah undang-undang perbekalan tenaga dan hendaklah juga mempunyai fungsi-fungsi berikut. Walaupun ada menasihati Menteri tentang segala perkara yang berhubung dengan penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang pembekalan elektrik tetapi saya nampaknya daripada (a) sampai ke (o). Dan fungsi ini satu dan dua. Yang satunya (a) sampai ke (o) tidak disebut tidak boleh ada monopoli bekalan elektrik sebab Tuan Pengerusi kalau Yang Berhormat yang dapat peluang untuk mengadakan IPP itu memang satu projek yang sangat lumayanlah kerana IPP....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada monopoli Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada monopoli.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam (h) ini?

Dr. Tan Seng Giaw: (h) kah? Ya, mencegah penyalahgunaan monopoli. Saya di sini mesti adalah kalau (h) di bawah kata tidak boleh ada monopoli langsung. Itulah, mestilah kita bukan setakat mencegah penyalahgunaan monopoli, tidak ada monopoli langsung kerana sekarang kalau kita ada IPP, IPP ini jual tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional mesti *captive market* mesti dapat keuntungan. Kalau Tuan Pengerusi lain kali tidak jadi ahli politik boleh dapatkan IPP senang dan lumayan. Maklumlah kita ada 12,000 megawatt kapasiti sekarang dan nampaknya daripada pengerusi TNB hendak tambahkan 3000 megawatt lagi pada tahun 2003. Kalau ada IPP yang baru memang baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri. Hendak beri?

Puan Chong Eng: Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kepong dalam Fasal 14(e) mengenai *to regulate all matters relating to the electricity supply industry and to protect any person from dangers arising from the generation, production transmission, distribution, supply and use of electricity...* Di sini, adakah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju bahawa pembinaan *petrol station* itu tidak boleh terlalu dekat dengan tempat-tempat kediaman. Ini adalah masalah di Pulau Pinang, di Ipoh, di Petaling Jaya di mana pembinaan *petrol station* ini terlalu dekat dengan rumah-rumah dan sekolah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi memang benar juga kerana di Petaling Jaya dan lain-lain tempat saya nampak stesen pencawang elektrik ada disebutkan tetapi kita nampak pencawang itu besar. Saya pun tidak tahu saya pun macam mana biasanya kita nampak pencawang elektrik kecil sahaja tetapi ini satu bangunan besar.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiu berdiri hendak bagi jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu.

Dr. Tan Seng Giaw: Setiu memang faham ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ialah hendak beri jalan. Saya tidak tahulah faham tidak faham.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong menyebut tadi bahawa sesiapa sahaja yang mendapat kurnia lesen untuk membuat ataupun menjalankan janakuasa elektrik secara *independent* akan meng-untungkan. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat bagi Kepong. Sedarkah Yang Berhormat bagi Kepong bahawa TNB telah mengalami kerugian 1997 sebanyak RM140 juta lebih, tahun 1998, RM3 juta lebih dan kemudian makin turun dan baru-baru ini membuat keuntungan sedikit. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan saya bahawa suruhanjaya ini perlu diwakili oleh pelbagai pihak termasuk ahli-ahli politik pembangkang sama dan juga golongan korporat bagi memastikan bahawa yang dapat projek secara monopoli pun masih melakukan kerugian sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi saya memang setuju dengan Setiu kerana saya tidak nampak mengapa TNB mengalami kerugian. Selain daripada pengurusan yang kurang cekap ataupun ada benda-benda yang lain yang disembunyikan sebab Tuan Pengerusi, walaupun ada Fasal 14.(1)(e) ini mengawal selia segala perkara yang berhubung dengan industri pembekalan. Saya boleh bagi pengalaman saya sendiri. Walaupun di kawasan Kepong ada bangunan pejabat TNB untuk Wilayah Persekutuan yang baru sahaja siap dan bukan main cantik lagi, saya pun berasa bangga jugalah kerana bangunan TNB berada di Kepong tetapi ada benda yang tidak kena juga. Dekat sahaja dengan pejabat TNB itu di depan sahaja bekalan elektrik kepada Jinjang Utara terutamanya, sering tergendala. Saya pun hairan juga pejabat di situ tetapi tergendala pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Persoalannya banyak. Soalan, mengapa tergendala.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya Menteri lah. Ini kalau cakap sampai bila pun boleh. Soalannya, tanya Menteri ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang sudah tanya soalan. Mengapa ini berlaku di depan pejabat yang cantik, yang indah, yang besar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itulah caranya Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Begitu juga kawasan, ini ada persendirian juga dengan kawasan saya dan rumah saya. Kalau satu bulan itu memang satu dua kali tergendala. Saya pun kurang faham pula mengapa ini sering berlaku. Walhal dengan ada suruhanjaya ini, saya berharap semua ini akan selesai.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang kapasiti kita ada 12,000 megawatt. Kalau tambah 3,000 lagi pada tahun 2003, ini menjadi 17,000 megawatt dan saya berharap dengan kapasiti ini, tidak akan berlaku lagi di seluruh negara tetapi pada pengalaman saya, memang bekalan terganggu dari masa ke semasa dan kita mesti kaji di negara-negara lain. Saya setuju bekalan di negara kita itu lebih baik daripada sesetengah negara. Indonesia tidak payah sebutlah ataupun Filipina. Kita lebih baik tetapi kalau berbanding dengan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah banyak ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah panjang masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak panjang. Saya akan pendekkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti akur kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma kita hendak terangkan keadaan yang sebenarnya. Ada pula di dalam usaha kita untuk mengawal selia, semua ini iaitu kualiti pekerja. Sebab saya beritahu Tuan Pengerusi, apabila ada gangguan elektrik atau apa sahaja berlaku yang kena-mengena dengan bekalan elektrik, bila kita telefon TNB, susahlah. Dia rujuk kepada sini, kepada situ, kadangkala tidak ada, dia pakai mesin. Mesin pun tidak salah juga. Kita telefon sudah ada mesin yang jawab. Tidak ada, kita pun sabar sedikit. Tunggulah macam mana kita boleh teruskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sudah jauh sangat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jauh. Ini kena-mengena dengan segala perkara yang berhubung dengan industri bekalan elektrik. Itu tidak salah.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanyalah menteri.

Dr. Tan Seng Giaw:.....asalkan kita baiki macam mana kita boleh memenuhi piagam pelanggan yang sudah pun diterima oleh Tenaga Nasional. Tetapi tidak ada piagam langsung sekarang. Cuma saya berharap pihak Tenaga Nasional boleh menyemak semula bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan seumpama ini dan seterusnya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hai panjang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada ini sahaja. Ini yang terakhirlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Terakhirlah. Di dalam fungsi dan kuasa Suruhanjaya ini, kita memang mesti kaji penggunaan cara-cara untuk menjanakan elektrik kita, *turbine* kita. *Turbine* ini ada dua jenis.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah hurai Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang pertama ialah *gas turbine* dan yang kedua ialah *steam turbine*. Yang lama ialah *stim* sebab *stim* lebih mahal sedikit bila kita bayar. *Gas turbine* itu terutamanya *micro turbine* kita lebih murah dan mungkin lebih senang hendak pasang. Tetapi untuk *stim* itu lebih mahal sedikit. Lebih besar, lebih mahal. Di negara ini, walaupun kita ada gas. Gas pun, mungkin dalam tempoh 30 atau 40 tahun akan habis. Maklumlah di Pahang tidak ada gas langsung. [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serupa Kepong, lagi tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Di Kepong pun tidak ada gas. Kira samalah, sama taraf. Bekalan petroleum pun tidak lama. Berapa tahun sahaja. Kita mestilah menyeimbangkan fungsi kita di sini dan kita mesti menyeimbangkan semua ini penggunaan *steam turbine* dan *gas turbine*. Saya nampak tidak begitu seimbang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanyalah menteri, adakah dia hendak buat seimbang?

Dr. Tan Seng Giaw: Dan itulah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya sahajalah menteri. Tanya, tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan tujuh.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang sebutkan di sini, saya akan ulangkan perkara ini, saya nampak tidak diambil kira buat masa ini. Misalnya di dalam negara ini, 70% seperti *turbine* kita menggunakan gas sekarang kerana dia nampak gas kita banyak, kita boleh gunakan gas-gas sahaja sebanyak 70%. Dan 30% menggunakan bahan yang lain. Dengan demikian, saya percaya kita tidak akan mewujudkan keseimbangan di dalam penjanaan kuasa kita. Mungkin kita mesti tambahkan lebih *steam turbine* sedikit dan jenis-jenis *gas turbine* pun kita mesti seimbang juga untuk memastikan bekalan elektrik adalah baik bagi negara kita.

Janganlah kita sentiasa kata TNB boleh rugi. TNB tidak boleh rugi. Yang ruginya kerana sebab-sebab yang tertentu termasuk kualiti kakitangan dan semangat kakitangan di dalam TNB. Sebab saya nampak ada sebahagian kakitangan itu, semangatnya kurang, yang tidak puas hati seperti mana yang terdapat dalam MAS juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak lagi hendak disebutkan kerana penjanaan elektrik dan kuasa kita memang penting dar. banyak perkara yang tidak betul termasuk keseimbangan bahan tenaga yang digunakan untuk *turbine* kita, jenis *turbine* kita termasuk kualiti dan kaliber kakitangan ini yang mesti dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Timbalan Menteri sila jawab.

12.06 tgh.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Bandau dan Kepong kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Akta Suruhanjaya Tenaga 2000. Ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara berkaitan dengan keanggotaan Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi, di bawah seksyen 5, bilangan keanggotaan Suruhanjaya Tenaga selain dari Pengerusi ialah enam orang iaitu dua orang yang mewakili kerajaan dan tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada empat orang lain yang mewakili sektor bukan kerajaan. Bagi hal-hal lain, mereka akan dilantik oleh wakil pihak pengguna atau pihak *academia* dan calon-calon yang lain yang difikirkan sesuai oleh Menteri. Jadi, dalam Fasal 5(c), cukup jelas kalau kita baca, tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain, ini termasuk mana-mana pihak di mana tadi saya kata, Menteri fikir calon itu yang sesuai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menyentuh isu bercanggahan Clause 14(1)(f) dan (i). Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, ini tidak bercanggah bahawa *self-regulation* tidak bermakna tidak ada kawal selia dan tidak kepatuhan kepada kod atau garis panduan atau standard yang ditetapkan diperlukan supaya tahap keselamatan terjamin dan pewujudan standard kod dan garis panduan adalah merupakan satu cara ke arah *self-regulation*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Sudah banyak masa Yang Berhormat berucap ya. Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Saya banyak kena jawab.

Puan Chong Eng: Kerana saya....

Datuk Tan Chai Ho: Kalau saya tidak mahu jawab semua soalan daripada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya risau nanti Yang Berhormat tidak jawab bahagian dua...

Datuk Tan Chai Ho: Nanti, nanti saya jawab semua.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Bahagian dua yang saya sebutkan semalam.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam tunggu dululah, saya tanya dia beri jalan atau tidak?

Datuk Tan Chai Ho: Saya jawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha.

Datuk Tan Chai Ho: Ya. Mengenai Seksyen 14(1)(a), sama ada Menteri boleh tolak nasihat mengenai hal-hal asas mengenai aktiviti pembekalan tenaga. Adalah memang benar bahawa Suruhanjaya Tenaga akan menasihatkan dan memainkan peranan sebagai penasihat (advisor) kepada Menteri mengenai bekalan elektrik tetapi Menteri mempunyai kebijaksanaan tersendiri untuk membuat keputusan sendiri. Ini bermakna jika Menteri rasa nasihat itu yang tidak patut, menteri boleh tolak ya.

Isu mengenai pembaziran bekalan, di Clause 14(1)(g) adalah memperuntukkan bahawa kecekapan penggunaan elektrik dan juga soal mengenai aktiviti pembekalan tenaga di bawah Clause 14(1)(a), saya ingin menyatakan bahawa ini adalah perkataan-perkataan yang ditakrifkan di bawah seksyen 2.

Tuan Pengerusi, mengenai pembekalan elektrik kepada semua, adalah menjadi matlamat kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada semua penduduk termasuk sekolah-sekolah, rumah-rumah, premis-premis di dalam kawasan pedalaman. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu bimbang. Kita akan membekal *electricity* kepada semua.

Soalan mengenai seksyen 14(e) dan seksyen 14(c) adalah bertentangan, di sin, saya ingin memberitahu bahawa matlamat jangka panjang kerajaan adalah untuk menggalakkan industri bekalan elektrik dan industri bekalan gas *self-regulate*. Pada jangka masa pendek, kerajaan perlulah melindungi pengguna dari segi teknikal dan keselamatan. Jadi, inilah satu langkah atau satu tindakan yang kita ambil.

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga membangkitkan soalan mengenai menggalakkan *Research and Development* (R&D) termasuk *solar energy*. Saya ingin menyatakan bahawa memang adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menggalakkan R&D termasuk penggunaan tenaga lain seperti *solar energy* dan penjanaan elektrik

dari sisa kelapa sawit atau biomass dan lain-lain. Jadi, inilah satu hasrat kerajaan supaya kita boleh dapat lebih banyak bekalan elektrik.

Mengenai tatacara rayuan yang dikatakan tidak ada dalam akta ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya tatacara rayuan terdapat dalam Akta Bekalan Elektrik dan Akta Bekalan Gas. Kedua-dua akta tersebut mestilah dibaca bersama dengan Akta Suruhanjaya. Ini adalah di seksyen 2 di mana Undang-undang Pembekalan Tenaga sebenarnya merujuk kepada Undang-undang Pembekalan Gas dan Undang-undang Pembekalan Elektrik. Jadi, ada berkaitan.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam minta penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Nanti saya baca semua dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam berdiri minta penjelasan. Bagi?

Puan Chong Eng: Penjelasan. Di bawah seksyen 2.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Yang Berhormat? Ha, sila.

Datuk Tan Chai Ho: Satu sahaja ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu sahaja.

Puan Chong Eng: Semalam saya telah bertanya mengapa sumber tenaga di dalam negara ini seperti petroleum tidak diberi kawalan atau di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia tetapi ia adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini saya rasa satu contoh "Malaysia Boleh". Saya rasa tidak ada di seluruh dunia, tidak ada satu sumber tenaga yang tidak di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan mengapa petroleum ini ataupun sumber tenaga ini tidak di bawah kementerian Yang Berhormat tetapi kementerian Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Pengerusi, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai sumber gas adalah diletakkan di bawah bidang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Akta Pembangunan Petroleum. Suruhanjaya Tenaga hanya akan bertanggungjawab untuk mengawal selia pengagihan gas melalui talian paip kepada pengguna-pengguna. Jadi, isu mengenai kawal selia sumber gas bukan sahaja melibatkan sumber tempatan tetapi sumber dari luar negeri juga. Akta Pembangunan Petroleum memperuntukkan kuasa memantau aktiviti berkenaan sumber-sumber petroleum dan gas kepada Petronas. Sehingga kini yang saya tahu, Petronas Berhad telah menjalankan aktiviti pemantauan di peringkat *upstream* atau hilirannya dengan berkesan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bandau telah membangkitkan isu peralihan. Kementerian sememangnya akan memastikan bahawa proses peralihan berjalan secara lancar. Jadi, salah satu langkah yang kita ambil ialah pada peringkat awal kita melalui akta ini, menubuhkan Suruhanjaya Tenaga supaya kita boleh buat persediaan lebih awal untuk memastikan bahawa ia membuat peraturan-peraturan yang mencukupi bagi tujuan mengambil alih fungsi kawal selia industri daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas. Selain daripada itu, Akta Bekalan Elektrik dan Akta Bekalan Gas dan peraturan-peraturan di bawahnya masih berkuat kuasa sehingga Suruhanjaya ini pada satu masa sedia ambil alih fungsi-fungsinya.

Jadi, kita perlulah timbang, kita akan buat persediaan lebih awal. Ini adalah berlainan dengan CMC yang diadakan. ini adalah kerana Suruhanjaya CMC baru ditubuhkan dan undang-undang untuk kawal selia industri adalah undang-undang yang baru tetapi sekarang di sini kita ada Akta Bekalan Elektrik 1990 termasuk Akta

Perbekalan Gas 1990. Jadi, semua sudah sedia undang-undang dan peraturan. Jadi, ini mudah untuk kita ambil alih...

Dr. Maximus Johnity Ongkili : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau berdiri minta penjelasan, hendak bagi?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri yang memberi jaminan tersebut namun dari segi tempoh pelaksanaan, bilakah jangka tempoh dalam berapa bulankah dijangka semua pelaksanaan penubuhan dan perjalanan tugas ini boleh diselesaikan. Adakah penubuhan Suruhanjaya ini tertumpu juga oleh pemindaan Akta Bekalan Elektrik yang tidak sempat dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Adakah fungsi itu tersekat dengan perubahan undang-undang Bekalan Elektrik yang tidak sempat dibentangkan dalam Dewan ini? Terima kasih.

Dato' Tan Chai Ho: Dijangka sebelum bulan....tahun 2001 adalah juga pindaan Akta Bekalan Elektrik 1990. Ini akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat bagi Bandau juga membangkitkan isu tafsiran di bawah seksyen 14(i) dan (o) kalau saya tidak salah. Saya ingin menyatakan bahawa tidak mungkin Suruhanjaya sebagai badan kawal selia terlibat dengan aktiviti pembekalan tenaga. Tujuan penubuhan Suruhanjaya adalah bagi mengasingkan fungsi kawal selia pengubalan dasar dari pihak industri. Ini bermakna ada persaingan, ada bezanya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong yang tadi sudah bangkitkan isu mengenai keanggotaan Suruhanjaya, saya pun sudah jawab dan mengenai masalah bekalan elektrik di Jinjang Utara, sebenarnya saya pun tinggal di Kepong jadi gangguan bekalan elektrik tidak selalu berlaku kerana.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Takut bil elektrik tidak bayar Yang Berhormat?

Dato' Tan Chai Ho: Bayarlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun warisnya ada tinggal di Kepong tetapi dia tidak.

Dato' Tan Chai Ho: Saya tahu, saya tinggal di Kepong Yang Berhormat, saya tahu apa yang sudah berlaku tetapi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Kepong, dia tidak bagi jalan Kepong. Biar, dia tidak bagi jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bagi jalan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, dia tidak bagi.

Dato' Tan Chai Ho: Duduk, duduk, tidak ada masa lagi. Jadi, ingin saya nyatakan di sini, kita berusaha supaya bilangan gangguan bekalan elektrik dikurangkan secara minimum atau kalau boleh ke tahap sifar, kalau bolehlah. Inilah satu hasrat kita. Jadi, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Fasal 1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.28 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Rang undang-undang bernama suatu Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan dengan tujuan untuk melantik semula dan meningkatkan kemahiran bekerja secara berterusan melalui pelaksanaan sistem *levy grant* di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992. Latihan semula dan peningkatan secara berterusan di kalangan pekerja-pekerja di sektor swasta adalah amat penting untuk memastikan Malaysia sentiasa mampu untuk meningkatkan produktiviti dan berdaya saing di pasaran antarabangsa di samping menyegerakan proses perpindahan teknologi. Ini juga memberi jaminan kepada pekerja-pekerja dari segi *job security*, dengan izin, dan *job flexibility*, dengan izin dalam menghadapi proses perubahan teknologi.

Sejak Julai 1993 hingga 31 Ogos 2000 seramai 2.54 juta tempat latihan yang melibatkan geran latihan sebanyak RM776.07 juta telah diluluskan untuk membolehkan pekerja mengikuti latihan semula dan meningkatkan kemahiran. Pada amnya budaya latihan di kalangan majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia adalah tinggi. Cadangan untuk mengkorporatkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah pun dibangkitkan pada tahun 1996 supaya ia dapat melaksanakan aktiviti secara *private sector driven*, dengan izin, dan lebih *responsive* kepada majikan-majikan yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, setelah diberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan tersebut, mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 5 Ogos 1998 telah bersetuju supaya MPSM dikorporatkan secara keseluruhan dengan mewujudkan syarikat berhad mengikut jaminan (*company limited by guarantee*), dengan izin, di mana satu akta baru perlu digubal iaitu Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 (Akta PSMB 2000).

Akta PSMB 2000 ini memperuntukkan supaya satu badan kawal selia diwujudkan untuk mengawal selia aktiviti Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga sebagai perantara di antara sektor swasta dan Kementerian Sumber Manusia. Pada umumnya Akta PSMB 2000 dibahagikan kepada lapan bahagian yang mengandungi 63 fasal. Daripada 8 bahagian tersebut, dua bahagian merupakan bahagian baru iaitu Bahagian V dan Bahagian VIII. Bagi bahagian-bahagian lain, kebanyakan peruntukan dalam Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 adalah dikekalkan manakala fasal-fasal baru adalah untuk menyokong pengkorporatan MPSM.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan bahagian-bahagian di dalam Akta PSMB 2000 yang dicadangkan seperti berikut:

Bahagian I Akta PSMB 2000 mengandungi dua fasal. Fasal 1 ialah mengenai tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa manakala Fasal 2 memperuntukkan beberapa tafsiran baru.

Bahagian II pula mengandungi 10 fasal dan 7 fasal daripadanya adalah peruntukan baru. Di antara peruntukan-peruntukan baru yang penting ialah Fasal 3 yang menyatakan tentang penubuhan Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965 dan objektif Perbadanan.

Fasal 5 pula memberi beberapa kuasa baru sesuai dengan pengkorporatan MPSM iaitu dari Fasal 5 (g) hingga 5 (m). Antaranya ialah memberi pinjaman atau

bantuan kewangan kepada penyelia latihan dan persatuan majikan bagi tujuan pembangunan sumber manusia dan latihan semula pekerja-pekerja majikan.

Fasal 7 menyatakan pertambahan jumlah ahli Lembaga daripada 16 kepada 19 orang. Penambahan bilangan ahli Lembaga ini membolehkan wakil dari Kementerian Kewangan, wakil dari Kementerian Sumber Manusia dan Ketua Eksekutif Perbadanan dilantik sebagai ahli Lembaga bagi memantapkan ketelusan PSMB.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi 9 fasal dan dan 3 daripadanya ialah fasal baru. Jumlah denda yang diperuntukkan oleh Fasal 13 (2) dan Fasal 14 (3) iaitu kesalahan kerana gagal untuk mendaftar dan membayar levi dalam tempoh yang ditetapkan telah ditingkatkan. Peningkatan denda ini bertujuan sebagai *deterrent*, dengan izin, agar majikan tidak mengambil mudah tentang pendaftaran dan pembayaran levi.

Fasal 15 (1) memperuntukkan majikan yang terlibat dalam sektor perkilangan mempunyai bilangan pekerja 10 hingga 49 orang dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta boleh memilih untuk mendaftar dengan Majlis.

Fasal 15(2) memperuntukkan kadar levi yang dikenakan kepada majikan yang mendaftar di bawah Fasal 15 (1) ialah hanya 0.5%. Insentif ini bertujuan untuk menarik minat majikan golongan ini untuk mendaftar dengan Perbadanan.

Fasal 15 (4) menyatakan jika jumlah pekerjanya meningkat sehingga 50 orang, kadar levi akan dinaikkan kepada 1% dan Fasal 15(5) menyatakan kadar levi ini akan kekal sehingga hujung tahun semasa walaupun jumlah pekerja menurun semula kepada kurang daripada 50 orang. Namun begitu, Fasal 15 (6) memperuntukkan jika selepas tahun semasa jumlah pekerja masih lagi kurang daripada 50 orang, kadar levi yang perlu dibayar ialah 0.5%. Ini bertujuan untuk memberi keadilan kepada majikan golongan ini.

Fasal 14 (16) memperuntukkan seorang majikan yang berdaftar dengan Perbadanan tidak boleh dibatalkan pendaftarannya. Namun begitu, jika bilangan pekerja majikan kurang daripada 10 orang untuk tempoh tiga bulan berturut-turut, majikan boleh memohon kepada Perbadanan agar pendaftarannya dibatalkan.

Sekiranya bilangan pekerja majikan telah meningkat kepada 10 orang, Fasal 17(1) membolehkan majikan berkenaan memohon didaftarkan semula supaya ia dapat menikmati baki levi yang sedia ada sebagaimana sebelum pendaftaran dengan syarat dia mendaftar semula dalam tempoh dua tahun dari tarikh pembatalan pendaftarannya.

Fasal 18 (4) pula membolehkan ahli Lembaga Perbadanan mengetepikan pembayaran faedah yang ditunggakkan levi dalam keadaan majikan menghadapi masalah kewangan yang tenat.

Fasal 22 membolehkan syarikat yang belum mendaftar dengan PSMB kerana belum memulakan operasi, menerima bantuan kewangan dengan menggunakan levi syarikat induknya atau *parent company*, dengan izin, yang mana telah mendaftar dengan PSMB bagi tujuan melatih pekerjanya. Dengan cara ini pekerja syarikat *subsidiary* tersebut boleh melaksanakan tugasnya segera apabila majikan memulakan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengandungi 6 fasal dan hanya satu fasal baru. Fasal 25 membolehkan ahli Lembaga melupuskan apa-apa levi sekiranya majikan tidak menggunakan levi tersebut dalam satu tempoh yang akan ditentukan oleh ahli Lembaga.

Bahagian V adalah bahagian baru yang mengandungi 11 fasal baru dan satu fasal sedia ada. Di antara fasal-fasal baru yang paling penting ialah Fasal 28 yang memperuntukkan pelantikan pegawai diberi kuasa yang mana salah seorang daripada mereka akan dilantik sebagai Pegawai Penjaga. Pegawai Penjaga ini akan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penyiasatan dan penguatkuasaan di atas perlakuan

kesalahan di bawah Akta PSMB 2000 seperti mana yang diperuntukkan di bawah Fasal 29.

Fasal 36 membolehkan pegawai yang diberi kuasa dengan kebenaran secara bertulis daripada Menteri menggeledah dan menyita sama ada dengan waran atau tanpa waran sesuatu tempat kerja ketika menjalankan siasatan bagi memperoleh apa-apa bahan bukti perlakuan kesalahan di bawah Akta PSMB 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI mengandungi 8 fasal dan lima daripadanya adalah baru. Antara fasal yang penting ialah Fasal 40 di mana sesiapa yang membuat kenyataan tidak betul atau gagal untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh Perbadanan adalah melakukan kesalahan. Ini bertujuan memastikan bahawa maklumat yang diperolehi oleh Perbadanan atau badan kawal selia adalah tepat dan terkini.

Bahagian VII mengandungi 5 fasal dan satu daripadanya adalah fasal baru. Fasal 52 membolehkan Perbadanan memperoleh apa-apa maklumat daripada pihak berkuasa awam atau badan berkanun mengenai seseorang majikan supaya Perbadanan memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan tersebut dengan cepat dan tepat.

Bahagian VIII mengandungi 10 fasal dan kesemua fasal-fasal di bahagian ini adalah fasal baru. Fasal 53 memperuntukkan pemansuhan Akta PSM 1992 dan penguatkuasaan Akta PSMB 2000 pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Fasal-fasal 54, 55, 56, 57, 58 dan 59 memperuntukkan penerusan tindakan undang-undang di bawah Akta PSM 1992 iaitu perpindahan hak, liabiliti, harta, kontrak dan penerusan tindakan undang-undang dipindahkan kepada Perbadanan sebagai badan yang mengambil alih tanggungjawab MPSM.

Fasal 60, 61 dan 62 memperuntukkan pemindahan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dari MPSM kepada Perbadanan ini sebagai pemegang amanah yang baru, tawaran kepada pegawai dan kakitangan pendaftaran majikan yang telah berdaftar dengan MPSM kepada Perbadanan.

Fasal 63 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat apa-apa perintah ubahsuai dalam peruntukan Akta PSMB 2000 untuk menghalang anomali bagi memastikan proses pengkorporatan MPSM berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun MPSM dikorporatkan melalui Akta PSMB 2000, dasar kerajaan iaitu menggalakkan latihan semula dan mempertingkatkan kemahiran pekerja-pekerja di sektor swasta akan terus dipertingkatkan lagi. Semua pekerja tetap MPSM akan diberi tawaran untuk berkhidmat dengan PSMB yang berkuat kuasa daripada tarikh MPSM dikorporatkan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan tidak kurang baik daripada yang dinikmati oleh mereka sekarang. Bagi pekerja yang menolak tawaran untuk berkhidmat dengan perkhidmatan PSMB mereka akan ditamatkan perkhidmatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen (Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan).

Akhir sekali, melalui pengkorporatan MPSM boleh meningkatkan keupayaan melaksanakan aktivitinya secara *private sector driven* supaya ianya lebih *responsive* bagi menghadapi apa jua cabaran dasar ekonomi terbuka dan juga k-ekonomi. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokongan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan satu peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud penggalakan latihan pekerja, penubuhan

dan pentadbiran kumpulan wang oleh Perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Gaya.

12.41 tgh.

Datuk Yong Teck Lee [Gaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 ini memang merupakan satu langkah yang positif dan juga progresif dalam perkara pembangunan sumber manusia untuk negara kita. Maka oleh sebab itu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian, kepada Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kementerian kepada beberapa perkara dalam Rang undang-undang yang mulai dengan tafsiran 'majikan', di mana orang yang bertanggungjawab di bawah seksyen 13 sekiranya ada melanggar undang-undang ini ialah majikan iaitu orang yang telah membuat sesuatu kontrak perkhidmatan untuk mengambil kerja mana-mana orang. Adakah majikan ini merupakan Ketua Eksekutif Syarikat ataupun ia Pengerusi Lembaga Pengurusan ataupun ahli-ahli lembaga yang lain yang mempunyai, dengan izin, *criminal liability* ataupun ia hanya merupakan pengurus di peringkat kilang ataupun tempat kerja sahaja, iaitu Ketua Eksekutifkah di peringkat Lembaga Pengurusan ataupun orang bawahan. Bolehkah Menteri memberi sedikit penjelasan mengikut pengalaman daripada penguatkuasaan Akta 1992, akta lama itu supaya kita dapat tahu di Parlimen ini sama ada penguatkuasaan sebelum ini mengikut akta lama itu adakah berkesan ataupun tidak.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di seksyen 53 saya rasa satu perkara yang amat tepat iaitu pemansuhan majlis pembangunan sumber manusia

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Datuk Yong Teck Lee: Saya cukup masa atau tidak kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak beri, berilah. Sila, Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Pegawai yang bertanggungjawab, setujukah Yang Berhormat bagi Gaya kalau kita mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan iaitu pegawai yang bertanggungjawab kita daftarkan dengan badan ini supaya Managing Director dia ataupun executive chairman dihukum dengan sewenang-wenangnya oleh kerana kadang-kadang chief executive officer ataupun executive chairman orang yang berkedudukan tinggi dan mungkin memalukan mereka kalaulah anak buah mereka nanti diheret ke mahkamah kerana pegawai human resource itu lalai. Macam mana dengan pandangan Yang Berhormat bagi Gaya?

Datuk Yong Teck Lee: Saya rasa maksud kita lebih kurang di mana pada masa yang kita mahu majikan itu bertanggungjawab, kita juga tidak mahu pihak atasan, ketua eksekutif misalnya tidak mempedulikan undang-undang baru ini dan pengurus di peringkat kilang ataupun pengurus peringkat rendah ini menjadi *scape goat*, dengan izin. Pada masa yang sama kita juga tahu kalau syarikat itu besar tidak mungkin juga Pengerusi ataupun Ketua Eksekutif tahu semua yang berlaku, berapa masalah di peringkat cawangan ataupun syarikat *subsidiary* itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Seksyen 53 di mana majlis pembangunan sumber manusia itu yang sedia ada itu hendaklah terhenti wujud, saya rasa ini adalah tepat kerana keahlian Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang ada di bawah akta lama itu adalah *dominated* oleh pihak majikan dan bakinya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan dua orang bebas. Saya ingin merujuk kepada Laporan Tahunan 1999 Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang diberikan kepada kita semua di mana keahlian Majlis ini tidak menyebut wakil-wakil majikan ini sama ada dia mewakili kesatuan majikan, sama ada dia mewakili sektor industri perkilangan ataupun *service industry* dan lain-lain. Dia tidak sebut, dia cuma sebut wakil majikan dan tidak menyebut daripada

negeri mana dia berasal sama ada daripada Sabah, Sarawak ataupun lain-lain sektor industri.

Saya membandingkan ini dengan Laporan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga tahun lalu di mana ahli-ahli lembaganya cukup jelas, EPF punya lembaga pengurusan dia ada menyebut tentang wakil-wakil jabatan kerajaan, wakil kerajaan negeri, wakil kerajaan Sarawak dan wakil-wakil daripada kesatuan pekerja-pekerja bank Sarawak, kesatuan pekerja-pekerja perdagangan Sabah, wakil MTUC, wakil CUEPACS, dia ada sebut. Tidak semestinya ini menjadi kuota yang terlalu *rigid*lah tetapi sekurang-kurangnya ada menyebut di sana sama ada dia wakil syarikat, dia wakil sektor ataupun dia wakil kesatuan majikan. Ini saya harap Menteri boleh menjawab ataupun di lain hari waktu dalam laporan lembaga Perbadanan akan datang ini boleh disebut kedudukan wakil-wakil majikan.

Maka saya juga mencadangkan Lembaga Pengarah Perbadanan yang bakal dilantik itu mengikut seksyen 7(2), dua orang itu iaitu dua bebas terdiri daripada wakil pekerja. Majlis yang sebelum ini semua pihak swasta ini terdiri daripada majikan, tidak ada wakil daripada pekerja. Saya mencadangkan dua orang bebas ini, satu daripada wakil pekerja dan satu lagi daripada wakil akademik. Daripada sepuluh wakil majikan itu dibawah Seksyen 7(1) saya juga mencadangkan supaya daripada sepuluh ini daripada wakil majikan dua daripada Sabah dilantik daripada kesatuan majikan, misalnya di Sabah ada Federation of Sabah Manufacturers, itu bagi sektor perkilangan dan Sabah International Hotel Association bagi sektor perhotelan.

Kalau saya membaca Laporan Tahunan Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang lalu dia tidak sebut daripada mana negeri dan tidak sebut daripada mana satu sektor. Maka saya mencadangkan dua daripada Sabah dan kesatuan majikan di Sabah dan juga dua daripada Sarawak yang serupa. Kalau tidak dikhaskan bagi Sabah dan Sarawak saya bimbang di mana Lembaga Pengarah Perbadanan akan datang juga serupa dengan majlis yang sebelum ini di mana semua ahli-ahli majlis itu terdiri daripada wakil-wakil persatuan di peringkat nasional, namanya nasional, tetapi memang orang yang berasal dan bekerja di Semenanjung Malaysia.

Cuba kita bayangkan juga laporan tahunan yang tersebut, Jadual 3. Saya berikan contoh, Jadual 3 di muka 15, bilangan majikan di sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan mengikut negeri sehingga tahun lalu. Bagi Sabah bagi sektor perkilangan 3.32%, bagi Sabah sektor perkhidmatan 5.77%, begitu rendah dia punya peratus.

Seterusnya Jadual 9 di muka 22 juga laporan yang serupa, tempat latihan (*training places*), tempat latihan yang diberikan kepada Sabah cuma 0.88% dan bantuan kewangan yang diluluskan bagi Sabah hanya 0.93% tidak sampai pun 1%. Not up to 1% of the allocation of places and allocation of fund oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia, dengan izin. Apakah sebabnya penglibatan daripada negeri ini begitu rendah, sama ada orang sana tidak berminat, sama ada dalam Majlis itu tidak ada wakil, tidak ada suara. Masalah di sana itu tidak dibawa ke dalam Majlis, itu saya rasa kurang pasti. Cuma saya mencadangkan satu *conscious effort*, dengan izin diambil supaya penglibatan wakil-wakil daripada negeri-negeri Sabah dan Sarawak dapat dibuat dan kemajuan pembangunan sumber manusia ini dapat diperseimbangkan di peringkat negara.

Seterusnya perkara yang terakhir ialah mengenai manusia kerana Rang Undang-undang ini adalah mengenai sumber manusia. Jadi kita jangan lupa faktor manusia yang kita bertujuan untuk membangun iaitu pekerja. Saya ingin menarik perhatian mengenai masalah buruh dan produktiviti. Sekiranya kita masih bergantung kepada gaji rendah, dengan izin, *it will become too dependent on a low wages regime* kerana rejim gaji rendah ini membawa akibat seperti kadar kemiskinan yang tinggi, kebanjiran pekerja asing termasuk pendatang tanpa izin, terlalu bergantung kepada buruh asing dan kualiti hidup yang rendah. Maka saya mencadangkan supaya kementerian dan Lembaga Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan datang mempertimbangkan satu dasar sara hidup ataupun *living wage policy*, dahulu

digunakan sebagai *minimum rate* tetapi sekarang digunakan di dunia ini sebagai *living wage policy* iaitu seorang yang telah bekerja sepenuh masa seharusnya memperoleh pendapatan yang mencukupi, dengan izin dalam bahasa Inggeris, *living wage means that a person working full time should earn an income not less than the poverty income's line*, dengan izin.

Dengan lain pengertian kita meminta masyarakat untuk memastikan orang-orang yang bekerja keras perlu mendapat hasil yang setimpal dan mempunyai kuasa membeli yang mencukupi untuk membiayai sara hidupnya dan keluarganya. Keperluan asas ini diukur pada paras kemiskinan. Keluarga adalah unit asas di dalam masyarakat, maka masyarakat hendaklah menubuhkan satu mekanisme bagi memastikan unit keluarga ini mendapat perhatian yang sewajarnya. Dan ini hanya akan berlaku sekiranya keluarga tersebut mendapat pendapatan yang cukup untuk menikmati hidup yang selesa.

Sebaliknya, pendapatan yang tidak munasabah dan tidak menentu akan menyebabkan kesan yang buruk seperti buruh asing yang murah sama ada sah ataupun yang tidak sah. Peluang pekerjaan baru diambil oleh pekerja asing. Perniagaan tidak mendapat insentif untuk meningkatkan produktiviti. Merosot produktiviti bermakna juga kurangnya pendapatan. Pekerja tempatan yang bekerja bersama-sama dengan pekerja asing akan dianggap sebagai pekerja asing.

Maka saya rasa kita mesti mencari jalan untuk memecahkan jalinan, *to break the cycle of low wages regime, low productivity and over dependence on foreign workers*. Saya rasa kita mesti mencari jalan untuk memecahkan jalinan tersebut demi kepentingan negara dan masyarakat kita. Walaupun pada masa kini pihak majikan mungkin tidak begitu sympathetic dalam cadangan sara hidup ataupun *living wage*, saya rasa kalau pihak majikan dapat lihat bahawa *minimum wage* ataupun *living wage* ini adalah berfaedah untuk masyarakat dan negara keseluruhannya, pihak majikan satu hari akan datang akan menjadi lebih sympathetic dan menerima prinsip dasar sara hidup ataupun *living wage*.

Dengan itu dan dengan harapan yang penuh saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

12.52 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman ataupun kenyataan yang dibuat oleh Menteri tadi iaitu budaya latihan kepada pekerja agak tinggi di Malaysia. Saya agak ragu kenyataan ini melainkan pihak Menteri dapat mengemukakan fakta-fakta angka-angka yang lebih meyakinkan. Sebab kita lihat latihan kepada pekerja iaitu pekerja, katalah dia masuk sebagai buruh ataupun di peringkat operator dan setelah bekerja 15 tahun, 20 tahun boleh sampai ke peringkat pengurusan adalah terlalu kurang, *in-house training* adalah kurang. Walau bagaimanapun, pihak Menteri boleh mengemukakan angka-angka, boleh meyakinkan Dewan ini.

Kalau kita lihat sekarang ini tanda-tanda zahir yang kita lihat bahawa latihan kepada pekerja-pekerja di sini untuk menjadi di peringkat pengurusan ataupun eksekutif kurang kita boleh nampak bertambahnya perkampungan Jepun di Malaysia. Artinya mereka yang datang ini yang bekerja sebagai eksekutif. Perkampungan mereka semakin membesar dekat dengan Subang Airport di Glenmarie dan mereka ini adalah di peringkat eksekutif, di peringkat pengurusan. Maka sudah tentulah mereka yang di peringkat eksekutif ini dibawa khas daripada Jepun untuk mengendalikan kilang-kilang ataupun perusahaan-perusahaan mereka tanpa mereka menyediakan latihan yang cukup untuk anak tempatan mengambil alih.

Saya sebut sebelum ini dalam perbincangan belanjawan di peringkat Jawatan-kuasa baru-baru ini. Walaupun begitu ada sedikit perubahan, kita lihat sekarang ini

ada meningkat di mana pekerja-pekerja di sini di bawa ke Jepun untuk membuat latihan sampai ke peringkat supervisor untuk bertugas di peringkat pengurusan di sini.

Begitulah juga majikan-majikan daripada British, saya nampak dua ini tetapi majikan-majikan lain amat kurang termasuk majikan-majikan daripada Singapura dan Taiwan. Pada penglihatan saya secara rambang, saya lihat majikan-majikan di Singapura, Taiwan amat kurang ataupun agak kurang memberi latihan kepada pekerja-pekerja untuk mereka meningkat sampai ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-Undang ini dibentangkan ialah untuk mengkorporatkan Human Resources Training Centre yang disebut sebagai hendak dijadikan satu badan Sendirian Berhad untuk mengendalikan training. Badan ini saya diberitahu bahawa sebelum mereka memulakan tugas wang terkumpul sudah lebih daripada RM200 juta sudah ada di tangan badan ini. Ini bererti selama ini lebih sembilan tahun atau beberapa tahun kebelakangan ini potongan daripada 1% daripada *pay rolls* tiap-tiap bulan untuk pusat latihan tabung ini tidak digunakan. Ertinya tabung ini hanya mengumpul, tidak membuat latihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat boleh sambung petang. Sudah pukul 1.00.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, wang yang terkumpul sekarang lebih daripada RM200 juta. Oleh itu, badan ini memulakan tugas dengan wang yang begitu banyak. Ini bermakna bahawa badan ini di bawah kerajaan selama ini gagal menjalankan usaha-usaha untuk melatih pekerja sehingga wang terkumpul lebih daripada RM200 juta. Kalau badan ini menjalankan tugas sudah tentu wang ini tak cukup ataupun terpaksa memohon lebih, tetapi terkumpul sehingga RM200 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia yang dikorporatkan ini, pusat latihan kepada pekerja-pekerja ini, komposisi jawatankuasa lembaga sekarang ini kita lihat ada 10 orang wakil majikan; tiga daripada agensi kerajaan; seorang wakil daripada Kementerian Sumber Manusia; seorang wakil Kementerian Kewangan; seorang daripada ketua eksekutif. Maka di sini, ada lagi di situ iaitu dalam rang undang-undang itu menteri berhak melantik mana-mana dua orang untuk duduk dalam lembaga tersebut. Saya cadangkan di sini dua orang tersebut disebut secara hitam-putih ialah wakil pekerja, wakil yang dipilih oleh kesatuan sekerja. Sebab, kalau tidak disebut di situ menteri boleh lantik siapa sahaja. Tetapi eloklah pada pandangan pekerja sendiri yang saya temui mereka mahu supaya dalam lembaga itu dua orang itu adalah daripada kesatuan sekerja yang diiktiraf. Macam di sini ialah wakil daripada MTUC untuk duduk dalam lembaga itu.

Tujuan lembaga ini ialah untuk memberi latihan kepada para pekerja supaya mereka lebih mahir terutama sekali untuk membangunkan negara dan juga kenaikan pangkat kepada diri mereka sendiri. Kita lihat di sini bahawa dalam rang undang-undang ini juga pihak lembaga boleh menentukan sebahagian daripadanya untuk melabur. Inilah yang sedikit membimbangkan saya iaitu wang yang lebih daripada

RM200 juta ini nantinya tidak menjadi satu modal mula untuk mereka bekerja untuk melatih para pekerja, tetapi mungkin kerana ada dalam rang undang-undang ini mereka boleh melabur, maka tujuan pelaburan itu menjadi tujuan utama nanti. Sebab itu, kita hendaklah berhati-hati dalam memberi kebenaran kepada lembaga ini untuk menentukan sebahagian amaunnya untuk melabur supaya cita-cita rang undang-undang ini untuk mewujudkan satu badan yang dikorporatkan untuk melatih pekerja-pekerja tetapi akhirnya ia menjadi satu badan pelaburan iaitu yang menumpukan dalam bidang perniagaan, sebab dalam rang undang-undang ini membenarkan wang itu untuk dilabur.

Sepatutnya wang RM200 juta ini dibelanjakan dengan begitu baik di peringkat permulaannya dan kutipan daripada syarikat-syarikat, kilang-kilang, maka wang ini akan bertambah dan wang ini sepatutnya dibelanjakan dengan agak cepat dan wang ini tidaklah kita lihat setiap tahun tabungnya meningkat. Sepatutnya dibelanjakan untuk melatih para pekerja. Kalau wangnya banyak, dalam tabung RM200 juta permulaannya cukup banyak, kalau sebahagiannya dibuat untuk pelaburan, maka kita tidak mahu lembaga ini akan menjadikan badan ini satu badan perniagaan, bukan satu badan yang utamanya ialah untuk melatih pekerja. Sebab kita lihat Fasal 22 begitu jelas iaitu "mengadakan peruntukan bagi penubuhan kumpulan wang ini, di antaranya ialah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan panel pelaburan dan kuasa panel pelaburan untuk melaburkan wang kepada kumpulan wang. Ini kita peringatkan supaya tujuan asal rang undang-undang ini untuk melatih pekerja itu dipastikan ianya berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini MTUC mengadakan piket di depan Pejabat Kementerian Sumber Manusia kerana kita tahu bahawa di Malaysia sekarang ini mogok tidak lagi menjadi popular kepada kesatuan sekerja. Mereka pilih untuk jalan perundingan dan kalau buntu perundingan, pergi ke Mahkamah Perusahaan. Jadi, ini yang kita lihat seruan Perdana Menteri supaya kesatuan sekerja tidak menjadikan mogok sebagai senjata mereka. Tetapi kita lihat di atas kelembutan pekerja ini menyebabkan Mahkamah Perusahaan begitu lambat menyelesaikan suatu kes sampai kadang-kadang ada hakim yang bersara lebih daripada enam bulan baru diisi, 5,000 kes tertangguh sekarang ini. Kita tahu para pekerja bila kes mereka dibawa ke mahkamah maka mereka digantung pekerjaan mereka dan mereka dibayar separuh gaji ataupun tak dibayar gaji sehingga menunggu keputusan, maka mereka menghadapi penderitaan fizikal diri dan keluarga begitu teruk sekali.

Lima ribu kes tertangguh di antara puncanya kerana hakim Mahkamah Persekutuan begitu lambat diganti sehingga sampai enam bulan bersara baru diganti. Maka baru-baru ini 800 orang lebih kakitangan MTUC mengadakan piket di depan pejabat kementerian dan kita harap pihak kementerian mengambil serius perkara ini kerana pekerja telah berkorban iaitu tidak mogok dan sebagainya dan pihak kerajaan pula hendaklah cepat di sudut menyediakan facilities tuntutan-tuntutan mereka termasuklah di Mahkamah Perusahaan dan juga apa-apa badan yang lain yang bersangkutan-paut untuk menyelesaikan masalah pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan lebih ramai antara Yang Berhormat dapat berucap, saya ingin mengehadkan masa, dan setelah mengikuti ucapan daripada Yang Berhormat bagi Gaya dan Kuala Kedah, saya rasa masa dihadkan selama 15 minit bagi setiap ahli berucap adalah munasabah. Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sila.

2.41 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyiapkan ucapan setengah jam, bagaimanapun terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua, seorang penganalisis ekonomi Amerika Syarikat bernama Robert Carry Junior menulis dalam *Journal of Diplomacy and Foreign*

Relations Malaysia pada Jun 2000 bahawa salah satu faktor penting yang membolehkan negara-negara Asia Tenggara memulihkan ekonominya ialah pembangunan sumber manusia. Menurut penganalisis tersebut faktor sumber manusia telah menarik perhatian pasukan petugas khas pembangunan sumber manusia yang diwujudkan oleh APEC. Sebab itulah dalam satu seminar di Jakarta pada bulan April 1998 dan dalam satu simposium di Taiwan pada bulan Jun 1998 pasukan petugas khas tersebut telah mengakui bahawa dengan izin, *"high quality work forces and strong social network must be in place if economist are to be competitive in regional and global market."*

Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, "sesuatu negara mesti mempunyai tenaga kerja yang bermutu tinggi dan rangkaian sosial yang kukuh jika ekonomi negara-negara berkenaan mahu menjadi kompetitif di peringkat wilayah ataupun global". Pasukan petugas khas itu kemudiannya merumuskan bahawa *"government vision makers should not ignore the fact that human resource bases are key to sustainable recovery and long term growth."*

Berdasarkan rumusan seperti di atas, saya berpendapat usaha kerajaan membentangkan rang undang-undang ini memang tepat pada masanya kerana human resource bases, dengan izin, merupakan platform struktur yang penting yang membolehkan negara-negara Asia Tenggara termasuklah Malaysia memulihkan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini izinkan saya mengimbas kembali teras Dasar Sumber Manusia yang terkandung dalam Kajian Separuh Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam bulan April 1999. Dokumen tersebut menggariskan bahawa penyesuaian pasaran buruh yang berkesan dan pelaburan tenaga manusia yang lebih besar diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti tenaga kerja negara. Bagi menyokong matlamat tersebut beberapa teras dasar strategik untuk pembangunan sumber manusia telah pun digubal. Di antaranya ialah memperbaiki akses kepada pendidikan dan latihan serta mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Sehingga ke hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan usaha melatih lulusan sekolah menengah ataupun sekolah menengah tinggi, menengah rendah supaya menjadi pekerja mahir dan separuh mahir negara ini masih dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif, pihak swasta kelihatannya masih belum cergas penyertaannya di dalam sektor latihan ini. Contohnya, pada tahun ini institusi latihan awam dijangka mengeluarkan 23,000 pekerja mahir atau separuh mahir, tetapi institusi latihan swasta dijangka hanya mengeluarkan 12,770 orang sahaja. Mengapakah terjadi perkara sebegini. Adakah segala insentif yang disediakan oleh kerajaan tidak menarik ataupun mungkin terdapat kerenah-kerenah birokrasi di mana-mana agensi kerajaan yang menyebabkan pihak swasta merasa tidak tertarik ke arah latihan yang dimaksudkan. Oleh itu, saya harap supaya pihak kerajaan mengkaji perkara ini secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4 rang undang-undang ini mengatakan bahawa fungsi perbadanan yang diwujudkan ialah -

- (a) menilai dan menentukan jenis dan takat latihan dan latihan semula pekerja selaras dengan keperluan sumber manusia bagi industri.

Dalam konteks ini, saya mahu mencadangkan kepada pihak kementerian supaya wang yang dikutip menerusi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia diizinkan untuk latihan-latihan menurut cara baru. Cara baru yang saya maksudkan ialah latihan-latihan yang menerusi cara virtual, internet base ataupun semi virtual ataupun latihan secara on-line yang boleh dilaksanakan bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan profesion kolar putih seperti kursus-kursus dalam bidang perakaunan, dalam bidang pemasaran, dalam bidang pengurusan perniagaan dan sebagainya. Pada waktu yang sama, saya juga mencadangkan supaya Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini diizinkan digunakan untuk menaja latihan-latihan teknikal dan

vokasional juga secara separa virtual atau separa on-line di mana-mana latihan-latihan teorinya boleh dilakukan secara virtual atau on-line tetapi latihan-latihan amalnya dilaksanakan di bengkel-bengkel ataupun di kolej-kolej dan pusat pengajian yang ditentukan.

Dalam hal ini, saya mencadangkan supaya pihak swasta digandingkan dengan pihak IPTA. IPTS membekalkan latihan secara teori dan IPTA membekalkan latihan secara amali. Latihan secara teori dilakukan secara on-line atau virtual, latihan amali dilakukan di pusat-pusat yang mempunyai workshop dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak ada masa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap sahaja. Yang Berhormat, saya hendak tanya sama ada sedarkah Yang Berhormat bahawa di setengah-setengah negara degree ataupun diploma dan sebagainya ditawarkan melalui Internet, kalau Yang Berhormat sedar bahawa Universiti Pheonix dan sebagainya boleh membuat pembelajaran melalui Internet. Sekian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sedar oleh kerana saya terlibat di dalam pewujudan satu universiti virtual yang pertama dalam negara iaitu UNITAR. Saya melawat beberapa universiti di luar negara yang menyediakan kursus pendidikan jarak jauh sama ada secara Internet base. Internet base ini baru setahun dua sahaja. Kalau dahulu ianya semi, iaitu separuh menggunakan Internet dan separuh menerusi pertemuan dalam bilik darjah. Saya amat sedar perkara ini dan ini amat sesuai untuk *life long learning process*. Terima kasih.

Jadi, dalam konteks cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan perkara ini harus diadakan smart alliance ataupun perkongsian bestari di antara pembekal pendidikan swasta dengan pembekal pendidikan teknikal dan vokasional dalam kerajaan. Umpamanya, saya katakan tadi pihak swasta IPTS membekalkan pendidikan secara teori, malahan sebaliknya pihak IPTA yang bekerjasama dengan IPTS tadi membekalkan pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat amali di sekolah-sekolah seperti yang wujud sekarang Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran MARA ataupun mana-mana institut yang dimiliki oleh kerajaan.

Saya yakin pendidikan secara ini akan mewujudkan lebih ramai tenaga mahir atau separuh mahir dalam jangka masa yang lebih pendek dan mungkin lebih fleksibel. Bermakna pekerja-pekerja yang hendak dilatih ataupun hendak menerusi latihan semula ataupun menerusi latihan awalan juga boleh melaksanakan perkara ini mungkin dalam satu duration yang panjang tetapi tidak sangat mengongkang pekerja-pekerja itu sehingga mereka tidak boleh menumpukan kepada pekerjaan ataupun kepada latihan itu sendiri.

Saya sangat yakin dengan cara ini. Tetapi perkara ini hanya boleh dijalankan sekiranya ada perubahan mindset di kalangan pelaksana-pelaksana dan pembikin-pembikin dasar sama ada pihak Perbadanan Sumber Manusia, sama ada mereka yang duduk di Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, sama ada pihak akreditasi, dia mesti melihat pendidikan on-line atau semi virtual ini satu realiti yang tidak boleh dielak, malah akan mempermudah kita dan juga membantu negara yang kekurangan tenaga kerja.

Saya membaca dua hari sudah dalam *The Straits Times* masih lagi timbul suara-suara yang cynical mengenai pendidikan on-line ataupun semi virtual. Ada juga para academician ataupun pendukung-pendukung teori akademik lama yang tidak mahu mengiktiraf atau mempersoalkan kewibawaan pendidikan on-line selama mana kita harus berpolemik. Kalau selama mana kita berpolemik, selama itu juga kita akan ketinggalan.

Di Singapura telah pun dilaksanakan pendidikan on-line secara agresif. Sehingga negara-negara yang agak ketinggalan di Vietnam dan sebagainya telah pun memulakan pendidikan on-line oleh kerana pendidikan on-line atau virtual ini pelaburannya tidak besar, tidak membabitkan pembinaan kampus yang fizikal dan sebagainya. Yang diperlukan adalah penyatuan resources dan juga ada satu syarikat yang boleh digitise education content dan hardware. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua..

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Tabung Latihan Kemahiran. Sehubungan dengan hal ini, saya ingin juga bertanya khabar dari pihak kementerian khususnya mengenai Tabung Latihan Kemahiran yang dijanjikan dana sebanyak RM500 juta apa telah jadi. Telah pun diumumkan lama tetapi kewujudannya belum kedengaran. Jadi, saya minta kerajaan janganlah kita lengah-lengahkan perkara untuk memperbaiki masa depan dan juga daya saing pekerja dalam negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan, saya tebuk-tebuk sahaja ucapan saya iaitu mengenai pekerja asing. Statistik negara pada tahun 1998 menunjukkan bahawa pada ketika itu Malaysia mempunyai seramai 806,700 orang pekerja asing berdaftar di negara ini. Ini tidak termasuk yang masuk secara haram ikut pangkalan di Parit Sulong dan sebagainya.

Majoriti mereka bekerja di sektor pembuatan, perladangan dan pembinaan. Dan sebilangan besar juga bekerja sebagai buruh tanpa kemahiran. Bagaimanapun dalam tempoh yang sama, terdapat juga 45,730 pegawai dagang yang terdiri dari jurutera, pengurus dan pengajar. Jumlah ini agak besar dengan kerancakan pembangunan syarikat-syarikat multimedia dan ICT sekarang tidak mungkin jumlah ini tidak menjadi lebih besar dari sehari ke sehari.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang ini apakah tindakan komprehensif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing dan pegawai dagang yang agak besar di negara ini. Berapa banyak pula pekerja asing yang tidak berdaftar di Malaysia sekarang. Pada waktu yang sama, berikutan kemunculan kampung global dan dunia tanpa sempadan, saya pasti akan lebih ramai lagi tenaga mahir di bidang multimedia dan ICT khususnya yang akan membanjiri negara ini tidak lama lagi.

Untuk mengatasi soal pergantungan kepada pekerja asing dan pegawai dagang, saya ingin mencadangkan beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) Sektor perindustrian dan pembuatan di Malaysia hendaklah menyegerakan proses automasinya. Untuk mencapai matlamat ini, mata pelajaran Computer Added Designing, Computer Added Manufacturing (CAM), Computer Added Engineering (CAE) di Institut Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia, perlu diperhebatkan dalam tempoh terdekat ini. Saya yakin proses automasi ini akan mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing khususnya di sektor pembuatan.
- (ii) Suri rumah dan para pelajar IPTS dan IPTA perlu diberi peluang menjalankan kerja-kerja part time seperti yang diamalkan oleh beberapa syarikat besar di Barat, umpamanya zaman saya belajar dahulu di London, waktu petang bagi pelajar-pelajar kita yang tidak cukup scholarship, kita masuklah Mark and Spencer, kita bekerja susun baju sana, kita dapat extra income untuk menampung kekurangan yang kita ada. Saya mahu perkara ini dilaksanakan di Malaysia. Suri rumah yang terlatih di bidang profesional dan celik komputer pula wajar digalakkan menjalankan kerja-kerja part time secara online.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa negara tidak mempunyai satu statistik jumlah wanita terpelajar yang

tidak lagi bekerja setelah berkahwin. Dalam negara ini saya yakin banyak, ada yang kelulusan first degree, ada yang kelulusan masters, dia orang profesional tetapi demi keluarga dia tinggalkan dia punya profesion. Orang-orang ini adalah a wasted asset kepada negara.

Jadi, dengan adanya sekarang ini kemudahan online services, saya minta supaya suri rumah yang sebegini diberi peluang untuk menjalankan kerja-kerja secara part time menyumbang kepada negara menerusi perkhidmatan-perkhidmatan online. Saya pasti usaha sebegini boleh mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing di sektor perkhidmatan.

- (iii) Had umur persaraan di sektor-sektor kritikal di perkhidmatan awam seperti sektor perubatan dan kejuruteraan hendaklah dikaji semula. Kumpulan pakar seperti ini hendaklah dipertimbangkan untuk menjalankan kerja-kerja part time di sektor awam. Cara ini saya pasti boleh mengurangkan pergantungan kepada sumber asing di sektor-sektor yang berkenaan tadi; dan akhir sekali
- (iv) Pada waktu yang sama kumpulan pakar dari sektor swasta di negara ini hendaklah dibenarkan menjalankan kerja-kerja part time di sektor awam. Contohnya, kumpulan-kumpulan pakar dan profesional tertentu seperti dalam bidang ICT dan sebagainya, sewajarnya diizinkan menjadi tutor atau pensyarah sambil di institusi pengajian tinggi awam.

Di samping menggalakkan suntikan pengalaman, saya berpendapat bahawa cadangan ini boleh mengurangkan pergantungan sumber asing di sektor pendidikan dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Lembaga Akreditasi Negara (LAN) umpamanya untuk bidang kursus Sarjana iaitu Masters Programme ataupun Ph.D, ia memerlukan bahawa universiti itu sendiri mempunyai orang yang berkelulusan masters dengan lima tahun pengalaman atau Ph.D dengan tiga tahun pengalaman, sedangkan bidang ICT itu sendiri bidang yang baru, bidang yang muda, mustahil kita akan mempunyai pensyarah-pensyarah begitu ramai untuk mewujudkan kursus Masters programme, Ph.D programme di bidang ICT kalau tidak boleh memenuhi keperluan LAN.

Jadi, harus diwujudkan satu fleksibiliti dalam hal ini supaya negara boleh membina tenaga dan sumber manusianya selaras dengan kehendak industri, kalau tidak, kalau kita hanya menunggu bila dapat ramai bilangan mereka berkelulusan Masters dan Ph.D dalam bidang ICT baru institusi-institusi pengajian diizinkan mewujudkan program Masters dan Ph.D di bidang ICT, kita akan ketinggalan zaman.

Saya berhadapan dengan soalan ini oleh kerana saya terlibat dengan Universiti Tun Abdul Razak, contohnya UNITAR. UNITAR hendak mewujudkan Masters programme di bidang Communication dan Information Technology dan juga Ph.D di bidang yang sama. Tetapi syarat LAN dia kata harus mesti mempunyai pensyarah yang lima tahun berpengalaman dalam bidang ini. Mana kita hendak cari, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma sebagai menggulung, inilah satu dilema yang kita hadapi untuk kita memajukan sumber manusia negara. Saya minta mesti ada satu perubahan minda (mindset) supaya training latihan teknikal, vokasional ataupun dalam teknologi-teknologi baru kita

menyediakan latihan ini dengan satu perspektif membina bukan hanya untuk menghalang pembinaan sumber manusia. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

3.00 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 pada petang ini.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana mengambil inisiatif untuk membentangkan rang undang-undang ini agar dapat mengkorporatkan MPSM dengan mewujudkan syarikat terhad mengikut jaminan company limited by guarantee bagi memenuhi permintaan dan keperluan majikan berdaftar yang meningkat dengan pesat, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, latihan perlu menjadi private sector driven dalam abad yang ke-21 ini.

Keupayaan sesebuah negara untuk bersaing di pasaran antarabangsa banyak bergantung kepada faktor tenaga sumber manusia negara masing-masing. Oleh itu, adalah amat penting penekanan perlu diberi kepada pembangunan sumber manusia negara dan cara-cara untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja kita agar semua ini dapat dibangunkan sepenuhnya dan menjadikan negara kita lebih kompetitif di pasaran antarabangsa.

Untuk mencapai matlamat ini, keberkesanan dan kecekapan kita untuk melatih dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja kita menjadi amat kritikal bagi pembangunan industri dan peningkatan ekonomi negara. Oleh itu, kita boleh lihat kerajaan telah memberi penekanan dan keutamaan dalam meningkatkan kadar pembangunan sumber manusia kita melalui pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran.

Saya menyokong penuh pembentangan rang undang-undang ini kerana ia jelas menunjukkan satu lagi usaha kerajaan yang konsisten dan komited dalam program pembangunan sumber manusia. Melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, kerajaan telah berjaya melatih ramai pekerja mahir dan melengkapkan pekerja dengan pengetahuan dan kemahiran terkini.

Memandangkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia sekarang perlu menjadi pemangkin dan penggerak kepada pembangunan sumber manusia serta kemahiran pekerja negara, saya bersetuju dan berharap keberkesanan dan efficiency Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini dapat terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya ingin mencadangkan dalam Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, bantuan kewangan hanya boleh diberikan kepada majikan-majikan yang berdaftar dan telah mencarum levi kepada KWPSM untuk tempoh tidak kurang dari enam bulan dan dalam akta yang baru ini Fasal 21 berbunyi, tertakluk kepada Seksyen 19, mana-mana majikan yang telah didaftarkan dan membayar levi hendaklah layak menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang diberikan di bawah akta ini bagi maksud menggalakkan latihan pekerjaanya.

Saya ingin mengetahui sama ada fasal ini bermakna majikan yang berdaftar dapat terus menikmati bantuan kewangan dengan segera daripada MPSM tanpa menunggu tempoh enam bulan. Saya rasa untuk menggalak majikan-majikan melatih pekerja-pekerjanya, kerajaan boleh memberi kelonggaran agar mereka dapat terus melatih pekerjaanya tanpa menunggu tempoh enam bulan seperti yang dicadangkan.

Sekiranya kita tidak berbuat demikian, saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan saya agar majikan diberi kelulusan menikmati bantuan kewangan dengan segera selepas didaftarkan dengan PSM sebagai galakan untuk mereka meningkatkan kadar latihan pekerja yang sedia ada.

Dalam Fasal 22 memberikan bantuan kewangan kepada anak syarikatnya yang belum beroperasi dan menggunakan levi syarikat induknya yang berdaftar. Saya sangat mengalu-alukan fasal ini kerana ini boleh memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat baru untuk melatih.

Satu lagi perkara yang penting iaitu penyelia latihan syarikat-syarikat yang memberi latihan adakah kerajaan ataupun MPSM dapat memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menyediakan tempat latihan yang lebih canggih. Satu skim pinjaman mudah peningkatan kualiti pusat-pusat latihan perlu diadakan untuk membantu pusat-pusat penyedia latihan kerana ini akhirnya akan mendatangkan kebaikan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu objektif MPSM adalah untuk mewujudkan budaya latihan di kalangan majikan, oleh itu saya menyeru perbadanan ini dapat menganjurkan lebih banyak seminar dan skim penggalakan latihan agar lebih banyak majikan bersedia menghantar pekerja-pekerjanya berlatih. Selain daripada menegaskan tanggungjawab utama mempertingkatkan kemahiran terletak kepada majikan, saya rasa usaha itu akan hanya berkesan sekiranya pekerja-pekerjanya sendiri mengambil berat dan bekerjasama dengan pengurusan dalam merumuskan program-program latihan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kesatuan sekerja perlu mempergiatkan aktiviti meningkatkan kesedaran pekerja tentang pentingnya latihan semula semasa dalam pekerjaan. Saya juga setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Gaya tadi bahawa pihak pekerja juga perlu dilantik di dalam ahli jawatankuasa MPSM agar suara-suara pihak kesatuan dapat didengar.

Saya juga ingin mencadangkan agar kesatuan sekerja dapat menetapkan kadar dan bilangan pekerja-pekerjanya yang perlu menjalani latihan pada setiap tahun dan dengan ini dimasukkan ke dalam perjanjian bersama mereka iaitu dalam collective agreement mereka agar dengan adanya ini sebagai satu insentif kepada pekerja-pekerja kerana apabila program-program latihan ini dimasukkan ke dalam collective agreement, dimasukkan dalam perjanjian bersama maka ia telah menjadi satu kewajipan untuk kedua-dua pihak bukan sahaja majikan malah kesatuan sekerja juga perlu menjalankan tanggungjawabnya untuk memastikan pekerja-pekerja menjalankan latihan tersebut.

Saya yakin dengan cara ini majikan dan kesatuan dapat bersama-sama bertanggungjawab ke atas latihan pekerja kerana dalam memastikan keharmonian perindustrian, memastikan kemajuan sesebuah syarikat bukan sahaja tanggungjawab majikan malah tanggungjawab kesatuan sekerja, pekerja-pekerja semua adalah penting.

Saya juga menyeru MTUC dan semua kesatuan-kesatuan sekerja dapat menyahut cabaran abad ke-21 ini dengan memastikan ia sebagai suatu abad untuk memastikan budaya latihan ini menjadi satu budaya pekerja-pekerja dan dapat memastikan bahawa budaya ini adalah amat penting untuk menjadikan pekerja-pekerja kita begitu mahir dalam bidang-bidang pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program meningkatkan bilangan pekerja di dalam industri kecil dan sederhana, walaupun Tabung Pembangunan Sumber Manusia ada program membantu syarikat IKS tetapi saya dapati bahawa responsnya adalah tidak menggalakkan. Ada banyak syarikat IKS yang telah pun mencarum tetapi tidak melatih pekerja-pekerja mereka.

Saya juga difahamkan bahawa SMIDEC ada melaksanakan program peningkatan kemahiran pekerja IKS semenjak tahun 1997 di mana di bawah program ini 50% geran diberi kepada IKS untuk menghantar pekerja ke kursus-kursus yang dijalankan oleh mana-mana pusat pembangunan kemahiran di seluruh negara. Tetapi bagi MPSM, syarikat IKS yang menyumbang kepada tabung ini sahaja boleh membuat tuntutan, itu pun banyak syarikat IKS tidak menggunakan kemudahan untuk melatih pekerja-pekerja. Oleh itu, saya rasa bahawa insentif untuk menarik lebih banyak IKS untuk melatih pekerja-pekerja mereka perlu ditingkatkan.

Saya ingin mencadangkan program penggalakan persatuan majikan supaya bergiat aktif dalam melatih pekerja dapat diberikan kepada persatuan-persatuan industri kecil dan sederhana. Saya dapati bahawa program penggalakan persatuan majikan ini adalah satu program yang berkesan di mana melalui program ini kita dapat benar-benar menarik memastikan majikan, dapat mematuhi segala sasarannya untuk melatih pekerjanya.

Pada masa sekarang, saya difahamkan bahawa MPSM ada skim latihan berkelompok iaitu diwujudkan sejak Julai 1996 bagi membantu persatuan-persatuan majikan menggalak aktiviti latihan pekerja mereka. Persatuan-persatuan yang masih aktif seperti Persatuan Pengilang Bumiputera, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor, Dewan Perniagaan India. Saya ingin mendapat sedikit maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, apakah bantuan dan insentif yang diberikan kepada persatuan-persatuan ini untuk menggalak lebih banyak syarikat melatih pekerja mereka. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menanam budaya latihan di kalangan majikan-majikan yang berdaftar dengan MPSM.

Saya berharap kementerian dapat menganjurkan lebih banyak bengkel untuk meningkatkan kesedaran khususnya pengusahaan industri kecil dan sederhana (IKS) menjalankan kegiatan latihan. Khidmat juruperunding analisis keperluan latihan, training analysis bagi IKS juga perlu dipertingkatkan. Menurut laporan tahunan MPSM 1999 hanya 20 majikan sahaja daripada IKS yang telah diluluskan sepanjang tahun 1999 untuk mendapat khidmat perundingan percuma tersebut.

Saya juga ingin tahu sama ada dalam tahun 2000 berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk menjalankan khidmat juruperunding analisis keperluan latihan dan selepas analisis dijalankan adakah IKS ini menjalankan latihan-latihan mengikut syor-syor analisis ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liow Tiong Lai:yang dicadangkan. Memandangkan masa tidak mengizinkan, saya ingin menggulung dan saya ingin terus kepada perkara yang seterusnya iaitu kita telah pun meningkatkan kemahiran pekerja kita dengan mengadakan skim-skim perantisan.

Saya mengalu-alukan Kementerian Sumber Manusia mengadakan skim perantisan ini kerana ia adalah betul-betul memenuhi kehendak-kehendak industri. Empat skim baru perantisan telah pun dicadangkan dalam tahun lalu dan saya ingin bertanya sama ada ada skim-skim perantisan yang baru diwujudkan seperti e-latihan, ICT dan sebagainya kerana ini adalah merupakan satu industri yang lebih penting pada masa hadapan.

Saya juga ingin mengetahui bahawa sijil-sijil yang diperolehi daripada skim perantisan ini iaitu Sijil Pertengahan MLVK sama ada setelah pelajar-pelajar ini ataupun pelatih-pelatih ini menerima Sijil MLVK Pertengahan ini, sama ada mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka ke politeknik ataupun ke institut pengajian kemahiran yang lain. Adakah kerajaan telah pun bersedia untuk memastikan bahawa semua sijil yang dikeluarkan oleh MLVK ini mempunyai satu sistem yang sempurna iaitu memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang telah pun tamat peperiksaan Sijil MLVK Pertengahan dapat meningkat ke peringkat yang lebih tinggi. Adakah Kementerian Sumber Manusia telah pun membuat persediaan sepenuhnya dan apakah halangan-halangan yang diterima untuk mewujudkan sistem latihan vokasional yang lebih sempurna di negara ini.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baling.

3.13 ptg.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang dalam membahaskan rang undang-undang untuk mengkorporatkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000. Saya hanya ingin menyentuh dari sudut latihan.

Aspek latihan bagi meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan seseorang pekerja memanglah merupakan suatu perkara yang penting terutama di dalam keghairahan negara menuju era perindustrian. Namun begitu, kebelakangan ini dalam keghairahan kerajaan dan majikan untuk meningkatkan kualiti pengetahuan dan kecekapan tenaga manusia, aspek moral dan akhlak para pekerja hendaknya tidaklah dilupa dan dikesampingkan.

Saya difahamkan bahawa peruntukan atau wang yang dikatakan telah dipunyai oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini yang begitu besar, maka kita diharapkan bahawa tidaklah Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini dikorporatkan semata-mata untuk kita melihat dari sudut pendapatan, dari sudut untuk mencari sumber kewangan ataupun apa yang saya maksudkan tidaklah dengan tujuan utamanya untuk mengkomersialkan tugas dan tanggungjawab ini. Bagi saya, apabila kita bercakap masalah latihan dalam konteks sumber manusia, bukan sahaja bagi meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan kepada seseorang pekerja itu tetapi juga yang penting ialah untuk membina sahsiah, membina personaliti.

Yang kedua, dalam latihan ini juga kalaulah sekiranya kepada pekerja-pekerja asing, pekerja-pekerja yang bukan daripada negara ini, bukan rakyat negara ini tetapi daripada pekerja asing perlu juga kita lihat bahawa suatu latihan setidak-tidaknya untuk mereka dapat mengenali budaya dan hati budi rakyat negara ini yang sudah kita fahami bahawa bukan sahaja berbilang bangsa, berbilang kaum tetapi juga berbilang agama. Andainya perkara-perkara yang seumpama ini terkesamping di dalam tugas-tugas dan tanggungjawab latihan oleh pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini, maka kita bimbang suatu pertembungan akan berlaku iaitu pertama sekali ialah orang yang mempunyai kemahiran, mempunyai kecekapan, mempunyai pengetahuan dalam bidang-bidang kerja mereka tetapi mereka mempunyai personaliti, sahsiah, tindak-tanduk yang cukup rendah. Akhlak mereka rendah dan mereka tidak boleh dijadikan model, tidak boleh dijadikan teladan, tidak boleh untuk dijadikan sebagai pemimpin. Jadi, ini suatu pertembungan yang akan berlaku di dalam dua keadaan ini kalau sekiranya sudut-sudut latihan ini tidak diberi penekanan yang seimbang.

Yang kedua, yang saya katakan pekerja asing tadi perlu untuk mereka dilatih supaya mereka mengenali budaya dan hati budi rakyat negara ini kerana kita tidak mahu kedatangan mereka, walaupun dari satu sudut ialah untuk memberi keuntungan dan juga kesan yang baik dari segi pertumbuhan ekonomi dalam sektor-sektor perindustrian di negara ini tetapi secara tidak langsung seolah-olah kita memindahkan suatu budaya lain yang lama kelamaan akan memindahkan satu budaya asing, budaya lain yang lain daripada budaya dan hati budi rakyat di negara ini yang dengan kerana itu maka akhir sudahnya pekerja-pekerja kita ataupun tenaga-tenaga pekerja kita yang berada di sektor-sektor seumpama ini berada dalam keadaan yang bersimpang-siur dari segi sudut keadaan tindak-tanduk dan sahsiah mereka yang akhir sudahnya akan berjangkit ke kampung-kampung, apabila mereka balik ke kediaman-kediaman mereka, maka sudah tentulah keadaan budaya yang mereka tempuh di kilang-kilang ataupun di tempat-tempat mereka bekerja di mana latihan-latihan ini tidak diberi penekanan, terikut-ikut dengan budaya-budaya asing yang jauh menyimpang daripada adat ketimuran kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga ingin ditekankan di sini ialah para majikan dan kerajaan lebih ghairah membawa muda-mudi berhijrah ke bandar untuk bekerja di sektor-sektor perkilangan tetapi umumnya pendidikan moral dan akhlak kepada mereka tidak diberikan perhatian. Inilah perkara-perkara yang harus dilihat, disedari kerana suatu perkara yang telah pun dimaklumi dan diketahui umum perkara-perkara

sumbang yang tidak sepatutnya berlaku terus berlaku, perbuatan-perbuatan yang membawa kepada keadaan-keadaan bersekedudukan tanpa nikah dan sebagainya dan pelbagai gejala sosial terus subur dan terus tumbuh berlaku disebabkan oleh tidak adanya kawalan dan didikan moral, didikan agama dan sebagainya kepada mereka yang menghadapi suatu keadaan perubahan baru dalam suasana baru daripada suasana yang pernah mereka tempuh dan mereka alami di kampung-kampung halaman mereka. Ini apa yang kita boleh katakan suatu kejutan paradigma berlaku kepada mereka. Apabila mereka tidak dibimbing, mereka tidak diberikan suatu latihan dan asuhan. maka inilah apa yang kita harapkan bahawa mereka dapat memberi khidmat ataupun melalui mereka adalah merupakan suatu sumber tenaga penting, di sebalik itu pula, membawa kepada suatu keadaan yang merugikan masyarakat itu sendiri.

Saya juga suka menyentuh mengenai dengan selanjutnya program latihan untuk sumber manusia seperti yang dicadangkan dalam seksyen 4 rang undang-undang ini. Tidak semestinya setakat selaras dengan keperluan sumber manusia bagi industri itu sahaja tetapi ia perlu meluas kepada aspek-aspek moral dan akhlak bagi memastikan supaya pembangunan seimbang antara fizikal dan spiritual dapat direalisasikan melalui usaha-usaha latihan yang disediakan. Pernah dahulu kita mendengar cadangan-cadangan seumpama ini diharmonikan atau dirangkumkan dalam cita-cita, cadangan Wawasan 2020 dan sebagainya. Kalau itu adalah benar maka saya cadangkan supaya aspek yang seumpama ini diberi penekanan yang sewajarnya oleh rang undang-undang ini supaya apa yang kita kehendaki atau yang kita cadangkan itu benar-benar dapat diterjemahkan ke alam kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akhir sekali ingin menarik perhatian tentang perlunya terutama sekali kepada pekerja-pekerja yang beragama Islam supaya amal ibadah mereka itu perlu dilaksanakan kerana kalau kita lihat dalam surat khabar hari ini – di Pulau Pinang, apabila sebuah kilang tidak meraikan atau tidak menghormati negeri Pulau Pinang yang telah mengisytiharkan 13 haribulan sebagai Hari Nuzul Quran, sebuah kilang di Pulau Pinang, melihat kepada kenyataan akhbar mengingkari dan memaksa supaya pekerja-pekerja mereka terus bekerja dan akhir sekali antara pekerja mereka terpaksa berpiket di hadapan kilang itu sendiri. Jadi, maksud saya di sini ialah kepada pekerja-pekerja Muslim, selain daripada pekerja-pekerja yang bukan Islam tetapi pekerja-pekerja Muslim kita harus hormati sensitiviti tersendiri yang ada dalam tuntutan Islam itu sendiri.

Jadi, dengan itu dalam hal ini saya juga ingin mencadangkan supaya latihan aspek ibadah ini perlu ditekankan. Maklum sahaja, saya rasa saya daripada anak kampung, tidak semua anak-anak kampung berhijrah ke bandar mempunyai maklumat pengetahuan yang cukup untuk mereka dalam membina kekuatan spiritual mereka terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan. Jadi, oleh kerana tuntutan hidup yang mengajak mereka, menggamit mereka untuk ke bandar supaya mereka mempunyai sedikit pendapatan yang lebih, dengan kerana itu hendaklah kesempatan yang mereka perolehi ini tidak sebaliknya mengabaikan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka. Sebab itu saya cadangkan di sini hal-hal ibadah ini dan kalau boleh pihak kementerian mensyaratkan supaya pihak-pihak majikan ini menyediakan satu musala, tempat sembahyang yang sempurna dan mencukupi untuk para pekerja Muslim menunaikan tanggungjawab mereka.

Saya percaya kita semua akui, apabila seseorang pekerja itu patuh kepada kehendak agama, Wallahualam, boleh jadi juga agama yang lain daripada agama Islam sendiri pun, kalau masing-masing patuh kepada kehendak agama, maka sudah tentulah mereka akan menjadi pekerja yang baik dan inilah yang diimpikan oleh seluruh majikan dan lebih-lebih lagilah bagi pihak kerajaan yang menggerakkan supaya Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini dikorporatkan dengan harapan supaya ia mampu untuk mengisi kehendak seperti mana yang kita kehendaki.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

3.25 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 kerana saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah penting bagi pembangunan sumber manusia berterusan memandangkan bahawa negara kita kini sedang giat memperkembangkan k-ekonomi dalam konteks globalisasi.

Bagi mendapatkan tenaga kerja mahir dan dinamik, kekerapan latihan pekerja-pekerja dan berterusan adalah sangat diperlukan kerana bentuk ekonomi sekarang yang dipengaruhi oleh globalisasi memerlukan multi-skill workers, dengan izin. Oleh itu, private sector driven, dengan izin, lebih cekap dan berkesan bagi melatih tenaga pekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan komen-komen saya tentang beberapa perkara yang spesifik dalam rang undang-undang ini. Sebuah perbadanan yang dinamakan Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan ditubuhkan di mana matlamat utamanya di bawah Fasal 1 ialah penganan dan pemungutan levi bagi maksud penggalakan latihan pekerja dan penubuhan dan pentadbiran kumpulan wang. Kalau Perbadanan ditubuhkan, di manakah letaknya Jabatan Tenaga Rakyat dan National Productivity Council (NPC) dari segi peranannya yang selama ini menyelenggarakan dan menggalakkan latihan pekerja. Apakah kaitan JTR dan NPC dengan Perbadanan baru ini.

Merujuk kepada Fasal 5 di bawah kuasa Perbadanan, perenggan-perenggan (a) hingga (n) siapakah yang akan menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan kuasa ini.

Saya nampak dalam Fasal 7 di bawah Lembaga Pengarah Perbadanan, Ketua Eksekutif adalah seorang daripada Lembaga Pengarah tetapi tidak ada kewujudan Fasal atau seksyen yang menyebut pelantikan Ketua Eksekutif dan kuasanya ataupun bidang tugasnya. Saya juga tidak nampak Fasal bagi membenarkan atau authorisation, dengan izin, daripada Perbadanan agar Ketua Eksekutif diberi kuasa di bawah Fasal 5.

Di bawah Fasal 7 subseksyen-subseksyen (3) dan (4) iaitu pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, apakah asas ataupun sebab-sebab bagi melantik Pengerusi daripada kalangan orang-orang mewakili majikan dan adakah Timbalan Pengerusi akan dilantik daripada kalangan orang mewakili kerajaan.

Saya juga ingin tahu tiga orang mewakili agensi kerajaan. Adakah Jabatan Tenaga Rakyat salah satu daripada mereka dan dari jabatan manakah lagi mereka ini.

Merujuk kepada Fasal 16 di bawah Pembatalan Pendaftaran Majikan, subseksyen (2) menyebut bahawa jika bilangan pekerja seseorang majikan menjadi kurang daripada 10 orang selama tiga bulan berturut-turut, majikan itu boleh mengemukakan permohonan bagi pembatalan pendaftaran. Kenapa tiga bulan? Apakah asas tiga bulan ini dan bukan satu bulan ataupun enam bulan.

Begitu juga dengan penerimaan apa-apa bantuan kewangan atau faedah-faedah yang lain di bawah Fasal 17 subseksyen (1) di mana seseorang majikan yang pendaftarannya telah dibatalkan dan didaftar semula dalam tempoh dua tahun. Apakah asas dua tahun ini.

Di bawah Fasal 20 subseksyen (7), mana-mana penyedia latihan adalah layak untuk menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah-faedah yang lain. Saya menyambut baik Fasal ini, cuma saya ingin tahu sama ada penyedia latihan perlu mendaftar dengan Perbadanan ataupun hanya sebagai training provider sahaja, dengan izin.

Di bawah Fasal 25, jika seseorang majikan tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap kumpulan wang dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga tidak mendapat bantuan atau faedah-faedah lain. Saya menyarankan agar tempoh ini haruslah diterangkan dalam akta sebab kalau dibiarkan Lembaga membuat keputusan,

mungkin bias ataupun vested interest, dengan izin, akan timbul dan meragukan majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah penguatkuasaan dan penyiasatan pelantikan pegawai penjaga di Fasal 28, adalah baik untuk penyeliaan tugas-tugas pegawai diberi kuasa agar penyelewengan dapat dibendung. Hanya di bawah pengkompaunan kesalahan dalam Fasal 39, saya berpendapat bahawa amaun wang kompaun tidak melebihi 50% adalah terlalu subjektif dengan amaun denda maksimum bagi kesalahan. Kaedah ini dapat menimbulkan penyelewengan.

Oleh itu, saya menyarankan agar peraturan yang boleh dibuat di bawah Fasal 48 subseksyen (2)(d) meliputi senarai kesalahan yang boleh dikompaun dan kadar amaun kompaun ke atas setiap kesalahan bagi mengelakkan salah guna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual Pertama di bawah sektor perkhidmatan, saya tidak nampak senarai bagi perkhidmatan restoran, *bar*, *pub* dan karaoke *lounges*, kerana mereka juga ada tenaga pekerja melebihi 10 orang. Dalam bidang perhotelan, saya mencadangkan supaya satu piawai diwujudkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Dalam pengalaman saya, kerap saya beratur selama 20 minit hanya untuk membayar bil. Saya nampak hotel-hotel di negara kita, *cashier* dan *receptionist*, dengan izin, membuat tugas berasingan. Inilah yang menyebabkan kesesakan di kaunter pembayaran. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya sistem *uniteller* diwujudkan di mana-mana *cashier* ataupun *receptionist*, sama membuat tugas yang sama agar kualiti perkhidmatan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini, waktu Dewan ini bersidang, saya diarah keluar daripada sebuah hotel di Kuala Lumpur sudah dua kali atas sebab tidak ada bilik kosong, [*Ketawa*] kerana tempahan dibuat, kata mereka, lebih lama terdahulu bagi upacara *International Furniture Fair* dan baru-baru ini bagi *Formula One*. Saya telahpun membuat tempahan juga pada masa yang sama, tambah lagi saya menginap di hotel tersebut pada tiap-tiap masa saya datang ke Kuala Lumpur selama lima tahun dan juga memegang goldcard hotel tersebut. Baru-baru ini hotel yang mana saya menginap sekarang tidak boleh – tidak boleh sebut [*Ketawa*] menjalankan ujian sistem elektriknya, tiba-tiba pada jam 2.00 pagi lampu dalam bilik saya menyala, saya cuba padam lampu tetapi suisnya tidak beroperasi. Ini berlaku hingga 4.30 pagi dan saya tidak boleh tidur pada masa itu. Saya panggil *receptionist* untuk mengadu tetapi mereka tidak buat apa-apa. Inilah satu contoh di mana perkhidmatan perlu dipertingkatkan.

Oleh itu saya menyokong akta ini agar latihan pekerja-pekerja lebih kerap lagi dijalankan demi meningkat kualiti perkhidmatan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanah Merah

3.33 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membincangkan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000. Dan di dalam laporan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), kita lihat pada tahun 1999 iaitu pada tahun lepas. Sebanyak 401 majikan baru telah mendaftar dan menjadikan jumlah majikan yang berdaftar di bawah majlis ini sebanyak 6,352. Daripada jumlah tersebut 4,948 adalah terdiri daripada sektor perkilangan, manakala 1,404 adalah sektor perkhidmatan. Tumpuan utama hari ini adalah kepada latihan dan sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa mewujudkan pekerja-pekerja yang mahir dan terlatih di negara kita.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian perlu memperluaskan penglibatan dari segi majikan ini kerana kita tahu bahawa sektor pertanian adalah sebuah sektor yang penting dan perlu mendapat latihan yang secukupnya. Sektor ini perlu diseimbangkan di antara sektor-sektor di negara kita pada hari ini kerana kita tahu dan telah banyak kali dinyatakan bahawa sektor

pertanian ini patut diberi perhatian yang serius kerana kita hendak mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara terutama sekali di dalam pembekalan makanan yang tidak mencukupi dan juga yang melibatkan warga-warga asing di negara kita.

Kalau kita lihat dari segi sektor perkhidmatan industri perhotelan adalah merupakan yang tertinggi sekali di mana majikannya yang terlibat di dalam gabungan ini iaitu 675 berbanding dengan 1,404 ataupun 48%. Jadi, kita lihat bahawa perhotelan ini mungkin mempunyai sesuatu pertandingan yang hebat dan di mana mereka sanggup berdaftar dan memberi ciri-ciri latihan dan kesempurnaan kakitangan mereka yang cukup terlatih.

Satu lagi ialah dari segi latihan ini, saya ingin menyentuh juga iaitu pada beberapa tahun yang lepas negara kita mengalami kekelesetan ekonomi dan di mana banyak majikan-majikan yang telah memberhentikan pekerja-pekerja mereka sama ada pekerja mahir ataupun profesional ataupun pekerja-pekerja yang tidak mahir ataupun separuh mahir. Sehingga hari ini adakah mereka-mereka yang telah diberhentikan pekerjaan mereka telah mendapat semula latihan dan juga mendapat tempat di sektor-sektor tertentu supaya mereka-mereka ini juga dapat menikmati hasil daripada perkembangan bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini yang akan dilaksanakan.

Sebentar tadi sahabat saya daripada Kuala Kedah ada menyentuh bahawa pekerja-pekerja sekarang tidak begitu berminat untuk mengadakan mogok dan mereka lebih memilih untuk mengadakan piket seperti yang telah dilakukan oleh MTUC. Tetapi pada 7 Disember yang lepas, kita lihat – kita terkejut jugalah seluruh rakyat Malaysia terutama sekali apabila melihat suatu mogok besar-besaran yang dilakukan oleh pemandu-pemandu teksi *limousine* di KLIA, di mana hampir keseluruhan pemandu-pemandu teksi – saya difahamkan dan dapat di dalam laporan akhbar bahawa 700, pada peringkat awal 600 orang yang terlibat tetapi pada keesokan harinya 700 orang dan daripada jumlah tersebut hanya 40 orang sahaja yang tidak melibatkan diri di dalam mogok ini.

Secara lisannya, secara pandangan luar, tindakan mogok ini amatlah menyusahkan, memalukan dan juga mendedahkan kelemahan pentadbiran di peringkat pengurusan *limousine* tersebut dan juga menarik perhatian daripada pelawat-pelawat asing yang tiba ke negara kita yang melalui KLIA di mana mereka pada hari tersebut terpaksa beratur menunggu berjam-jam dari pagi hingga ke petang untuk mendapatkan perkhidmatan *limousine*. Hari itu nasib baiklah kita lihat bahawa mereka bertindak mengambil teksi daripada Kuala Lumpur ataupun di dalam kawasan bandaraya untuk di bawa ke kawasan KLIA. Tetapi yang kita tahu di Kuala Lumpur juga menghadapi masalah yang sama, masalah perkhidmatan teksi yang tidak begitu memuaskan kepada seluruh pengguna-pengguna di bandaraya Kuala Lumpur.

Di dalam hal ini kalau kita lihat, mereka-mereka yang telah mengadakan mogok ini juga mengikut prosedur-prosedur dan mengikut peraturan kerana kita tahu mereka telah mengemukakan borang mogok kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan (IRD) dan mereka telah menyatakan hasrat mereka, tuntutan mereka dan untuk mengadakan perundingan dengan pihak kerajaan dan sebagainya. Dan kalau kita lihat di sini, kalau benar dakwaan yang telah dilakukan oleh pemandu-pemandu KLIA, kita merasa kerajaan perlulah mengambil tindakan yang serius. Pertama sekali dakwaan yang telah dibuat oleh mereka ialah bahawa majikan tidak mencarum ke dalam KWSP. Yang kedua, majikan telah menggantikan beberapa orang pegawai yang ada dengan tenaga baru iaitu tenaga yang merupakan warga asing. Yang ketiga, ini adalah suatu kelemahan di mana kita telah memberi kuasa monopoli kepada sebuah syarikat untuk menguruskan perkhidmatan ini.

Kalau kita lihat suatu ketika dahulu CUEPACS, di bawah presidennya kalau tidak silap saya saudara Ahmad Noor, pernah merancang untuk mengadakan mogok secara menyeluruh di seluruh negara di atas tuntutan gaji, untuk menaikkan gaji seluruh kakitangan, di mana mereka telah membuat tuntutan dan kalau tidak dilayani tuntutan mereka ini, mereka akan mengadakan mogok. Tetapi pada waktu itu kerajaan telah

mengambil berat isu ini dan kerajaan telah sanggup berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat dan telah menerima sebahagian daripada rungutan dan juga perkara-perkara yang dituntut oleh CUEPACS. Akhirnya kita lihat bahawa mogok itu tidak berlaku. Tetapi malangnya kalau kita lihat kepada peristiwa yang berlaku pada 7 Disember yang lalu, di mana ugutan ataupun ancaman mogok ini telah pun diberitahu oleh pemandu-pemandu *limousine* di KLIA tetapi tidak mendapat perhatian yang serius daripada pihak pengurusan. Dan kita lihat, kalaulah benar bahawa perkara ini kita lihat bahawa pemandu teksi airport juga telah mendapat layanan yang tidak memuaskan di mana mereka di bayar gaji pokok sebanyak RM350 sebulan dan mendapat komisen di antara 28% hingga 33% daripada harga tambang yang mereka perolehi. Tetapi dalam masa yang sama mereka juga terpaksa menanggung kos-kos lain iaitu kos pembaikan kenderaan ataupun *maintenance*, dengan izin, dan juga kos bahan api ataupun petrol yang mereka gunakan. Jadi, inilah kita lihat bahawa pendapatan mereka tidak seimbang dengan perolehan yang mereka anggap oleh pihak pemaju.

Persoalan juga kalau kita lihat tindakan mogok ini biasanya akan mengakibatkan kepada mereka-mereka yang terlibat. Biasanya kalau tindakan mogok diambil mungkin pekerja-pekerja akan diambil tindakan selepas daripada penyelesaian dibuat. Dan kemungkinan besar pemandu-pemandu berkenaan dipecat daripada perkhidmatan mereka. Tetapi malangnya mogok kali ini berlainan di mana kita rasa pelik dan kerajaan perlu menyiasat kesannya bagaimana pemandu yang sebaliknya belum dibuang daripada penyelesaian ini tetapi 6 orang daripada pegawai yang terlibat ataupun yang membela nasib pemandu-pemandu ini telah secara sukarela meletakkan jawatan masing-masing. Dan ini adalah suatu tamparan yang hebat kalau kita lihat bahawa kerajaan perlu meneliti secara serius tindakan yang diambil oleh persatuan ini.

Saya ingin mempersoalkan juga, adakah Badan Pencegah Rasuah akan campur tangan di dalam soal ini atau menunggu laporan yang akan dibuat barulah mereka bertindak. Dan begitu juga dengan KWSP sendiri di mana kalaulah benar tuduhan atau dakwaan yang dibuat oleh pemandu-pemandu berkenaan KWSP hendaklah bertindak dengan secara segera supaya perkara-perkara ini tidak berulang lagi.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai kekurangan doktor-doktor di Kementerian Kesihatan di negara kita, kerana kita tahu di dalam soal latihan yang profesional ini, sekarang ini kita masih lagi tidak mencukupi atau manpower untuk kedokteran ini. Di jangka 30% hingga 40% daripada jawatan doktor ini masih lagi kosong dan angkanya dianggarkan 1,700 jawatan yang belum diisi. Daripada jumlah ini juga 46% jawatan doktor ini yang tidak diisi di 4,300 buah klinik-klinik di luar bandar. Jadi, kita rasa perkara ini adalah suatu perkara yang serius di mana masyarakat luar bandar perlu mendapat rawatan yang secukupnya.

Selain dari itu kita lihat doktor-doktor dan staf-staf ataupun kakitangan yang berpengalaman telah mendapat tawaran yang lebih lumayan di syarikat-syarikat swasta dan mereka telah memilih untuk pindah ke klinik-klinik swasta ataupun ke hospital-hospital swasta yang boleh memberi pendapatan yang lumayan kepada mereka. Selain dari itu juga kita lihat kepada doktor-doktor pakar di sektor swasta ini tertumpu kepada bandaraya dan pusat-pusat bandar besar tetapi berkurangan di bandar-bandar kecil apatah lagi di luar bandar.

Saya ingin juga meminta sedikit penjelasan walaupun ini melibatkan Kementerian Kesihatan tetapi dari segi sumber manusianya bagaimanakah kerajaan dapat menghadapi atau mengatasi masalah peletakan jawatan oleh doktor yang amat besar yang kita rasakan di mana pada tahun 1995 hingga 1998 terdapat 1,252 orang doktor telah pun meletakkan jawatan dan pada tahun yang sama 1995 hingga 1998 terdapat 207 orang doktor pakar yang turut meletakkan jawatan. Ini saya rasa suatu perkara yang serius dan kita perlu menghadapinya supaya rakyat kita juga dapat menikmati kemudahan kesihatan yang seimbang dengan pembangunan negara.

Jadi, dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Menteri menjawab.

3.48 ptg.

Tuan Fong Chan Onn: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perbincangan berkaitan dengan pengkorporatan Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Ahli Yang Berhormat bagi Gaya telah membangkitkan berkaitan dengan definisi 'pihak majikan'. Mengikut akta ini, pihak majikan ialah seseorang yang telah menandatangani perjanjian perkhidmatan dengan seorang yang lain itu dan secara amnya pihak majikan itu selalunya diwakili oleh pengarah syarikat dan pengarah syarikat itu juga boleh mengarah seorang pengurus yang lain untuk mewakili beliau dalam apa-apa masalah berkaitan dengan pihak majikan tersebut.

Berkaitan dengan ahli lembaga bebas, adalah diharapkan bahawa kedua-dua ahli bebas itu mewakili pihak pekerja. Adalah mengikut amalan Kementerian Sumber Manusia, kedua-dua itu mewakili pihak pekerja dan dilantik atas cadangan oleh MTUC. Berkaitan dengan tempat latihan untuk Sabah dan Sarawak, ini adalah berdasarkan kepada permintaan pihak majikan tersebut. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia akan terus berusaha supaya lebih banyak program latihan akan dikendalikan di kedua-dua negeri tersebut. Soal berkaitan dengan *living age* dengan izin, merupakan satu konsep yang Kementerian Sumber Manusia menghormati dan akan mengkaji dari segi pelaksanaannya supaya tidak ada sesiapa yang akan terjejas. Selain dari itu juga, boleh mengambil kira kebajikan pihak pekerja dan juga semangat persaingan daripada pihak majikan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah bangkitkan berkaitan dengan budaya latihan dan seterusnya menyuarakan bahawa perbadanan ini mempunyai atau akan menerima lebih dari RM200 juta berasaskan kepada pengkorporatan wang asal yang ada dalam Majlis tersebut. Sebenarnya Majlis tersebut tidak ada wang lebihan. Semua levi yang telah dikenakan merupakan wang pihak majikan dan pihak majikan mempunyai hak untuk menggunakan wang tersebut dari segi menjalankan program latihan dan sebagainya dan semua kutipan itu telah diluluskan berdasarkan kepada permohonan. Apa wang yang ada merupakan secara *transitional* atau masa yang diambil untuk program-program latihan itu dilaksanakan dan pada masa tiga bulan atau enam bulan itu, wang levi itu memanglah ada di bawah tangan Majlis Pembangunan Sumber Manusia tetapi semua itu telah dicajkan ke atas program-program latihan yang telah diluluskan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sikit saja. Hendak

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang setuju bahawa kita mesti adakan levi dan latihan yang teratur tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah jumlah levi yang akan dikutip untuk tahun depan. Apakah yang dianggarkan levi itu, kerana ini yang penting sekali.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod-rekod dua, tiga tahun kebelakangan ini, jumlah levi yang dikutip oleh MPSM setahun adalah lebih kurang dalam RM100 juta dan *one hundred million* dan semua ini adalah merupakan wang pihak majikan dan mereka diberi had untuk menggunakan semua itu untuk program latihan. Berkaitan dengan *back lock* di Mahkamah Perusahaan, sebenarnya *back lock* itu berasaskan kepada kegawatan ekonomi di mana ada beribu-ribu pihak pekerja telah ditamatkan kerja dan mereka buat rayuan dan rayuan itu perlulah diselesaikan di Mahkamah Perusahaan. Sehingga ini, Kementerian Sumber Manusia telah melantik enam orang baru sebagai pengerusi mahkamah dan dengan enam orang baru ini, jumlah pengerusi mahkamah ini telah bertambah ke 15 orang dan adalah diharapkan bahawa dengan penambahan pengerusi-pengerusi mahkamah ini, mereka boleh selesaikan kes dengan lebih cepat. lebih kurang 1,500 kes *back lock* yang masih berada di Mahkamah Perusahaan. Kementerian Sumber Manusia akan terus

berusaha untuk menambah jawatan supaya lebih ramai lagi pengerusi mahkamah boleh dilantik.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan *on line training* dengan izin. Sebenarnya Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah meluluskan *on line training* itu sebagai satu program yang perlu diberi sokongan pada 1 Ogos, 2000 dan MPSM akan terus bekerjasama dengan sektor swasta khususnya dengan IPTS dan juga dengan IPTA khususnya dengan UNITAR supaya lebih banyak program *on line* atau *virtual training* dengan izin, boleh dikendalikan.

Berkaitan dengan Tabung Latihan Kemahiran itu, saya rasa itu merupakan soal selepas ini apabila Kementerian Kewangan akan membentangkan teras akaun tersebut yang akan membolehkan tabung itu diwujudkan dan dikendalikan mulai tahun hadapan. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh sokonglah.

Isu-isu berkaitan dengan LAN perlulah lebih fleksibel untuk memberi pengiktirafan dan sebagainya, pihak Kementerian Sumber Manusia akan mengemukakan pandangan tersebut kepada kementerian yang berkaitan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong telah menyuarakan beberapa isu. Antaranya perlulah ada satu masa enam bulan sebelum ia boleh pakai levi. Dalam akta baru ini, tidak ada sebut masa. Selepas pihak majikan itu telah daftar dan bayar levi, levi tersebut boleh digunakan dan di bawah peruntukan-peruntukan akta ini, memang pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia berhak untuk memberi bantuan kepada dengan izin, *training providers* dan juga kepada persatuan mewakili majikan supaya program-program latihan yang bermutu tinggi boleh dikendalikan.

Isu berkaitan dengan mempertingkatkan kesedaran di kalangan IKS untuk mewujudkan budaya latihan, itu merupakan satu misi Kementerian Sumber Manusia dan saya akan terus meminta pihak Majlis ini supaya lebih giat lagi mengadakan program-program untuk mempertingkatkan budaya latihan di kalangan IKS ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Baling telah menyuarakan berkaitan dengan perlunya dalam program-program latihan kita mempertingkatkan nilai-nilai yang murni, akhlak dan sebagainya. Memang di bawah program latihan yang boleh diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini, termasuklah program-program motivasi dan sebagainya dan semua itu akan mempertingkatkan daya saing dan semangat pekerja itu. Memang Kementerian Sumber Manusia selalunya ambil kira dan kita selalunya menyuarakan kepada pihak majikan supaya ambil kira sensitiviti setiap kaum, sensitiviti agama, pekerja dan sebagainya dan baru-baru ini kerajaan telah putuskan bahawa Hari Raya kali kedua tahun ini, kedua-dua hari itu, diisytiharkan sebagai cuti am dan ini membuktikan bahawa kerajaan, Kementerian Sumber Manusia memang prihatin tentang sensitiviti, tentang keperluan pekerja semua kaum ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong telah tanya berkaitan dengan status NPC. Sebenarnya NPC atau *National Productivity Center* itu di bawah MITI dan bukan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan saya yakin bahawa pusat tersebut akan terus berfungsi dengan lebih produktif.

Jabatan Tenaga Rakyat merupakan satu jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan fungsinya ialah untuk memberi latihan *pre service*, mengendalikan kursus untuk lepasan sekolah sebelum mereka menceburi bidang pekerjaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah menyuarakan isu berkaitan perlunya memperluas *coverage* kepada sektor-sektor yang lain seperti sektor pertanian. Sektor pertanian memang Kementerian Sumber Manusia akan kaji kerana itu merupakan satu sektor yang penting.

Dari segi sektor perhotelan, memang sektor tersebut sekarang adalah dalam rangkuman Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini dan kami akan terus

bekerjasama dengan majikan-majikan dalam sektor tersebut untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja dan taraf perkhidmatan yang selalunya perlu disediakan.

Berkaitan dengan isu *picket* atau mogok di Airport Limo Berhad, Kementerian Sumber Manusia sebenarnya telah rujukkan perkara-perkara yang jadi asas salah faham di antara dua pihak kepada Mahkamah Perusahaan. Saya sendiri telah jumpa dengan kedua-dua pihak dan merayu kepada mereka tunggulah keputusan Mahkamah Perusahaan sebelum ambil apa jua tindakan. Itu merupakan cara biasa dan saya sendiri sudah jamin bahawa perkara tersebut akan disegerakan oleh Mahkamah Perusahaan dan nasib baik sekarang nampaknya kedua-dua pihak sudah berhenti tindakan, mereka juga janji depan saya tidak akan ambil apa jua tindakan yang menjejaskan imej. Saya haraplah dan merayu kepada dua-dua pihak teruslah mengambil kira imej negara kita sebelum ambil apa-apa tindakan dan saya sendiri akan jamin bahawa kes-kes yang telah dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan akan disegerakan demi untuk kepentingan kedua-dua pihak.

Memang Kementerian Sumber Manusia dengan persetujuan kedua-dua pihak iaitu pihak majikan dan pihak pekerja mewujudkan satu jawatankuasa yang diwakili oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan seorang lagi mewakili MTUC dan seorang lagi mewakili pinak majikan Airport Limo Berhad ini dan jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk mengkaji segala masalah dan mencadangkan, apakah tindakan yang perlu diambil sebagai *short term* untuk menyelesaikan segala salah faham di antara dua pihak. Sekiranya...

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sikit-sikit....

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, kalaulah perjumpaan ini telah dibuat dan juga penyelesaian yang cuba diambil, saya ingin tahu berkenaan dengan tindakan enam orang pegawai yang telah meletakkan jawatan itu kerana semata-mata menyebelahi para pemandu. Jadi, apakah nasib mereka sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Memang saya sudah minta pegawai saya menyiasat perkara tersebut dan mereka akan memberi saya satu laporan dan sekiranya perkara ini ada benar, pihak majikan tidak membayar caruman KWSP kepada KWSP, itu merupakan satu kesalahan dan Kementerian Sumber Manusia saya yakin juga ini d'ibawah tanggungjawab pihak Kementerian Kewangan. Saya yakin mereka akan ambil tindakan sewajarnya.

Sekian soalan-soalan yang telah dibangkitkan dan sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Akta ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 63 –

Tuan Pengerusi: Ya, sila Bachok.

4.05 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuba mengambil peluang beberapa fasal untuk disentuh dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa ini. Pertama sekali Fasal 5(a) berhubung dengan garis panduan bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini saya cuba mendapatkan beberapa penjelasan daripada sudut teknikal perjalanan perbadanan ini.

Pertama, apakah kriteria pemohon yang akan diberi pertimbangan berdasarkan garis panduan yang dicadangkan. Akan diberi pertimbangan untuk mendapat bantuan kewangan, apakah matlamat sebenar bantuan kewangan itu dan adakah majikan-majikan yang menerima bantuan akan dipantau oleh pihak kementerian khususnya ataupun bagi pihak pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat perbadanan ini dalam menjalankan aktivitinya supaya tidak menyalahgunakan bantuan kewangan tersebut.

Kemudian yang kedua di bawah Fasal 5(k) iaitu untuk memberikan pinjaman kepada penyelia latihan ataupun *training provider* dengan izin. Soalannya, apakah pihak perbadanan akan menubuhkan sendiri sebuah ataupun beberapa cawangan *training providers* yang merupakan badan latihan pekerja ke arah pembangunan sumber manusia ini kerana ia adalah lebih baik dari segi pencapaian objektif penubuhan perbadanan ini kerana ianya merupakan sebuah badan penyelia latihan yang selayaknya mendapat pinjaman dan pemberian daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini.

Kemudian yang ketiga ialah di bawah Fasal 5(l) iaitu yang berkait dengan memberikan pinjaman kepada Persatuan Majikan, Employer Association dengan izin, dinyatakan bahawa Persatuan Majikan ataupun Employer Association ini dengan izin, juga layak menerima pemberian daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bagi pembangunan sumber manusia itu sendiri di peringkat syarikat-syarikat ataupun majikan yang berdaftar. Apakah syarat pemberian itu terhad untuk tujuan menjana program pembangunan sumber manusia secara *in house training* atau boleh menjalankan program kepada pekerja-pekerja daripada lain-lain syarikat ataupun majikan kerana perkara ini saya bangkitkan perlu diperjelas, akan ada majikan yang tidak berdaftar ataupun tidak membayar levi kepada pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad lalu mereka menggunakan persatuan majikan ini bagi memberi atau mengadakan latihan kepada pekerja-pekerjanya kerana majikan yang bernaung di bawah persatuan ini. Kemudian menerusi skim ini adakah pihak kementerian dapat menjamin bahawa mana-mana persatuan majikan yang menubuhkan persatuan ini bahawa semua keanggotaan majikan itu adalah berdaftar dengan pihak pembangunan sumber manusia.

Yang keempat ialah merujuk kepada Fasal 14 dan Fasal 15 iaitu pengenaan levi pembangunan sumber manusia pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja bagi setiap majikan. Bolehkah pihak kementerian mengambil pendekatan *flexible* daripada segi kadar pengenaan levi yang akan dibayar oleh pihak majikan bila sahaja dia berdaftar mengikut setiap pekerjaannya iaitu dengan cara menyerahkan kuasa kepada ketua eksekutif perbadanan ini untuk mempertimbangkan bukannya menunggu kelulusan daripada pihak Menteri dalam mempertimbangkan perubahan pengenaan levi pada kadar yang munasabah dari masa ke semasa mengikut kelas majikan dan juga prestasi semasa operasi kilang-kilang yang berdaftar di bawah badan ini.

Saya bangkitkan perkara ini kerana bagi majikan yang baru memulakan operasi mungkin menganggap pengenaan levi pada kadar 0.5% ataupun 1% sebagai mana yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini dianggap membebankan dan saya mencadangkan, ada baiknya pengenaan itu dikecualikan dahulu untuk tempoh satu tahun pertama bagi kilang-kilang yang belum lagi mendapat kedudukan yang baik daripada sudut operasi iaitu satu tahun pertama daripada tarikh kilang atau majikan tersebut mendaftar kepada pihak perbadanan ini supaya ia ataupun majikan yang berkenaan dapat menikmati beberapa kemudahan bagi memastikan program pembangunan sumber manusia itu berjalan di peringkat majikan berkenaan sebagai mana

peraturan-peraturan yang ditentukan. Jadi saya menuntut supaya pihak kementerian boleh mewujudkan suatu pendekatan yang *flexible* dalam perkara ini.

Kemudian yang kelima di bawah Fasal 20(1) dan (2) iaitu kelayakan majikan menerima apa-apa bantuan kewangan untuk latihan pekerja. Apakah pihak perbadanan ataupun pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini dapat menjamin bahawa kehendak Fasal 20 ini benar-benar dipatuhi oleh majikan yang berdaftar. Ini kerana akan ada tindakan tertentu pihak majikan akan menubuhkan anak-anak syarikat semata-mata bagi mendapat kepentingan bantuan kewangan yang disebutkan ataupun mana-mana faedah yang boleh didapati daripada Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini ataupun daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Mereka akan mengemukakan permohonan ataupun untuk mendapat bantuan tadi dengan alasan untuk penggalakan latihan pekerjaanya.

Hakikatnya akan ada penyelewengan ataupun tindakan-tindakan tertentu daripada pihak majikan mengambil kesempatan di atas peraturan yang ada ini.

Berikutnya saya mencadangkan agar Fasal 22(1) ceraihan (d) ditiadakan kerana ia akan mendedahkan kepada amalan sogokan daripada pihak majikan-majikan yang berkepentingan kepada pihak pengurusan perbadanan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh hendak mencadangkan hendak pinda ya dengan kerana kita sudah bersetuju atas dasar tadi ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Okay, saya tarik balik kenyataan itu Tuan Pengerusi. Seterusnya saya membangkitkan Fasal 26(2) ceraihan (f) iaitu kuasa Menteri dalam melantik lembaga pengarah perbadanan yang berkait dengan seterusnya iaitu di bawah keanggotaan panel pelaburan itu. Jadi panel perkara yang perlu bagi memastikan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini dapat diuruskan bagi menepati nilai kesucian pelaburan. Jadi saya melihat panel pelaburan ini perlu berjalan dengan teratur, khususnya mendapat pandangan daripada penasihat syariah dalam aspek pelaburan bagi menjamin Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia itu memenuhi tuntutan kesucian daripada sudut pelaburan....

Tuan Pengerusi: Yang itu Yang Berhormat yang itu juga dasar Yang Berhormat, bukan Jawatankuasa.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Okay terima kasih. Itu sahaja kalau ianya perkara dasar, saya anggap perkara tidak berkaitan dan saya tarik balik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baiklah. Jelutong.

4.15 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jangan campur dasar ya kerana kita dalam Jawatankuasa, 55(2) telah pun menentukan kita boleh menyentuhinya ialah di atas *detail* nya sahaja.

Tuan Lee Kah Choon: Baik Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jangan buat cadangan atau apa-apalah.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan beberapa dasar spesifik di dalam Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000 ini. Yang pertama adalah berkaitan dengan Fasal 7 rang undang-undang ini.

Di bawah fasal ini satu lembaga pengarah perbadanan yang bertanggungjawab untuk menentukan pencapaian matlamat rang undang-undang ini iaitu menggalakkan latihan pekerja telah diwujudkan tetapi anehnya wakil pekerja tidak dimasukkan dalam komposisi lembaga ini. Bukankah lembaga ini akan lebih berkesan jikalau wakil-wakil pekerja dapat menyuarakan pandangan mereka berkenaan dengan latihan yang akan diterima oleh mereka. Lagipun penyertaan wakil-wakil pekerja dalam lembaga ini juga

dapat memastikan duit tabung di bawah rang undang-undang ini dapat digunakan untuk mencapai matlamat rang undang-undang ini dengan lebih berkesan lagi.

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan Fasal 36. Di bawah fasal ini mahkamah boleh mengarahkan mana-mana pegawai diberi kuasa supaya memasuki, menyiasat dan memeriksa mana-mana tempat kerja dan menyita dan menahan apa-apa keterangan yang terdapat di tempat kerja itu tetapi di bawah Fasal 36(5) pula diperuntukkan walaupun mahkamah sudah mengeluarkan waran dan mengarahkan pegawai supaya bertindak, pegawai tersebut tidak dapat berbuat demikian melainkan beliau mendapat keizinan bertulis dari Menteri berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak faham tentang logik di belakang fasal ini. Saya berpendapat fasal ini telah melanggar *the spirit if not the letter of the Constitution* dengan izin. Di bawah Perlembagaan, kita eksekutif, badan kehakiman dan Parlimen adalah tiga tonggak perlembagaan kita. Ketiga-tiga institusi ini adalah sama taraf di sisi Perlembagaan dan satu institusi tidak boleh *encroach* atau menceroboh fungsi institusi yang lain. Fasal 36 nampaknya telah melanggar prinsip ini.

Katakanlah mahkamah telah mengeluarkan waran untuk mengarahkan pegawai untuk bertindak tetapi keizinan bertulis Menteri tidak didapati. Apakah kedudukan pegawai ini jikalau beliau bertindak, beliau melanggar Fasal 36. Jikalau beliau tidak bertindak beliau sudah tidak patuhi waran mahkamah dan *prima facie*. Itu adalah *contempt of court*.

Yang ketiga adalah berkaitan dengan Fasal 45 yang berbunyi, jika apa-apa levi masih tidak dibayar oleh seseorang majikan yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan, pengarah pertubuhan perbadanan termasuk mana-mana orang yang pernah menjadi pengarah pertubuhan perbadanan dalam tempoh levi kena dibayar hendaklah bertanggungjawab bagi levi yang terhutang dan kena dibayar kepada perbadanan.

Tuan Pengerusi, saya setuju bahawa pengarah syarikat mesti bertanggungjawab terhadap tunggakan-tunggakan levi jikalau beliau bertanggungjawab atas pentadbiran harian syarikat itu tetapi kalau kita mengenakan tanggungan ke atas pengarah *non-executive* dengan izin, saya rasa tidak berpatutan kerana pentadbiran harian seperti pembayaran levi adalah di luar bidang kuasa *non-executive* ini. Saya berharap kementerian berkenaan dapat memberi penjelasan selanjutnya ke atas kekurangan-kekurangan yang dikatakan tadi.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong ya. Tolong jangan bercakap perkara dasar Yang Berhormat.

4.19 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak saya tidak sentuh dasar. Tidak langsung ya. Fasal 4, fungsi perbadanan. Ini bukan dasar Tuan Pengerusi ialah menilai dan menentukan jenis dan tahap latihan dan latihan semula pekerja selaras dengan keperluan sumber manusia bagi industri.

Tuan Pengerusi, saya setuju kita mesti adakan badan seumpama ini untuk menilai, untuk mengutip levi dan untuk memastikan semua latihan berjalan dengan lancar kerana kita sangat kurang pekerja-pekerja mahir di negara ini. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan, ini bukan dasar Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Standard kemahiran kebangsaan (SKK), adakah ini akan digunakan SKK untuk menilai semua ini. Sebab Tuan Pengerusi, saya sebut ini kalau tengok, saya ada tengok misalnya syarikat transnasional seperti Motorola mereka mempunyai penilaian dan standard yang tertentu yang mereka ada sistem latihan yang baik. Saya ingat ia baik. Dan sebab itulah mereka lebih suka untuk mengambil pelajar-

pelajar yang mempunyai diploma yang tertentu bukan daripada universiti. Universiti susah hendak latih.

Tuan Pengerusi, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) sudah tetapkan satu rangka kerja latihan kemahiran lima tahap dan sistem akreditasi. Adakah fungsi ini termasuk daripada segi SKK dan rangka yang ditetapkan oleh MLVK. Ini bukan dasar, memang satu perkara penilaian untuk kemahiran kita kerana banyak peringkat dan banyak bidang yang kita mesti adakan dan kalau kita tengok sumber manusia, kepakaran itu memang tidak cukup di dalam Kementerian Sumber Manusia. Walaupun dikorporatkan dan diswastakan, mungkin perbezaan yang dikorporatkan itu dimiliki oleh kerajaan dan yang diswastakan itu dimiliki oleh swasta dan mungkin perbezaan itu daripada segi istilah sahaja.

Ini separuh diswastakan dan bila diswastakan, walaupun daripada segi pengurusan dan daripada segi untuk membuat keputusan, boleh cepat sedikit kerana budaya dan psikologi swasta lebih berbeza dengan psikologi di dalam sektor awam. Sektor awam memang lambat – ia ada prosedur, ia ada budaya yang lambat laun. Ia tidak boleh menyimpang daripada prosedurnya.

Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat boleh jawab sama ada, apakah sistem penilaian yang digunakan oleh pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini apabila dikuatkuasakan kelak.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya pun tahulah. Saya tidak akan bincang mengenai dasar. Sangat sensitif sekarang. Cuma kalau ikut peraturan 55 pun, kita boleh bahas mengenai dasar untuk perkara yang spesifik Tuan pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Betul Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Perkara-perkara spesifik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap itu pun dasar. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada. Itu peraturan

Tuan Pengerusi: Ya lah tetapi tidak bersangkutan-paut dengan apa yang kita bincang sekarang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu hendak menenteramkan Tuan Pengerusi sahaja. *[Ketawa]* Takut saya menyimpang jauh daripada apa yang diizinkan oleh peraturan tetapnya.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi.

Tuan Pengerusi: Kita hendak habiskan satu lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat memang boleh habis kerana usul yang berikutnya tidak ramai yang akan menyertai.

Tuan Pengerusi: Tetapi kita hanya ada se jam lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Se jam sahaja. Saya faham lah tidak ramai akan menyertai usul yang berikutnya sebab itulah ...*[Disampuk]* Ya.

Tuan Pengerusi: Minta menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak jawab sudah. Baik. *[Ketawa]*

4.24 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bachok telah bangkitkan berkaitan dengan kriteria untuk memberi bantuan dan sebagainya. Kriteria tersebut atau garis panduan itu akan diumumkan dan daripada segi keseluruhannya, bantuan tersebut ialah untuk membolehkan, dengan izin, *training providers*, khususnya *training providers* yang baru untuk membolehkan mereka mengendalikan kursus-kursus yang amat diperlukan. Daripada segi untuk kesatuan majikan juga, pihak PSMB rasa bahawa itu merupakan satu bantuan yang amat berfaedah khususnya untuk syarikat-syarikat di IKS.

Kebanyakan syarikat di IKS itu bukan merupakan ahli-ahli Majlis Pembangunan Sumber Manusia kerana mereka tidak sedar tentang budaya latihan dan sebagainya. Kami harap melalui bantuan kepada kesatuan khususnya kesatuan berkaitan dengan IKS itu, majlis tersebut boleh mengendalikan program yang membawa manfaat kepada syarikat-syarikat IKS sendiri supaya pekerja-pekerja boleh dapat latihan tersebut dan selepas itu mereka boleh faham tentang budaya latihan dan seterusnya menjadi ahli kepada PSMB ini.

Berkaitan dengan panel laporan, sebenarnya tujuan laporan ini ialah untuk menentukan bahawa PSMB ini boleh berdikari, bukan untuk membuat pelaburan yang sengaja atau bukan untuk mendapat keuntungan yang berlainan dengan tujuan asal syarikat ini. Memang kita akan tentukan bahawa segala peruntukan yang ada dalam akta ini tidak akan disalahgunakan, khususnya anak-anak syarikat sekarang boleh menggunakan levi daripada syarikat-syarikat induknya dan saya akan minta pihak PSMB ini untuk selalu berjaga-jaga supaya segala peruntukan itu akan digunakan untuk kebaikan pekerja dan tidak akan disalahgunakan.

Yang Berhormat bagi Jelutong telah membangkitkan berkaitan dengan peruntukan Fasal 36. Sebenarnya Fasal 36 ini ialah untuk menjaga bahawa pegawai yang diperuntukkan kuasa ini tidak akan salah guna kuasa iaitu dia perlu mendapat kelulusan daripada menteri sebelum dia boleh memasuki sebuah premis syarikat tersebut untuk memperoleh maklumat tanpa atau tiada waran. Ini sebagai *counter check* supaya kuasa pemeriksaan ini tidak akan disalahgunakan oleh pegawai tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong telah menyuarakan tentang *national standard*. Memang adalah hasrat Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan memperkenalkan standard kebangsaan kami khususnya untuk bidang-bidang kemahiran dan kebanyakan standard ini adalah mengikut standard antarabangsa. Kita kaji dan bincang dengan pakar-pakar dari Jerman, UK dan Amerika Syarikat dan kita akan menggunakan standard-standard tersebut.

Sekian, terima kasih.

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbincangan dan diluluskan usul Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Saya juga mencadangkan bahawa menurut P.M. 62 Rang Undang-undang yang lain seperti No. 4 hingga 12 yang tertera pada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada satu usul lagi. Jadi, kalau sekiranya kita habis awal sebelum 5.30 petang, kita boleh balik awal. Jika tidak boleh habis awal, maka kita balik lambat sedikit. Sila, usul.

USUL MENTERI KEWANGAN

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) seksyen kecil (4), seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1967, Pindaan 1972 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut: 'Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran'

Mengikut peruntukan (a), seksyen kecil 4, seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1967, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua akta tersebut. Kerajaan dalam membentangkan Belanjawan pada 27 Oktober 2000 telah mengumumkan penubuhan Tabung Pembangunan Kemahiran dengan peruntukan permulaan sebanyak RM140 juta.

Tujuan penubuhan Tabung Pembangunan Kemahiran ini adalah untuk memberi pinjaman kepada pelatih bagi menjalani latihan kemahiran di institusi-institusi latihan teknikal dan vokasional awam dan swasta yang diluluskan oleh Majlis Lembaga Vokasional Kebangsaan (MLVK). Bantuan dalam bentuk pinjaman ini perlu memandangkan kebanyakan pelatih adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Ini adalah kerana yuran pengajian sahaja adalah di antara RM3 ribu hingga RM10,500. Skim pinjaman ini akan membolehkan lebih ramai remaja mendapat latihan kemahiran kerana pinjaman yang diberi akan dibayar balik selepas pelatih tamat latihan dan mendapat pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, skim pinjaman ini akan dibuka kepada pelatih di institusi latihan awam dan swasta. Dengan kemudahan pinjaman ini, sektor swasta akan digalakkan untuk menubuhkan lebih banyak institusi latihan teknikal dan

vokasional kerana masalah kewangan pelatih telah dapat diatasi. Ini seterusnya akan meringankan beban kerajaan dalam usaha membekalkan tenaga mahir yang mencukupi. Skim pinjaman ini akan dilaksanakan di dalam dua fasa.

Fasa pertama adalah bagi pelatih di institusi latihan awam yang mengikuti latihan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap empat dan lima sahaja. Latihan di peringkat SKM tahap satu hingga tiga masih percuma pada masa ini bagi memenuhi obligasi sosial kerajaan.

Di Fasa kedua, pinjaman akan ditawarkan kepada pelatih daripada institusi swasta yang mengikuti latihan SKM tahap satu hingga lima. Pinjaman hanya diberi kepada mereka yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan mengikuti program latihan yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) untuk menentukan mutu latihan yang diterima mencapai standard yang tertentu. Pinjaman yang akan diberi adalah untuk menampung perbelanjaan seperti yuran pengajian, kos sara hidup, peralatan dan buku. Kos pentadbiran pada kadar 4% setahun akan dikenakan.

Berdasarkan perbelanjaan-perbelanjaan di atas, seseorang pelatih layak diberi pinjaman sebanyak RM5 ribu setahun. Syarat-syarat lain pinjaman akan ditetapkan kemudian. Tabung ini akan beroperasi sebagai tabung pusingan yang diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bayaran balik pinjaman akan dimasukkan semula ke dalam tabung untuk membolehkan pinjaman yang serupa diteruskan kepada pelatih-pelatih lain seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi terbuka untuk dibahas. Ya, ya Kepong, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Adalah orang lain nak bercakap, Kepong.

4.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang suka untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan usul ini kerana usul inilah yang merupakan satu consequential daripada Belanjawan 2001 dan tadi kita ada dengar jawapan daripada Menteri Sumber Manusia yang sedikit sebanyak menyentuh perkara yang sama juga dan ini sebahagian daripada apa yang disentuh oleh yang Menteri Sumber Manusia ini ialah mengenai Tabung Wang Amanah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan kita memang perlu satu Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran untuk melatih pekerja-pekerja mahir di semua peringkat dan dengan adanya Kumpulan Wang yang bernilai RM150 juta ini kita boleh galakkan sektor swasta menyertai skim latihan untuk pekerja mahir maka kita akan mencapai satu tahap yang lebih tinggi lagi di dalam usaha untuk kita melatih pekerja-pekerja mahirnya.

Saya nampak daripada tahun 1996 sehingga 2000, peruntukan untuk latihan oleh pihak kerajaan itu adalah lebih daripada RM1.5 bilion dan untuk latihan perindustrian sahaja adalah hampir RM1.2 bilion, ini memang satu peruntukan yang besar. Cuma saya tidak tahu daripada peruntukan untuk maksud latihan yang lebih daripada RM1.5 bilion ini setakat manalah kita dapat menggunakan semua peruntukan ini untuk tempoh lima tahun yang telah saya sebutkan tadi kerana ini memang satu perkara yang penting kerana saya sebutkan tadi mengenai tabung ini. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, pihak kementerian sudah mengadakan satu Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran RM500 juta sebelum ini. Apakah telah terjadi dengan

tabung ini sama ada tabung ini ditubuhkan ataupun tidak Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran. Jangan Yang Berhormat ingat kita di sini pun tidak begitu prihatin kepada tabung yang ditubuhkan itu sebab walaupun disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran tetapi di dalam beberapa tahun ini tidak pernah disebutkan dalam Dewan ini dan kalau itulah yang dibuat oleh pihak kementerian, kita hendak tahu apakah setakat ini Tabung Pinjaman yang beroperasi ataupun belum lagi diadakan dan kalau tidak diadakan Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran maka ini merupakan satu kegagalan juga dan mungkin Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran adalah untuk menggantikan Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran.

Walaupun bagaimanapun, di sini saya hendak bangkitkan satu perkara mengenai latihan untuk graduan daripada universiti. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita menggalakkan universiti ataupun institut pengajian tinggi awam dan juga swasta, IPTA dan IPTS untuk mengambil lebih ramai pelajar. Ini memang satu dasar yang baik juga. Tetapi setakat ini nampaknya ada bilangan graduan daripada IPTA yang tidak dapat kerja, tidak dapat kerja. Adakah Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran ini akan mempertimbangkan, melatih graduan-graduan ini kerana tidak dapat kerja, misalnya di dalam tempoh bulan Januari sampai bulan September tahun ini ada kekosongan pekerja hampir 90,000 tetapi tidak ramai graduan yang dapat kerja ini. Saya pun hairan juga sebab seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, firma-firma yang besar-besaran seperti Motorola, mereka tidak berminat dengan graduan. Mereka pilih pelajar-pelajar yang lepasan kolej sebab menurut pengalaman mereka lebih senang untuk melatih dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Latihan Kemahiran itu memang akan membantu firma-firma ini untuk melatih lebih ramai tetapi kita tinggalkan graduan-graduan IPTA dan juga IPTS. Saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan apakah yang hendak kita buat untuk memberi peluang kepada graduan-graduan IPTA ini.

Saya pernah sebutkan dan saya akan berulang mengenai kualiti graduan kita kerana ianya berkaitan, kerana kalau standard atau kualiti graduan kita tidak begitu baik, tidak cocok dengan standard antarabangsa, kita akan menghadapi kesusahan. Saya pernah ada dengar orang yang kata kita tidak payah kuarir, tidak payah takut asalkan dimasukkan ke universiti sudahlah, kita boleh latih mereka. Ini tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita mesti pilih siapa yang boleh masuk ke universiti, IPTA untuk dilatih supaya mereka dapat kerja apabila lepas daripada universiti dan siapa yang lebih sesuai untuk dilatih di kolej-kolej dan juga di skim SKK dan Skim Rangka Kerja Kelayakan Kemahiran dan sebagainya, itu menurut Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Pihak kementerian mestilah menggubalkan satu dasar atau satu garis panduan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan kerana saya nampak Kementerian Pendidikan sekarang dia cuma hendak adakan lebih ramai pelajar masuk ke IPTA ataupun itu lahir dari tugasnya, itu tidak salah cuma produknya. Bila dia lepas daripada manusia apa boleh buat kerana kualiti ada sesetengah tidak baik. Ini mesti kementerian bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengkaji bagaimana kita boleh memastikan graduan kita dapat kerja, dapat latihan yang cukup.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Sumber Manusia ada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dengan RM15 juta dan ini kita tengok. Tuan Yang di-Pertua, ada Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran RM500 juta. Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia RM15 juta dan kemudian kita ada Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran RM150 juta, bukan main, begitu banyak Tabung, begitu banyak Kumpulan Wang. Kita di sini pun sangat peka dan prihatin kepada apa yang dibuat oleh pihak kementerian kerana terlalu banyak Tabung dan prestasinya belum tahu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha pihak kementerian untuk memastikan bilangan tenaga mahir ini, saya mencadangkan mungkin kita lebih baik adakan satu pelan induk dengan tujuan untuk mengkaji secara menyeluruh bilangan tenaga mahir di semua peringkat yang diperlukan oleh negara kita kerana kalau kita hendak

mencapai satu tahap negara yang maju pada tahun 2020, kita mesti adakan pelan induk seumpama ini terutamanya pelan induk untuk ICT kerana di bidang ICT ini bidang komunikasi, internet dan sebagainya dengan adanya k-ekonomi, e-commerce dan sebagainya kita sangat kurang pekerja mahir ICT.

Saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ini kali yang keempat mengenai Bill Gate kerana memang satu tanda kejayaan kita. Salah satu sebab Bill Gate tidak berminat untuk melabur di MSC Malaysia ini saya percaya kerana kita tidak cukup pekerja mahir dan profesional ICT tidak cukup dan kalau dibanding dengan Singapura dan lebih ketara lagi dengan Bangalore, India, mereka memang mempunyai pekerja mahir yang ramai dan juga profesional ICT yang ramai. Di sinilah kalau kita hendak takrif lebih ramai orang seperti Bill Gate untuk melabur di Malaysia, kita mestilah mementingkan pembangunan kemahiran dan tekanan yang lebih yang diberikan untuk menghasilkan kesan positif ke atas pertumbuhan produktiviti kita.

Di dalam usaha untuk meningkatkan penawaran tenaga manusia mahir, jadi kita mestilah memastikan institusi-institusi latihan kita cukup, institusi-institusi latihan awam dan juga penglibatan sektor swasta yang lebih besar dalam latihan ini. Setakat ini, kita tengok ada institusi-institusi pengajian tinggi swasta, lebih 300 buah institusi-institusi pengajian swasta ini. Cuma saya hendak tekankan di sini bahawa kita melalui Kementerian Pendidikan juga kita mesti memastikan standard di dalam 300 buah IPTS ini untuk latihan kemahirannya adalah secocok dengan standard antarabangsa sebab, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada aduan mengenai standard di dalam institusi-institusi ini yang tidak cukup, yang tidak selaras dengan standard antarabangsa yang diperlukan.

Dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran ini, kita berharap permintaan latihan kemahiran yang semakin meningkat pembangunannya dan dengan pembesaran institusi-institusi yang telah saya sebutkan tadi bukan sahaja kursus kemahiran ringan tetapi juga kursus dalam bidang teknikal, kejuruteraan, komputer dan perisian komputer, mekatronik, teknologi laser dan pelbagai lagi teknologi dapat diadakan. Jadi kita perlulah mengukuhkan sistem penyampaian latihan kemahiran dan vokasional dan saya berharap ini boleh berasaskan permintaan yang secocok dengan keperluan industri yang akan bergantung kepada penyertaan sektor swasta yang lebih besar.

Saya akan mengakhiri ucapan saya kerana tidak sampai 40 minit dan saya pun letih juga hampir tiga bulan sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tetapi tidak puasa, kan? Ya Kepong, teruskan, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau hendak puasa dengan bulan yang suci ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bulan suci ini mementingkan kemahiran. Macam mana tidak mahu modal?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau tidak pernah cakap, cakaplah, cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, ya teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya boleh cakap, setengah jam lagi pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, cukup.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okaylah. cakap, cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, nak cakap pun boleh, misalnya kita boleh memastikan sumber yang ada digunakan secara optimum dan cekap institusi-institusi latihan dibenar mengadakan pengkhususan tertentu seperti di dalam perkhidmatan hospitality dan ketukangan berkaitan dengan pelancongan, kejuruteraan automatif dan percetakan dan sebagainya. Banyak lagilah hendak cakap setengah jam lagi pun tidak boleh habis. Tuan Yang di-Pertua hendak balik, kembali ke kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, saya tunggu...

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu? [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersama-samalah dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita hendak balik juga. Tetapi walau bagaimanapun, saranan saya untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh untuk mengadakan pelan induk bagi memastikan keperluan tenaga mahir di negara ini adalah perlu untuk kita mengambil berat mementingkan perkara yang sudah disebutkan tadi dan dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Batang Lumar.

4.50 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak bercakap sedikit juga. Alhamdulillah, pada petang ini orang sudah hendak habis bersidang, Yang Berhormat bagi Kepong nampaknya ada rasional sedikit, banyak percakapan dan perbincangan beliau boleh diambil kira dan amat bernas sekali pada petang ini. Mungkin selama ini sudah banyak mengeluarkan jerebu-jerebunya, petang ini alhamdulillah, baik juga. Jadi sebelum itu.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya pun hendak memuji Yang Berhormat bagi Kepong juga ini, sebab kadang-kadang pujian dan penghargaan ini datangnya daripada kita Barisan Nasional tetapi daripada parti DAP tidak ada. Ada jawatan yang baru dia beri kepada orang lain, dia tidak beri kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Batang Lumar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat bagi Rompin, sebenarnya dia sendiri hendak cakap ini, dia suruh saya cakap, tidak apalah saya boleh cakap. Kebiasaan yang berlaku memang macam itu. Di antara Yang Berhormat bagi Kepong ini saya ingat dia layak menjadi Setiausaha Agung DAP tetapi malangnya terlepas ke belakang pula. Orang baru pula naik, selepas itu hendak bertanding di Lunas pun tidak boleh dapat, PAS terajang ke belakang, balik juga. Sekarang di Sarawak berlaku juga. Bergaduh sama sendiri, tidak tahulah. Jadi Dato', kalau hendak cerita macam itu tidak habis, ini cerita usul Menteri Kewangan tidak sebut lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, usul.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Dato' sebelum itu saya mengucapkan selamat berpuasa dan kepada yang beragama Kristian, Selamat Hari Krismas akan datang dan juga selamat tahun baru dan kepada yang beragama Islam Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin kepada semua. Kadang-kadang kita bercakap di sini ada kasar sedikit tetapi kasar itu baik kata orang. Sayangnya anak pukul-pukulkan, jadi orang PAS pun anak-anak kita juga. Kita pukul-pukulkan sedikit sahaja, kalau salah kita maafkan mereka, walaupun perangai hari yang pertama itu tidak sedaplah Yang Berhormat bagi Pokok Sena ya, yang akan datang jangan buat macam itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, membezakan negara yang menjadi maju dalam apa-apa industri ialah guna tenaga kerja mereka. Umpamanya negara Jepun dan negara

Jerman, telah banyak mengeluarkan guna tenaga mahir, yang bertahap tinggi dan berkemampuan memberi sokongan kepada industri-industri yang ada di negara mereka. Begitu jugalah Malaysia pada masa sekarang, kita boleh melihat di negara Indo-China dalam Asean ini sendiri banyak negeri yang mana cost of labour, dengan izin, jauh lebih murah daripada Malaysia. Tetapi kalau negara Malaysia boleh mewujudkan guna tenaga mahir yang tinggi dan cekap, saya cukup percaya competitive age, dengan izin, negara Malaysia sentiasa dapat kita boleh pertahankan.

Jadi saya memuji tindakan kementerian bukan sahaja daripada belanjawan dahulu bahkan mewujudkan tabung ini seberapa cepat yang boleh dan dibuat ke Dewan pada hari ini sebelum kita mengatakan selamat petang pada petang ini. Insya-Allah, kita akan luluskan usul ini. Kita boleh sekali lagi mewujudkan satu tabung untuk membantu mereka yang mahu menjalankan latihan dalam segi kemahiran dan sebagainya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan kemahiran dalam abad ini adalah amat berlainan dengan kemahiran yang kita sebut pada abad dekad yang lepas. Pada dekad yang lepas kalau orang bercerita soal kemahiran, macam mana hendak pasang simen, bata dan sebagainya. Kemahiran pada ketika itu adalah amat fizikal, kemahiran yang mungkin dipelajari menerusi pekerjaan, menerusi pengalaman yang telah dialami dengan cara yang cepat dan ringkas di institusi-institusi yang tertentu. Tetapi pada masa ini soalan kemahiran ini adalah berlainan sedikit daripada apa yang kita alami pada sepuluh tahun lepas.

Jadi begitulah keadaannya yang akan datang sepuluh tahun daripada sekarang. Perubahan kemahiran ini walaupun masih menggunakan satu perkataan tetapi takrifan dan maknanya adalah berlainan sekali. Jadi dalam keadaan sedemikian pihak kementerian mestilah melihat juga kemahiran apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Saya membaca satu buku apa yang dikatakan 'rising of virtual stay', buku yang mengatakan apa coraknya industri di masa akan datang. Maknanya, soalan kemahiran dari segi sumber manusia yang membuatkan bekerja di kilang menggunakan apa-apa sahaja perkilangan mungkin tidak lagi menjadi satu perkara yang penting pada ketika itu. Tetapi guna tenaga manusia dalam erti kata services yang diperlukan pada ketika itu akan menjadi satu fakta yang mendatangkan sumber kewangan yang besar pada negara ini.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian pihak kementerian di masa melihat tabung ini hendaklah melihat juga sebagaimana Yang Berhormat bagi Kepong sebutkan tadi tetapi sejauh lebih daripada itu saya ingin meminta pihak kementerian supaya melihat peralihan ini, peralihan kepada keperluan guna tenaga manusia ini. Jangan melihat yakni latihan yang peringkat tahun ini tetapi melihat keperluan pada sepuluh tahun dan dekad yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, ada orang bercakap, macam ini, macam ini, saya faham juga ini. Berbuka puasa empat minit selepas pukul 7.00 kalau tidak salah semalam. Jadi kita boleh tunggulah sedikit.

Saya juga ingin menyentuh soalan graduan ini, pada masa sekarang ramai orang menyebut ramai graduan kita yang tidak bekerja. Kebanyakan graduan-graduan yang tidak bekerja ini adalah hasil daripada pengeluaran IPT dan IPTS yang semakin ramai. Nampaknya negara kita banyak mengeluarkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan bercakap, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Banyak graduan kita yang menganggur oleh kerana pengeluaran tidak menepati keperluan guna tenaga manusia. Universiti-universiti kita adalah mengeluarkan secara umum apa siapa sahaja pelajar di dalam apa bidang sekali universiti akan menerima layanan, akan diberi tempat di universiti sama ada swasta ataupun kerajaan. Jadi dengan keadaan yang sedemikian apabila mereka ini keluar daripada universiti tertentu, IPTS itu dengan sendirinya mereka yang tidak ada keperluan dalam industri itu nanti akan kehilangan tempat untuk bekerja. Jadi saya memohon kepada kementerian supaya mewujudkan satu skim latihan dan skim emplacement, dengan izin, supaya graduan ini tidak menjadi

frustrated group of people yang mungkin akan melawan kerajaan ataupun memandang rendah kepada kerajaan kerana kita tidak mewujudkan tempat untuk mereka bekerja.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila Timbalan Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang telah mengambil bahagian dalam usul penubuhan Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran ini. Ingin saya nyatakan di sini kalau kita lihat dari segi Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga Mid-Term Review yang telah pun kita bentangkan, pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh dua tahun pertama rancangan membolehkan pencapaian guna tenaga penuh. Meskipun kelembapan ekonomi berlaku pada tahun 1998, kadar pengangguran meningkat sedikit sahaja iaitu di bawah 3%.

Teras strategik pembangunan sumber manusia dalam tempoh akhir rancangan ini adalah untuk meningkatkan penawaran tenaga manusia mahir bagi menyokong penyusunan semula ekonomi negara ke arah intensif modal dan berasaskan pengetahuan. Di samping itu, usaha juga akan ditekankan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing supaya tidak terus kekal dengan aktiviti yang berintensifkan buruh dan berteknologi rendah. Dalam usaha mewujudkan tenaga kerja yang mahir lagi produktif, penekanan akan diberi terhadap peningkatan akses kepada pendidikan dan juga latihan berkualiti. Pelaburan akan terus dibuat dalam bidang pendidikan dan latihan untuk membaiki tahap pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Ini telah pun kita bincangkan dan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran ini adalah untuk menyahut seruan ini.

Perhatian akan ditumpukan juga kepada pengukuhan sistem penyampaian supaya sentiasa peka kepada keperluan ekonomi yang berubah-ubah. Bagi tujuan ini hubungan yang lebih erat di antara institusi pendidikan dan latihan dengan industri yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi akan dibuat dan selaras dengan itu pelaburan bagi meningkatkan keupayaan institusi pendidikan dan latihan dalam negeri akan dipertingkatkan dengan melibatkan sektor swasta yang lebih luas dalam bidang tersebut.

Ingin saya nyatakan di sini pada setiap tahun kita ada majlis-majlis dialog daripada Kementerian Sumber Manusia dan juga sektor swasta. Di situ kita akan dapat perancangan untuk membuat unjuran di masa akan datang. Selain daripada itu juga, kita ada satu sekretariat di EPU di mana kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dengan pengambilan guna tenaga dan juga IPTA dimasukkan sama untuk membuat unjuran-unjuran bagi lima tahun dan mid-term review yang berkenaan.

Suka saya nyatakan di sini daripada hasil dialog yang telah pun kita adakan pada 17 Ogos 2000, kajian semula undang-undang perburuhan sejajar dengan keperluan ekonomi patut diadakan. Satu kajian perlu dilakukan mengenai sumbangan impak pekerja asing kepada ekonomi negara, mengurangkan kes-kes tertanggung di Mahkamah Perusahaan. Ini telah pun diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Isu-isu perburuhan yang tertanggung seperti gaji minimum, gaji bulanan dan skim pemberhentian pekerja perlu segera diselesaikan, ini pun telah disentuh oleh menteri yang berkenaan.

Meningkatkan tahap penggunaan komputer IT di Malaysia sebagai persediaan ke arah k-ekonomi. Ini yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. kalau kita lihat satu bengkel misalnya, dahulu kita lihat bahawa dalam bengkel membaiki kereta misalnya kita nampak orang yang bekerja dengan penuh

minyak gris dan sebagainya, berlumuran dengan minyak-minyak tetapi sekarang ini bengkel kereta itu telah pun di'upgrade'kan di mana mereka boleh bekerja dengan hanya menggunakan komputer sahaja dan tahu masalah-masalah yang terdapat pada enjin kereta itu. Itulah yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi bahawa kerja-kerja yang berkenaan dapat ditingkatkan kepada suasana sekarang. Selain daripada itu, kita mewujudkan kerjasama rapat di antara Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Sumber Manusia (KSM) khususnya dalam soal pendidikan kemahiran bagi peluang tenaga manusia. Ini bermakna satu pelan induk perlu dibandingkan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memetik di sini yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) pelatihnya pada 2001- 2,240, pinjaman yang akan dibuat ialah sebanyak RM20,252,000 dan akhir sekali MARA, KBSM, KEPUN dan juga swasta akhir pada tahun 2005 kita akan dapat melatih sebanyak 167,123 orang dengan menelan belanja RM1.5 bilion.

Selain daripada itu, seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi kita ada dua tabung iaitu satu ialah HRDF dan satu lagi ialah mengenai tabung yang akan dianjurkan ini. HRDF kita ada peruntukan satu-satu iaitu satu levi daripada swasta dan satu daripada kerajaan dan dengan itu dapat kita melihat bahawa HRDF melatih orang yang telah bekerja dan sedang bekerja tetapi tabung yang kita akan wujudkan melatih orang yang belum bekerja lagi. Jadi ini perbezaan di antara dua tabung yang berkenaan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat tadi supaya dapat kita melihat balik kurikulum-kurikulum yang ada di IPTA supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak *labour market*, saya bersetuju tentang perkara ini. Jawatankuasa tadi yang ditempatkan di EPU sedang membuat perancangan seterusnya tiap-tiap lima tahun. Walau bagaimanapun, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Batang Lular apa yang selalu kita lakukan ialah apabila kita dapati belia-belua yang telah pun mendapat latihan daripada IPTA, graduan-graduan itu yang tidak mempunyai kerja kita akan masukkan balik (*retraining*) selama tiga bulan sebagai *appreciation course* dan sebagainya supaya ia dapat syllable, dia dapat memasuki kerja di market. Ini perkara yang penting selalu dilakukan oleh kerajaan.

Cuma sekarang ini kita ada dilema di antara kita hendak memenuhi hasrat *labour market* dan juga dilema di antara pusat pengajian tinggi yang hanya mengatakan bahawa masuknya seseorang itu ke pusat pengajian tinggi untuk mencungkil bakatnya untuk lebih banyak berfikir, mungkin lebih kritikal dan dapat ke satu tahap di mana pemikiran itu akan dapat diajukan, dibandingkan dengan kemahiran yang ada pada ketika ini hanya cuma kita rasakan kematangan.

Jadi, di sini ada dua, satu yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, pertamanya ialah mengenai tahap kemahiran di peringkat tangan, *skill hands on*. Ini yang dikatakan tadi tahap satu, tahap dua, tahap tiga. Tetapi tahap satu, tahap dua, tahap tiga bila sampai ke tahap empat, tahap lima dia boleh masuk ke universiti, UiTM dan sebagainya. Ini yang kita tiru latihan-latihan yang dibuat daripada Jerman supaya mereka dapat bersama-sama dari segi *hands skill* sampai juga ke peringkat universiti dan dari segi inter-agential pun dapat masuk ke universiti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) seksyen kecil (4), seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:-

'Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan
Kemahiran'

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) seksyen kecil (4), seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:-

'Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran'.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak maklumkan kepada Majlis iaitu saya telah pun diberitahu sekejap tadi iaitu kita perlu juga hendak meluluskan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 yang tertera di bawah Aturan Urusan Mesyuarat No. 4. Ini kerana banyak wang yang diperlukan untuk dibayar 'imbuh' kepada tentera-tentera kita. Jadi, kita perlulah, kalau tidak, kita tidak boleh bayar 'imbuh' istimewanya kepada mereka yang hendak berhari raya. Jadi, saya hendak kemukakan semula usul supaya diketepikan usul tadi supaya membolehkan kita membahaskan usul ini. Yang Berhormat, sila kemukakan usul.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua,

"Tanpa menghiraukan usul yang telah diluluskan sebentar tadi maka mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) bahawa Mesyuarat hari ini tidak ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan keputusan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 dan selepas itu mesyuarat ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan."

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang telah pun dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dikemukakan untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih di atas persetujuan Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan rang undang-undang pindaan Akta LTAT ini dibahaskan pada sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta LTAT kali ini merangkumi tiga bahagian, iaitu perluasan keahlian LTAT kepada anggota kerahan Angkatan Tentera Malaysia, perluasan bidang dan skop pelaburan dan penambahan faedah kepada pencarum dalam bentuk pemberian amanah saham secara percuma. Tujuan pindaan berkenaan kelayakan keahlian adalah untuk membolehkan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela (AKAS) sepenuh masa menjadi pencarum sukarela LTAT yang sekali gus

mbolehkan mereka menikmati faedah-faedah dari LTAT dan faedah-faedah PERHEBAT sama seperti yang dinikmati kepada anggota tetap ATM.

Faedah-faedah ini adalah meliputi faedah LTAT yang diterima oleh pencarum sukarela LTAT termasuk dividen dan bonus atas caruman, faedah khairat kematian dan hilang upaya dan lain-lain faedah yang dikenal pasti dari masa ke semasa dan juga faedah yang diberikan oleh PERHEBAT yang berkaitan dengan latihan di pelbagai bidang pembangunan sosioekonomi dan program-program kebajikan atau lain-lain faedah yang disediakan. Ahli AKAS boleh menerima faedah-faedah sampingan PERHEBAT dengan syarat mereka memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 202 Akta Angkatan Tentera 1972 dan juga mereka berkhidmat sebagai Anggota Kerahan di bawah subseksyen 201(3) Akta Angkatan Tentera 1972. Mereka hendaklah telah berkhidmat pada ataupun selepas 1 Ogos 1972 dan telah berkhidmat selama 9 tahun secara berterusan.

Peranan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela dalam aspek keselamatan negara tidak boleh dinafikan. Anggota Kerahan ini tidak menerima ganjaran yang setimpal seperti rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan tetap Angkatan Tentera. Justeru itu, adalah wajar jika kebajikan mereka diberikan perhatian melalui faedah-faedah LTAT. Jika pindaan akta ini diluluskan, seramai lebih kurang 6,000 Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang dikerah pada masa ini akan menikmati faedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan semasa di persekitaran pasaran kewangan telah menjurus kepada penggunaan sistem teknologi maklumat terkini yang mencerminkan kecanggihan sistem urus niaga berkomputer. Peredaran ini telah juga membawa perubahan ketara kepada pengenalan instrumen-instrumen kewangan baru yang boleh diniagakan dan bidang pelaburan baru yang mampu memberi pulangan yang lebih tinggi. LTAT berhasrat untuk merebut peluang menyertai bidang-bidang baru dalam aktiviti pelaburannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tujuan yang ketiga ialah cadangan pemberian unit-unit amanah saham kepada pencarum-pencarumnya secara percuma dari masa ke semasa adalah berdasarkan kepada prestasi pencapaian dan keuntungan LTAT yang sangat baik di tahun-tahun yang terdahulu. LTAT mampu memberikan faedah yang lebih baik kepada pencarum-pencarumnya selain pemberian dividen dan bonus yang tinggi kepada pencarum-pencarumnya. LTAT telah mengenal pasti bahawa pemberian unit-unit amanah saham kepada pencarum-pencarumnya akan memberikan kesan yang baik di samping ia dapat menanamkan semangat menabung dan melabur di kalangan warga tentera, ia juga dapat membantu pembangunan industri amanah saham di negara ini. Walau bagaimanapun, faedah ini akan diberikan berdasarkan keuntungan dan prestasi kewangan LTAT.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sukacita saya bagi pihak LTAT mengumumkan bahawa pemberian unit amanah saham secara percuma kepada pencarum-pencarum di kalangan anggota-anggota ATM adalah pada kadar 5% bagi tahun 1996, 4% bagi tahun 1997 dan 3% masing-masing bagi tahun 1998 dan 1999 dan tahun 2000. Dengan pengumuman ini maka jumlah pembayaran unit amanah saham secara percuma adalah sebanyak 18% dan ini melibatkan pembayaran kepada pencarum-pencarum sebanyak 205.34 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya keputusan ini akan memberi banyak rahmat dan kelegaan kepada anggota-anggota tentera kita. Saya percaya kelulusan yang diberikan kepada pindaan Akta LTAT ini akan menambahkan lagi daya juang mereka dan sekali gus meninggikan lagi apresiasi rakyat kepada peranan ATM dalam menentukan kesejahteraan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Pokok Sena.

5.13 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang membentangkan pindaan rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan peruntukan ataupun pindaan yang baru ini, iaitu untuk memasukkan golongan Anggota Kerahan Sukarela sebagai pencarum dan melayakkan mereka mendapat faedah-faedah tertentu. Saya menyokong penuh cadangan ini kerana saya kira bahawa tugas mereka golongan Pasukan Kerahan Sukarela ini lebih kurang sama dengan pasukan anggota tentera yang tetap untuk menjaga keamanan negara kita.

Cuma saya sentuh sedikit tentang Fasal 6 subseksyen 10(1) iaitu hanya meletakkan mereka sebagai pencarum sukarela. Saya kira bahawa adalah lebih wajar jika mereka ini diletakkan sebagai pencarum wajib, sebab di kalangan mereka juga ada yang berkhidmat yang mana jumlah tahun khidmat itu sama dengan anggota tentera yang biasa. Anggota tetap ada yang berkhidmat sampai 21 tahun dan sebagainya. Jadi, oleh sebab itu, demi untuk kepentingan masa depan hari tua mereka adalah lebih wajar untuk diletakkan sebagai pencarum yang tetap.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada Tabung ini sendiri. Tabung ini saya difahamkan merupakan EPF kepada tentera ataupun KWSP kepada tentera. Seperti mana anggota perkhidmatan awam ataupun swasta ia ada EPF. Bagi tentera maka inilah yang diletakkan sebagai KWSP iaitu di mana potongan caruman pekerja daripada tentera sendiri sebanyak 10% dan daripada kerajaan sebanyak 15%. Yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kita melihat bahawa pengorbanan tentera itu sangat tinggi untuk memastikan keamanan dan kesejahteraan kehidupan rakyat dan negara. Sewajarnya lebih banyak insentif untuk tentera dan terima kasih pengumuman yang dibuat tadi iaitu pemberian unit amanah saham secara percuma kepada tentera, itu sebagai satu insentif untuk mengelak - saya kira bahawa insentif yang lebih ini untuk mengelak daripada berlakunya kegawatan anggota tentera.

Sebab saya difahamkan sekarang ini bahawa satu tahun purata pemberhentian sama ada persaraan ataupun pemberhentian biasa ini antara 4,000 ke 5,000 tentera, sedangkan kemasukan anggota tentera yang baru hanyalah sekitar dalam 2,000 atau 3,000 sahaja, dan ini sudah tentulah akan mendatangkan masalah kegawatan tentera, dan pemberhentian mereka ini juga ada kaitan dengan mereka melihat bahawa kurangnya insentif sebagai satu galakan untuk mereka lebih berdaya juang semangat waja untuk mempertahankan negara kita ini. Jadi, oleh sebab itu, saya kira bahawa perlu diperbanyakkan insentif ini termasuklah cadangan yang pernah saya cadangkan dalam perbincangan dasar belanjawan baru-baru ini iaitu pencen tentera mestilah berbeza dengan perkhidmatan awam yang lain, iaitu saya mencadangkan 70% kerana risiko kerja mereka sangat tinggi kerana mereka hendak menjaga keselamatan negara kita kalau berlaku huru-hara. Ini pula kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hari ini menghasut orang Melayu supaya bersiap sedia dan menghadapi kemungkinan orang Cina hendak mengambil hak Melayu dan sebagainya.

Saya kira bahawa kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat bagi Jelebu ini satu kenyataan yang boleh menggugat keselamatan dalam negara kita yang terus akan mengheret tentera untuk memastikan kawalan keselamatan ini. Di samping saya minta pihak polis mengambil tindakan yang wajar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sewajarnya insentif yang lebih harus diberikan kepada anggota tentera. Jadi, oleh sebab itu, dalam caruman ini saya difahamkan sudah ada satu memorandum yang dibuat oleh pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia kawasan Merbok, iaitu kawasan Menteri Kewangan dan juga beberapa memorandum yang dibuat kepada Perdana Menteri, juga kepada Yang Berhormat Dato' Sri sendiri selaku Menteri Pertahanan yang dibuat berkaitan dengan pencen hilang upaya.

Tetapi yang saya hendak sentuh ialah berkaitan dengan soal caruman mereka di mana mereka tidak berpuas hati. Saya melihat sendiri berdasarkan kepada penyata yang ada ini di mana saya kira bahawa prosedur yang ada dalam Tabung Angkatan Tentera ini harus diperbaiki supaya keadilan dapat diberikan kepada anggota tentera khususnya bagi mereka yang berkhidmat sehingga 21 tahun iaitu mereka pencen, di mana kalau mengikut skim KWSP bila seorang itu pencen, caruman dia dapat, hak yang dia pun dia dapat, caruman kerajaan, majikan pun dia dapat sepenuhnya. Tetapi di dalam Tabung Angkatan Tentera Malaysia ini seseorang yang berkhidmat sehingga 21 tahun itu iaitu cukup umur persaraan wajib ini dia hanya layak untuk mengeluarkan caruman dia sahaja tetapi caruman kerajaan tidak layak untuk dikeluarkan.

Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera iaitu yang dibuat oleh Pengerusi atau Presidennya bila dibangkitkan tentang caruman kerajaan untuk mereka yang sudah bersara 21 tahun ini, wang sumbangan kerajaan itu disebut "caruman kerajaan" itu dikembalikan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen untuk membayar pencen tentera. Saya kira ini adalah satu yang tidak tepat ataupun tidak adil kerana bagi yang berkhidmat dalam sektor awam yang lain mereka dapat mengeluarkan pencen mereka ataupun caruman mereka dan juga caruman majikan, caruman kerajaan, kerajaan akan terus membayar pencen kepada mereka. Kerajaan akan terus membayar pencen kepada mereka melalui wang daripada tabung wang yang lain. Sedangkan di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini caruman kerajaan untuk mereka yang berkhidmat 21 tahun tidak dibenarkan keluar kerana itu akan diguna untuk membayar pencen mereka.

Saya ada penyata di sini seorang pesara tentera di samping beliau merupakan pesara hilang upaya, dia bertemu dengan saya, kakinya kudung, hanya yang ada setakat lutut sahaja, beliau antara 250 orang yang terlibat dalam peristiwa Gube beberapa puluh tahun yang lalu, iaitu Ismail Sulaiman daripada 19 Melayu Diraja. Caruman beliau pada tahun 1997, pada tahun dia telah tamat cukup 21 tahun, caruman dia ialah RM34,439.54. Caruman kerajaan ialah RM57,470.88. Ini bermakna bahawa dia tidak layak untuk menerima RM57,000 caruman daripada kerajaan. Saya kira adalah malanglah bagi dia apabila dia juga merupakan seorang yang hilang upaya untuk hendak mencari makan dan sebagainya, tiba-tiba RM57,000 satu jumlah yang sangat besar. Sebab itu ada rayuan daripada isteri-isteri kepada mereka yang pencen hilang upaya ini. Apatah lagi pula pencen hilang upaya hanya dibayar berdasarkan kepada nilai yang dibayar sekarang ini terlalu rendah. Ada yang dapat antara RM80 hingga RM180 sebulan, itu yang pencen hilang upaya dan kenaikan yang diumumkan 40% baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri menjadikan orang yang dapat RM80 tambah lagi RM32 jadi RM112 sahaja. Saya kira bahawa dengan pengorbanan mereka yang terlalu besar adalah tidak wajar untuk kerajaan membiarkan keadaan seperti ini berterusan. Oleh sebab itu, satu peraturan baru dari sudut caruman untuk keluar wang caruman ahli dan juga kerajaan ini harus diperbetulkan supaya wang caruman kerajaan juga mesti membolehkan mereka untuk mengeluarkan wang caruman kerajaan dan wang pencen mereka hendaklah dibayar menggunakan wang yang lain.

Saya tunjuk contoh kepada Yang Berhormat bahawa untuk golongan kerahan tenaga ini sebagai pencaerum sukarela, ada di kalangan mereka saya difahamkan mungkin berkhidmat sampai 21 tahun. Tetapi oleh kerana mereka bukan anggota yang tetap yang tidak berpencen, lalu bagi anggota yang tidak tetap dan tidak berpencen ini mereka boleh mengeluarkan kesemua sama ada caruman mereka sendiri ataupun caruman kerajaan. Jadi, sudah tentulah untung bagi orang yang tidak sebagai status tetap, tetapi sebaliknya mereka boleh mengeluarkan wang caruman termasuk wang caruman kerajaan sedangkan anggota tetap yang mereka berkhidmat selama 21 tahun mereka tidak boleh mengeluarkan caruman daripada kerajaan.

Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa adalah amat wajar untuk memastikan supaya pemberian ini harus dilakukan secara yang adil dan begitu juga dengan insentif-insentif yang lain termasuklah apa yang saya sebutkan tadi ialah soal pencen hilang upaya. saya menuntut supaya ianya dibayar berdasarkan seperti mana yang dibuat oleh PERKESO iaitu berdasarkan kepada tangga gaji akhir sewaktu ia berhenti ataupun

sekarang-kurangnya ialah berdasarkan kepada nilai yang mesti diubah daripada kesakitan ataupun hilang upaya, ia bukan berdasarkan kepada peratus yang ada sekarang iaitu antara 20% ataupun ke-40% yang saya kira ini nilai yang ditinggalkan oleh zaman penjajah.

Jadi, oleh sebab itu harus diperbetul dan diperbaiki untuk menjaga kepentingan kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri bersetuju untuk menerima rang undang-undang ini untuk kepentingan anggota tentera, saya merayu kepada pihak kerajaan demi untuk masa depan anggota tentera kita, berilah sesuatu yang lebih baik untuk mereka, janganlah menzalimi mereka seperti mana yang berlaku sekarang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua dan Selamat Hari Raya dan Selamat Tahun Baru reformasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Bukit Bintang.

5.18 ptg.

Tuan Fong Kui Lum [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membahaskan Rang Undang-undang bernama Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 bagi meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 Mengenai beberapa perkara yang ada berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya menyokong cadangan pindaan yang dibentangkan melalui rang undang-undang ini kerana ia memberi pengiktirafan kepada anggota tentera yang berkhidmat secara sukarela kemudian ditetapkan dalam jawatan. Ini bererti Askar Wataniah secara kontrak dan tidak tetap dalam jawatan boleh dianggap sebagai anggota sementara Angkatan Tentera. Ini seolah-olah kerajaan memandang rendah Askar Wataniah yang tidak tetap dengan tidak mengiktiraf kedudukannya. Pada hal mereka telah berkhidmat dan berjuang menyabung nyawa untuk mempertahankan tanah air. Seperti yang sudah-sudah Askar Wataniah tidak diberikan pencen selepas tempoh perkhidmatan tamat, mereka dibayar sagu hati sahaja. Setelah wang sagu hati habis dipakai, bekas tentera telah hilang punca pendapatan manakala anggota tetap menikmati kemudahan-kemudahan termasuk pencen bulanan setelah bersara pada hal antara mereka sama umur dan sama lama berkhidmat. Itulah sebabnya kita lihat ramai bekas tentera merasa mereka dipinggirkan oleh kerajaan. Mahu tidak mahu mereka terpaksa meneruskan kehidupan sebagai pemandu teksi, pekebun, penjaja dan menjadi pengawal keselamatan bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada rang undang-undang ini yang dipersetujui untuk memperluaskan Tabung Angkatan Tentera supaya meliputi anggota ditetapkan dalam angkatan sukarela, saya berharap tabung ini dapat meliputi anggota tetap dalam angkatan sukarela supaya mereka juga mendapat kemudahan yang disediakan. Oleh kerana rang undang-undang ini mencadangkan kuat kuasa kebelakangan iaitu bermula 1 Ogos 1972, maka segala kemudahan di bawah tabung ini hendaklah dibayar kepada pesara-pesara tentera. Ini bererti anggota tentera simpanan sementara yang tidak tetap dan telah ditetapkan berhak mendapat tunggakan faedah yang disediakan dan terdapat dalam Tabung Angkatan Tentera.

Kisah kehidupan bekas tentera yang hidup susah melarat dan terpaksa memikul tanggungan anak-anak bersekolah sudah banyak dipapar oleh media untuk merayu simpati rakyat Malaysia tetapi berapa ramaikah rakyat kita yang ada hati dan simpati dengan penderitaan mereka. Dengan sebab itu saya tertarik dengan usaha PERHEBAT mengumpulkan maklumat bekas tentera seluruh negara melalui siaran iklan soal jawab yang perlu dihantar oleh bekas tentera sejak beberapa bulan lalu dan saya tidak tahu apakah hasil perkembangan ini, sama ada mendapat sambutan atau tidak.

Bantuan kerajaan kepada PERHEBAT pula hendaklah digunakan sebaik-baiknya dan diurus dengan betul dan tidak disalahgunakan. Jika tidak, faedah yang

dirancang untuk bekas tentera hanya 'indah khabar dari rupa' sahaja, tidak sampai kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian kerana dalam Laporan Tahunan Tabung Angkatan Tentera 1998 mendapati PERHEBAT telah memindahkan sejumlah RM13.08 juta dari baki Kumpulan Wang Skim Pinjaman Pembangunan Usahawan Bekas Tentera pada akhir tahun 1997 ke dalam Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pembangunan Aset tetapi baki menampung defisit sebanyak RM2.87 juta dalam Kumpulan Wang Mengurus dan RM10.21 juta dalam Kumpulan Wang Pembangunan Aset Tetap.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Ketua Audit Negara menyebut bahawa tindakan PERHEBAT menggunakan dana Kumpulan Wang Skim Pinjaman Usahawan bagi menampung defisit dalam Kumpulan Wang Mengurus adalah bertentangan dengan tujuan asal geran diberi oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan ini menyebabkan ramai bekas tentera yang memohon pinjaman Tabung Usahawan ini dinafikan hak mereka. Bagaimana pula Laporan Tahun 1999 yang belum dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, apakah masih terdapat kelemahan ini berterusan.

Kementerian hendaklah bertegas bahawa semua geran yang dikeluarkan untuk membangunkan usahawan bekas tentera hendaklah digunakan sepenuhnya dan jangan membiarkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan dari geran yang diberikan.

Saya juga ingin menyebut di sini bahawa kerajaan hendaklah juga menjaga kebajikan dan membantu bekas-bekas tentera British yang pernah berkhidmat sebelum kemerdekaan yang masih hidup. Kesemua mereka sudah tua dan tidak ada bantuan atau pencen diberikan kepada mereka. Kebanyakan mereka bergantung hidup daripada ihsan anak-anak sedangkan mereka pernah berkhidmat untuk negara ini.

Begitulah juga kepada bekas-bekas Home Guard yang pernah berkhidmat semasa negara diancam komunis. Mereka itu juga wajib dibantu kerana perkhidmatan mereka bukan kecil. Kumpulan mereka ini perlulah dikumpulkan dan dibantu kerana mereka merupakan pejuang-pejuang negara yang sudah dilupakan oleh generasi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut di sini mengenai kekecewaan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia kerana kurangnya sambutan terhadap Rayuan Hari Pahlawan yang diraikan setiap tahun. Sumbangan banyak diderma daripada pelajar-pelajar yang mengetepikan wang saku sekolah mereka semata-mata untuk menderma kepada Rayuan Hari Pahlawan, walaupun kecil tetapi orang ramai yang kini hidup selesa dan bekerja dengan menghulurkan derma untuk Rayuan Hari Pahlawan, apatah lagi syarikat perniagaan dan korporat yang kurang menyumbang kepada Rayuan Hari Pahlawan.

Saya rasa bukan kerana mereka enggan menderma tetapi cara mengutip derma tidak kena. Selain menyiarkan iklan dalam media massa kutipan di sekolah-sekolah tetapi tidak ada kutipan bergerak antara orang awam yang dijalankan. Malangnya sukar bagi orang ramai untuk menderma semata-mata RM1 atau RM2 tetapi jika ada gerakan menderma saya fikir persatuan boleh mengumpul banyak wang untuk membantu bekas-bekas perajurit. Saya juga berharap bekas-bekas perajurit hendaklah diberikan keutamaan dalam memohon pekerjaan kerana mereka telah ada kemahiran dan berdisiplin ataupun memohon ruang untuk berniaga, memohon lesen penjaja kedai ataupun teksis.

Baru-baru ini kementerian mengumumkan kenaikan wang pencen bagi pesara tentera yang hilang upaya kepada RM400 yang mana sebelum ini kadar pencen rendah dan tidak diselaraskan. Bagi saya, kadar RM400 masih rendah dan tidak mencerminkan kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang. Apakah kadar RM400 yang boleh dibuat oleh sebuah keluarga besar tentera yang hilang upaya semasa bertugas untuk membayar sewa rumah, membayar makanan, persekolahan anak-anak. Kadar ini perlu

disemak lagi dan dinaikkan kepada kadar yang selaras dengan anggota lain ataupun pesara berupaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ingatan, memandangkan LTAT sentiasa menerima sokongan kerajaan dengan bantuan kewangan yang dihulurkan dari masa ke semasa dan peningkatannya: jumlah caruman anggota tentera tetapi pihak pengurusan LTAT dan panel pelaburan hendaklah berhati-hati dalam menentukan pelaburan. LTAT hendaklah mengambil pekerja kumpulan profesional yang mahir dalam selok-belok ekonomi pelaburan supaya setiap sen daripada titik peluh anggota tentera dilaburkan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Contoh dari laporan LTAT tahun 1998 mendapati penyata harian tunai dari aktiviti pelaburan bahawa sebanyak RM175,920,000 dicatatkan sebagai tolakan atau kerugian dan dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan mendapati butiran merosot nilai pelaburan RM13,946,000.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tekankan di sini bahawa pelaburan LTAT hendaklah berhati-hati dan jangan terperangkap dalam saham-saham spekulatif dan berupaya hidup dan berdaya saing syarikat-syarikat yang dilabur. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

5.40 ptg.

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan pindaan Rang undang-undang Tabung Angkatan Tentera 1973 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tabung Angkatan Tentera sebagaimana yang telah dinyatakan telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1972 melalui Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Di samping itu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) juga ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan di bawah akta itu untuk mengurus maksud Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa LTAT diwujudkan mempunyai dua objektif. Objektif utama - mengadakan faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk anggota Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat, anggota lain-lain pangkat melalui pencaruman wajib serta mewujudkan satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai Angkatan Tentera melalui pencaruman sukarela.

Objektif kedua - berkaitan dengan faedah bagi anggota Angkatan Tentera yang sudah bersara atau yang hampir akan bersara melalui pelaksanaan program-program penggalakan pembangunan sosioekonomi dan kebajikan yang bermutu tinggi secara menyeluruh demi untuk kesejahteraan masa hadapan anggota-anggota Angkatan Tentera dan juga bekas anggota Angkatan Tentera.

Walau apa pun andaian sama ada yang negatif mahupun yang berbentuk teguran yang membina adalah jelas bahawa LTAT telah dapat memainkan peranan sebagai sebuah organisasi berwibawa yang boleh dicontohi oleh badan kerajaan dan korporat yang lainnya terutama dari segi penyediaan faedah-faedah persaraan kepada anggota tetap Angkatan Tentera.

Namun demikian, kita merasakan di dalam akta sebelum ini terdapat sedikit kekurangan dari segi skim faedah yang boleh dinikmati oleh anggota-anggota kerahan angkatan sukarela.

Pertama, tertentu seperti anggota Askar Wataniah - Askar Wataniah merupakan badan sukarela yang menjadi Angkatan Simpanan Tentera Darat Malaysia sebagai benteng kedua dalam mempertahankan negara kita yang tercinta ini. Penyertaan mereka juga dalam benteng pertahanan negara merupakan satu sumbangan murni dalam menyahut seruan ibu pertiwi sesuai dengan konsep *Hanroh* yakni

pertahanan menyeluruh ataupun *total defence*, dengan izin, sebagaimana yang ditetapkan dalam Dasar Pertahanan Negara.

Peranan Askar Wataniah mempunyai misi yang sama dengan angkatan tetap, namun begitu peranan yang dimainkan oleh Askar Wataniah adalah berbeza. Antara lain peranan Askar Wataniah adalah untuk mengordinasikan, dengan izin, angkatan tetap supaya dapat berganding dan bersama-sama dengannya mewujudkan paras kekuatan yang diperlukan untuk mempertahankan kepentingan strategik negara di masa darurat ataupun perang.

Askar Wataniah juga dari segi peranannya akan membantu angkatan tetap dalam operasi keselamatan. Dalam hal ini ia mestilah bersedia untuk dimobilisasikan dan diaturgerak bila keadaan memerlukan. Begitu juga anggota Askar Wataniah akan memberikan bantuan segera dan kerjasama dengan pihak berkuasa awam terutama apabila menghadapi bencana alam dan kecemasan awam yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan di dalam rang undang-undang ini begitu jelas akan memberikan keistimewaan kepada semua anggota kerahan angkatan sukarela (AKAS), agar dapat menikmati faedah-faedah yang akan disediakan oleh PERHEBAT sebagaimana yang diperolehi oleh angkatan tetap. Di samping itu, mereka juga diberi peluang untuk menjadi pencharum sukarela kepada tabung Angkatan Tentera. Selama ini mereka tidak mengecapi segala faedah-faedah yang terdapat dalam PERHEBAT. Mereka juga tidak berhak untuk mencarum dalam Skim Tabung Angkatan Tentera, sedangkan tugas-tugas dan peranan mereka dalam mempertahankan negara banyak persamaannya dengan angkatan tetap yang lainnya.

Selain daripada memberi beberapa skim insentif dalam Tabung Angkatan Tentera, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat membangunkan secara lebih efisien pasukan Askar Wataniah di negara ini. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun untuk mencapai matlamat sebuah negara maju menjelang tahun 2020, saya merasai betapa perlunya kita membangunkan dengan lebih mantap struktur dan operasi pasukan Askar Wataniah. Untuk itu setiap pihak dan rakyat perlu memainkan peranan di dalam pembangunan dan pertahanan negara dan hendaklah menjadikan sebagai sebahagian daripada aktiviti masyarakat.

Usaha bersungguh-sungguh yang diambil oleh pihak Kementerian Pertahanan menubuhkan pasukan Askar Wataniah ini di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara amatlah tepat sekali dan perlu diberikan sokongan oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik. Maruah negara ini hanya dapat dipertahankan oleh rakyat yang mencintai negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan menerusi pindaan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera ini akan dapat mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara dengan penyertaan seluruh rakyat yang setia dan mencintai negara. Begitu juga dengan segala langkah yang diambil untuk meluaskan penyertaan Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain pelaburan di negara ini merupakan satu langkah alternatif ke arah meneruskan dasar dan strategi untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penambahan pemberian faedah kepada pencharum-pencharum Tabung Angkatan Tentera dengan memberikan unit-unit amanah atau *unit trust*, dengan izin, sebagai faedah tambahan kepada pencharum LTAT dengan sendirinya sejumlah 3,616 orang anggota-anggota kerahan angkatan sukarela yang telah dan sedang berkhidmat sekurang-kurangnya 9 tahun dan ke atas atau 54.1% daripada semua 6,686 anggota kerahan angkatan tentera sukarela yang sedang berkhidmat pada masa ini akan dapat menikmati faedah-faedah ini.

Begitu juga dengan membenarkan Lembaga Angkatan Tentera (LTAT) menyertai dalam lain-lain pelaburan di negara ini dengan sendirinya akan memberi peluang keemasan kepada LTAT untuk merebutkan peluang kepada instrumen-

instrumen kewangan yang baru yang boleh diniagakan dan mampu memberi peluang yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, selama tujuh tahun yang lalu, LTAT telah menunjukkan prestasi pencapaian dan keuntungan yang sangat baik. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 1993 sehingga 1999 ialah seperti berikut:-

Tahun	RM (juta)
1993	463.7
1994	721.7
1995	889.9
1996	1023.6
1997	631.6

Walaupun di dalam kegawatan ekonomi, keuntungan yang dicapai seterusnya ialah 1998 RM438.6 juta dan 1999 RM32 juta, jelas membuktikan betapa kukuhnya pendapatan LTAT di dalam persaingan komersial yang memungkinkannya LTAT juga layak untuk menyertai skim pelaburan dan juga bertanggungjawab untuk memberi unit amanah saham sebagai faedah tambahan kepada semua pencarumnya. LTAT sebenarnya mampu memberi faedah yang lebih baik selain pemberian dividen dan bonus yang tinggi kepada pencarumnya.

Dengan pemberian unit-unit amanah kepada pencarum-pencarumnya, tidak bermakna LTAT akan berhadapan dengan risiko kerugian malah sebenarnya ini merupakan satu insentif yang sungguh bermakna bagi menanamkan semangat menyimpan dan melabur di kalangan warga tentera di samping dapat membantu pembangunan industri amanah saham dan perniagaan di negara ini.

Saya menjangkakan LTAT akan dapat meneruskan pertumbuhan yang dinamik dan progresif dalam semua kegiatannya. Di samping itu asas pokoknya LTAT ditubuhkan ialah untuk menguruskan tabungan pencarum dan aset-aset yang diamanahkan kepadanya dengan cara yang paling berkesan dan cekap supaya dapat memberi pulangan yang terbaik mungkin serta melindungi nilai dananya.

Saya juga berharap supaya LTAT akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan terus mengenal pasti serta wujudkan kaedah-kaedah baru untuk caruman yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan iaitu memberi unit-unit amanah, unit trust dengan percuma. Dengan itu, saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Menteri Pertahanan bagi pihak LTAT untuk memberi saham unit amanah secara percuma dan saya pasti hadiah yang istimewa ini akan dihargai oleh semua yang terlibat. Ini sekali gus menunjukkan keprihatinan kerajaan dan LTAT terhadap hal-ehwal angkatan tentera.

Akhirnya saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan tanpa berbelah bagi di atas pindaan ke atas rang undang-undang yang dibentangkan oleh pihak Kementerian Pertahanan ini. Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.49 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, jarang-jarang sekali dalam perbahasan di Dewan ini, di mana parti pembangkang dan anggota *back benches* kerajaan bersependapat [*Tepuk*] Dan nampaknya dalam isu kebajikan anggota-anggota tentera, kita dapat melahirkan pendirian *by partisan* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua di mana anggota parti pembangkang dan juga anggota kerajaan bersependapat bahawa kebajikan anggota tentera harus diperjuangkan dengan bersungguh-sungguh. Ini merupakan pendirian

kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan di mana langkah kita membentangkan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan langkah dalam perjalanan yang lebih jauh sebenarnya.

Ini beberapa langkah yang diumumkan tadi merupakan langkah *interim measures* sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya anggota kerahan sukarela yang dikerahkan mendapat faedah daripada PERHEBAT dan juga dibenarkan membuat pencaruman secara sukarela ini merupakan langkah *interim* Tuan Yang di-Pertua, di mana sebenarnya kementerian sedar bahawa berbeza dengan anggota tetap, di mana ada komponen sumbangan kerajaan sebanyak 15%, mereka pada masa ini tidak akan menerima tetapi ada di dalam pemikiran kementerian untuk memperjuangkan perkara ini dan kita sedang merumuskan satu pakej Tuan Yang di-Pertua, yang lebih baik untuk anggota-anggota tentera kita termasuk mengkaji syarat-syarat perkhidmatan dalam semua aspek. Satu perbincangan percambahan fikiran secara intensif telah diadakan di peringkat Kementerian Pertahanan dan beberapa ketetapan telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal bagi saya hendak melahirkan di dalam Dewan ini apa langkah-langkahnya kerana ia memerlukan rundingan dengan Kementerian Kewangan kerana melibatkan aspek perkhidmatan, pencen dan sebagainya. Namun demikian, salah satu daripada perkara yang kita lihat ialah untuk memberi moral dan memberi faedah yang lebih baik ialah mata gaji ataupun tangga gaji tentera itu agak tidak terlalu panjang. Misalnya kalau mereka berpangkat Koperal, tidak boleh naikkan ke pangkat Sarjan, sekurang-kurangnya ada kenaikan tiap-tiap tahun yang dapat difikirkan oleh kerajaan. Inilah di antara cebisan gambaran awal yang boleh saya berikan di dalam kajian terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang akan diperjuangkan oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Dato' Menteri ada menyebut tentang bahawa kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan tentang skim gaji, tempoh perkhidmatan dan sebagainya untuk menentukan juga ada kemungkinan pembayaran balik caruman kerajaan itu kepada mereka. Saya tidak pastilah sama ada keputusannya nanti bagaimana bentuknya tetapi adakah nanti, jika keputusan hasil kajiannya nanti memang wajar untuk dibayar balik, maknanya caruman kerajaan itu memang mesti diberi kepada anggota tentera, bagaimana mereka yang telah berpencen lama ini, yang sudah hilang macam yang saya sebut tadi, 57,000. Adakah kerajaan bersedia pada waktu itu untuk membayar balik 57,000 kepada mereka yang sudah pun bersara setelah beberapa tahun sebelum daripada ini.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita akan membuat ketetapan bila sampai pada masanya. Sebab perkara pencen ini, perkara yang sensitif melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Ia tidak boleh dibuat dalam keadaan yang tergesa-gesa [*Tepuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu, satu Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Menteri ini. Apa masalahnya? Kenapa ada perbezaan yang sebegini rupa antara kakitangan kerajaan ini, antara sektor perkhidmatan awam dengan anggota tentera. Kenapa pencen anggota tentera ini perlu dibayar menggunakan caruman kerajaan di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera sedangkan pencen anggota perkhidmatan awam yang lain tidak digunakan caruman kerajaan di dalam EPF. Jadi, saya rasa bahawa, ini yang dikatakan satu yang tidak-tidak adil. Sepatutnya anggota tentera, risikc kerja dia lebih tinggi, lebih besar daripada anggota perkhidmatan awam. Jadi, sepatutnya mereka dibayar. Itu hak mereka, caruman majikan kepada mereka, sepatutnya mereka dapat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan, ada beberapa keunikan dalam perkhidmatan tentera dan keunikan ini, sebahagian kita ambil kira, sebahagian lagi belum benar-benar dapat kita terjemahkan dalam bentuk terma perkhidmatan yang begitu menarik. Sebab itulah kita bersetuju untuk membuat kajian yang menyeluruh dan saya berharap Ahli Yang Berhormat itu sabarlah dalam sedikit masa lagi. Saya tahu dia hendak *claim* banyak *political credit* Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*] Tetapi sebenarnya dalam hal ini, memang sedang kita perjuangkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya rasa Dato' kena tarik balik kata saya hendak cari *political credit*. Tadi Dato' telah *claim* bahawa kita bersepakat antara pihak kerajaan dengan pihak pembangkang bahawa dalam soal hal kebajikan anggota tentera ini, saya bukan hendak mencari *political credit* tetapi saya merasakan bahawa ini tugas kita bersama, bertanggungjawab kita bersama. Sama ada daripada pembangkang ataupun daripada pihak kerajaan, untuk memastikan hak anggota tentera. Saya rasa bahawa jangan mengambil masa terlalu lama. Saya rasa ini terlalu lama hendak ambil, hendak putus supaya caruman kerajaan itu perlu dibayar tidak kepada anggota tentera yang sudah pencen ini. Terlalu lama sangat ambil masa baru hendak kaji. Lima tahun lagi saya mari tanya, baru hendak kaji lagi, dalam pertimbangan pula. Jadi, yang teraniayanya ialah anggota tentera.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak mahu mendapat *political credit* saya nasihat tidak payah masuk penjara, bayar denda lebih baik daripada masuk penjara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekali lagi saya hendak sebut bahawa saya masuk penjara bukan untuk mendapat *political credit* tetapi saya hendak jelas bahawa saya tidak mengizinkan walaupun satu sen wang saya diberikan kepada kerajaan yang zalim. Itu saya punya mesej kepada rakyat. Itu saya harus per jelas. Beberapa hari ini wakil bagi Rompin menempelak saya. Saya kata bukan heret dia masuk penjara sekali Tuan Yang di-Pertua yang membuatkan dia susah hati dan sebagainya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan ini...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya pertegas saya bukan mencari *political credit* sebab saya rasa kalau saya duduk di luar saya boleh dapat *political credit* lagi banyak. Orang kata saya hendak cari nama saya rasa nama saya sudah baik Mahfuz. [*Disampuk*]. Ya, saya bukan mengata orang saya menjawab bagi respond kepada Dato'. Sorry Dato' ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Berhubung dengan pencen hilang upaya ini Tuan Yang di-Pertua, kita sudah kenal pasti ada dalam lebih kurang 260 orang anggota kita yang hilang upaya pencen mereka telah dinaikkan sebanyak 40% tetapi oleh kerana kadarnya masih rendah lagi Kementerian Pertahanan telah meminta LTAT untuk menambahkan lagi pembayaran kepada mereka sebagai pembayaran khas sehinggalah pada tahap RM400 minimum tiap-tiap bulan. Ini keputusan kita telah buat pembayaran sedang kita lakukan terutama sekali bagi mereka yang hilang upaya dan tidak ada pekerjaan yang lain melainkan mereka yang hilang upaya sedikit cedera ringan tetapi ada kerja lain itu kita akan pertimbang secara case by case Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sedikit Dato'. Itu yang disebut tadi bahawa itu bukan pemberian daripada kerajaan tetapi daripada Tabung Angkatan Tentera. Tabung Angkatan Tentera ialah hasil daripada caruman-caruman yang mereka telah carum – anggota tentera yang hilang upaya termasuk mereka itu mereka carum lalu tabung ini telah berjaya menghasilkan pelaburan dan sebagainya keuntungan mereka dapat. Jadi maknanya mereka dapat daripada duit mereka balik bukan hasil ehsan daripada kerajaan untuk memberikan kepada mereka yang hilang upaya ini. Saya ada gambar mereka yang hilang upaya. Satu memorandum mereka kepada Dato' juga kepada Perdana Menteri juga kepada Menteri Kewangan. So, saya kira sepatutnya sekarang yang persoalan pokoknya ialah pemberian daripada kerajaan. Itu saya tuntut supaya ia dibayar mengikut skim PERKESO iaitu berdasarkan kepada gaji akhir dia.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang penting bagi mereka ini bukan sama ada daripada kerajaan ataupun LTAT asalkan mereka dapat pendapatan minimum sebanyak RM400. Lagipun LTAT sebenarnya didukung sepenuhnya oleh kerajaan dan bukan sahaja daripada peruntukan pencarum tetapi peluang perniagaan yang diberi oleh kerajaan itu begitu istimewa sekali pada LTAT. Kalau LTAT merupakan badan biasa tidak mungkin LTAT dapat keuntungan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian atas saranan-saranan supaya LTAT diurus dengan sebaik mungkin. Salah satu daripada tujuan seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju kita meminda akta ini supaya pendapatan LTAT akan dapat ditingkatkan melalui pelaburan secara yang lebih dinamik dalam instrumen-instrumen kewangan yang boleh memberi pulangan yang lebih tinggi lagi. Dalam pada itu sebagai Menteri yang bertanggungjawab atas urusan LTAT saya amat berpuas hati dengan perjalanan LTAT selama ini, boleh dikatakan LTAT antara badan kewangan ataupun institusi yang telah ditadbir dengan baik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan pindaan kepada Akta Tabung Angkatan Tentera ini, terutama sekali saya hendak tekankan ini satu keputusan yang amat luar biasa yang dibuat oleh kerajaan iaitu memberi secara percuma unit amanah saham kepada anggota-anggota tentera kita yang menjadi pencarum. Ini merupakan satu pemberian yang luar biasa yang mudah-mudahan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dato' duit kerajaan ataupun duit tabung?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan bahawa LTAT adalah sebuah badan yang berkembang pesat kerana sokongan kerajaan. Jadi tidak usahlah Yang Berhormat kata ini bukan kerajaan. Ini adalah keputusan kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ucapkan terima kasih tetapi untuk hendak claim kata kerajaan beri sepenuhnya sebagai anugerah percuma unit amanah saham ini kepada anggota tentera saya rasa tidak betul sebab diberi atas nama wang tabung. Sebahagian besarnya wang tabung itu dihasilkan oleh caruman daripada anggota tentera. Maknanya mereka dapat balik hasil daripada yang mereka carum. Itu yang sepatutnya diperjelaskan. Ini yang dikata kerajaan hendak cari political credit ini.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Wangsa Maju ya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pertahanan bersetuju dengan saya yang kerajaan selama masa ini memberi gerangan yang khas kepada LTAT untuk tujuan-tujuan untuk menjaga kebajikan-kebajikan anggota tentera yang sedang berkhidmat dan juga yang sudah bersara. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya, memang benar Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya LTAT menerima tiga punca. Satu geran daripada kerajaan, satu pencarum dan ketiga ialah peluang perniagaan yang istimewa diberikan oleh kerajaan kepada LTAT. Jadi tidak benarlah sebenarnya, tidak kena sepenuhnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Betul Tuan Yang di-Pertua, saya akui tidak sepenuhnya macam juga Dato' tidak kena sepenuhnya. Sama-sama tidak kena sepenuhnya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatianlah, saranan tadi semua positif saya lihat ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang berucap menyokong penuh dan mudah-mudahan ini akan merupakan sokongan politik dan moral yang kuat untuk kita memperjuangkan untung nasib dan masa depan anggota-anggota tentera kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya sudah baca, Yang Berhormat. Hendak kata apa.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya sudah bangkit awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Bangkit awal lagi, saya tidak nampak. Sila, sila kemukakan.

Fasal 1 hingga 10 –

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit saya hendak dapat penjelasan di bawah Fasal 8 ini tentang pelaburan yang menyebutkan,

*"(vi) dalam apa-apa pelaburan lain dalam Malaysia:
Dengan syarat bahawa kelulusan bertulis terlebih dahulu Menteri
dan Menteri Kewangan hendaklah diperolehi berkenaan dengan
pelaburan yang hendak dijalankan itu dan juga jumlah amaun wang
hendak dilaburkan itu.*

Saya ingin mendapat penjelasan tentang saya dapati dan ini saya telah sebutkan di dalam membahas di peringkat dasar belanjawan dahulu tentang terdapatnya pelaburan bagaimana Tabung Angkatan Tentera di dalam skim-skim syarikat-syarikat perjudian di negara kita. Jadi pada hemat saya kebanyakan anggota tentera ini dari kalangan orang-orang Islam dan tidak wajarlah mereka mendapat keuntungan daripada syarikat judi terutamanya di waktu mereka sudah berusia lanjut. Jadi saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri apakah pihak kerajaan memberi pertimbangan pada masa depan supaya pelaburan dalam syarikat-syarikat judi ini walaupun dikatakan mendapat keuntungan besar tidak lagi akan berterusan dan satu

panel untuk meneliti syarikat-syarikat yang menawarkan saham-saham itu tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang diharamkan oleh Islam. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, LTAT mempunyai panel pelaburannya dan mengikut ketetapan, pelaburan LTAT dikehendaki selaras dengan hukum-hukum agama.

Tuan Pengerusi: Ya.

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang yang lain di nombor 5 hingga 12 yang tertera pada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita bermesyuarat selama lebih kurang 3 bulan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua Ahli Yang Berhormat dan pegawai yang beragama Islam, juga saya ucapkan Selamat Hari Natal kepada mereka yang beragama Kristian, *Merry Christmas*, juga Selamat Tahun Baru kepada orang-orang Cina, *Sin Yen Khoi Lok [Tepuk] "Gong Xi Fa Chai*.

Moga-moga dalam tahun baru, semua akan beroleh kejayaan yang bertambah lagi. Amnya kepada kesemua yang ada di sini, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru untuk tahun 2001. Selamat Yang Berhormat-Yang Berhormat balik dan insya-Allah kita akan berjumpa lagi pada sesi yang akan datang. Moga-moga kita akan memperoleh satu motivasi yang baru dalam tahun baru ini.

Bagi pihak Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dan bagi pihak saya sendiri, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pegawai-pegawai sekalian yang telah memberi segala kerjasama kepada kami untuk menguruskan mesyuarat ini. Jika tidak ada kerjasama ini, tentulah mesyuarat ini tidak dapat diselenggarakan dengan baik.

Kita berharap juga janganlah ada perkataan-perkataan atau perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan ketenteraman dan harmoni di antara kaum di Malaysia ini. Keamanan itu sungguh tinggi nilainya, bahkan tidak ada nilainya. Yang demikian, keamanan hendaklah dijaga dan diasuh supaya berkekalan sehingga ke anak cucu kita yang akan datang.

Dengan kata-kata ini, saya tangguhkan mesyuarat kepada satu tarikh yang belum ditetapkan.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.